05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kajian Terdahulu

Kajian yang terdahulu ada ditemui dan sering membincangkan unsur-unsur sejarah dan dasar pemerintahan dalam negara. Pengkaji juga ada menemui hasil kajian yang hampir sama dalam konteks mengkaji iaitu tentang watak perwatakan dalam teks *Sejarah Melayu.* Begitu juga dengan penelitian secara khusus telah dilaksanakan terhadap peranana watak-watak wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* dan dalam konteks masyarakat Melayu.

Pengkaji telah menyentuh aspek sejarah ketokohan dan peranan wanita dalam masyarakat Melayu dari zaman Melaka. Sebenarnya unsur-unsur sejarah yang telah dimuatkan dalam teks *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* adalah banyak aspek tentang sejarah ketokohan, kehebatan dan kebijaksanaan kaum wanita dalam menterjemahkan corak pentadbiran negara, keadaan ini juga boleh disasarkan pada pemikiran pembaca, pelajar dan masyarakat negara kita.

Pandangan pengkarya tentang peranan wanita dalam kehidupan dan nilai-nilai *Sejarah Melayu* dalam masyarakat dahulu dan hari ini adalah berbeza , telah dinyatakan melalui Analisis Isi dan fungsi (karya Abd. Rahman Kaeh dan Zahir Ahmad , Sejarah Melayu ,tahun 1993; 127). Menurut Abd Rahman Kaeh dan Zahir Ahmad (1993;127) bahawa wanita juga memainkan peranan yang agak penting seperti kaum lelaki yang dianggap oleh masyarakat begitu hebab tetapi tidak kurang juga dengan golongan wanita yang sama-sama berperanan sama seperti kaum lelaki dalam menharungi kehidupan dan sebagainaya. Menurutnya lagi tentang kaum wanita adalah penting kerana boleh menakluki negara contohnya seperti Tun Fatimah, Tun Teja dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Salihan Sais, pengentahuan dan penguasaan tentang sesuatu mata pelajaran yang dipelajari khususnya (novel sejarah) perlu dikuasai sebelum mengambil satu kursus tentang unsur lain yang lebih mendalam. Bila keadaan ini dapat dilakukan, secara tidak langsung dapat memudahkan pembaca dan masyarakat untuk memahami dan menghayati seterusnya dapat menguasai unsur tersebut. (1993;23)

2.4 Teori Persejarahan Baru (Teori Historis)

Gagasan teori ini bukanlah suatu teori yang baru diperkenalkan dalam bidang penulisan malah telah lama diketengahkan oleh para sarjana barat. Namun teori ini banyak membangkitkan nilai dan unsur sejarah tempatan mahupun yang berlaku di luar Negara dalam arena sejarah sebenar. Apa yang dimaksudkan dengan nilai sejarah ialah sesuatu yang pernah berlaku ataupun terjadi dan menjadi sumber fakta-fakta penting dalam riwayat dan lembaran pentadbiran dan pemerintahan dalam sesebuah Negara. Sejarah juga dikaitkan dengan masa dan fakta yang berlaku itu bukanlah masa lalu melainkan bersifat masa kini (*history of the present*).

Menurut sarjana barat seperti (*Foucault*) Ia tidak tertarik dengan sejarah masa lalu yang konvensional, ia mengumpulkan data sebanyak mungkin untuk menggambarkan masa silam selengkap-lengkapnya. Pemikiran Foucault yang telah menawarkan idea-idea tentang tafksiran semula sejarah dengan makna dan konsep kuasa. Dalam sastera, unsur sejarah tidak hanya dilihat berhubung kait dengan cerita dan peristiwa yang membina struktur teks semata-mata. Hal ini jelas, kerana pada masa kini penuh dengan persoalan yang selalu dihebohkan, dengan memahami sejarahnya. Dengan demikian, penulis sastera sejarah adalah untuk masa kini dan bukan untuk masa silam. Namun teori ini menterjemahkan fakta sejarah yang pernah berlaku dalam

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat Melayu lama dan pada masa silam terutama dalam Karya Agung seperti teks *Sulalatus Salatin.*

Sejarah juga akan menggambarkann masa kini bila ada pendapat tentang kehidupan orang-orang Melayu yang berkaitan dengan perjuangan menentang penjajah, pembinaan jati diri dan ketinggian moral tidak pernah dikesampingkan, malah terus dijadikan obor dalam menyemarakkan perpaduan dan membina jati diri Melayu hingga ke hari ini. Penghasilan Karya Agung seperti teks *Sulalatus Salatin selenggaraan A. Samad Ahmad* misalnya, bertujuan untuk menimbulkan kesedaran tentang peranan yang telah dimainkan oleh watak-watak wanita dengan penuh semangat kegigihan, ketabahan, semangat perjuangan dan kehebatan pejuang-pejuang wanita Melayu menentang penjajahan portugis di tanah Melayu.

Penulis telah menurunkan satu analogi yang mudah kepada kita agar lebih memahami dan keserasiannya dengan semangat baru yang telah disentuh oleh penulis dalam hasil karyanya. Teori Persejarah Baru tidak membataskan penelitiannya terhadap karya Agung sahaja malah novel-novel yang berunsur sejarah juga ada kaitannya dengan teori ini, iaitu merangkumi semua karya-karya lain dalam genre sastera yang terkandung dalam sastera Melayu.

Sejarah akan memaparkan kejadian lalu dan masa kini bila idea tentang perkara-perkara penting dan jika berlaku sebarang pelaporan dan catatan lama ditemui. Manakala fakta-fakta sejarah akan diketengahkan pada masa kini, malah ia merupakan salah satu proses tranformasi yang amat penting bahawa masa lalu harus terus direevalusi. Menulis tentang sejarah masa lalu adalah melihat sesuatu yang baru, sebagaimana penulis melihat peristiwa baru dalam biografi seseorang dalam rangka pengalaman psikoanalisis. Masa lalu pada perinsipnya, boleh mengungkapkan makna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baru dalam konteks peristiwa-peristiwa baru. Hal ini akan menghindari kemungkinan adanya hubungan pandangan dan tanggapan awal yang sederhana diungkapkan masa lalu dan masa kini. Teori Historisme muncul pada masa lalu dan tidak sukar untuk memahaminya kerana itulah, sejarah dahulu selalu dijadikan sejarah masa kini.

Berkaitan dengan idea sejarah masa kini dan masa lalu yang harus kita ingati. Foucault telah menegaskan bahawa konsep tentang 'geneologi' *(genealogy)*. Geneologi adalah sejarah yang ditulis untuk kepentingan-kepentingan masa kini iaitu sesuatu hubungannya yang rapat dan penuh komitmen terhadap masalah-masalah secara kontemporeri. Sejarah juga perlu menggambarkan atau menjelaskan tentang peristwa-peristiwa masa kini yang berentetan dengan fakta-fakta sejarah masa lampau terutama apa yang berlaku di negeri melaka seperti yang digambarkan oleh Tun Sri Lanang melalui teks *Sulalatus salatin*. Dengan demikian, geneologi adalah 'sejarah yang efektif' *(effective history)* yang ditulis semula dalam bentuk sastera moden sebagai penglibatan secara kontemporeri.

2.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa fakta-fakta sejarah atau unsur-unsur sejarah tanah air terutama tentang peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin selenggaraan A. Samad Ahmad* adalah penting kepada masyarakat lama dan terkini dan sehingga kini masih lagi diambil tahu oleh pelajar, pembaca dan masyarakat, begitu juga dengan pengkaji yang telah membuat kajian tentang menelusuri peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin selenggaraan A. Samad Ahmad.*

Sebaliknya karya ini banyak mendapat tempat yang agak istimewa dan sangat dititik berat dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah dan masyarakat. Daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pernyataan dan keterangan tentang peranan wanita adalah amat penting dalam sejarah bangsa kepada setiap individu Negara ini adalah penting untuk melahirkan rakyat yang mempunyai semangat kenegaraan atau nasionalisme. Bukti lain selain teks *Sulalatus Salatin* adalah berdasarkan teks *Sejarah Melayu* lama yang banyak mengetengahkan watak wanita iaitu dalam teks *Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu* yang banyak memberi pemikiran baru dan mesej yang cuba di terapkan secara tersurat mahupun tersirat dan sesuai sebagai renungan generasi dahulu sehingga kini.

Sebenarnya di dalam Teks *Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu* memang banyak terkandung unsur-unsur sejarah perjuangan wanita untuk menentukan corak pemerintahan, keadilan dan melepaskan tanah Melayu dari dijajah oleh bangsa asing. *Teks Sejarah Melayu atau Sulalatus Salatin* adalah menjadi sumber keagungan masyarakat Melayu lama dalam menggarapkan ketokohan dan perjuangan masyarakat Melayu lama sehingga kini yang ada persamaan antara satu sama lain dalam pelbagai bidang dan kegiatan masyarakat. Begitu juga dengan apa yang diketengahkan oleh penulis melalui hasil karyanya yang penuh penonjolan tentang peranan wanita zaman lalu yang berdasarkan sejarah sebenar dalam lipatan sejarah tanah air.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metodologi Kajian atau kaedah pendidikan merupakan satu "blue print" bagi setiap dan segala aktiviti oleh pengkaji dan penyelidik bagi menetapkan cara yang bagaimana hendak menguji hipotesis,mempelajari subjek atau menghuraikan segala sasaran yang mungkin dihadapi oleh pelajar dan pengkaji. Ia sebenarnya adalah untuk menjelaskan segala rancangan pengkaji atau penyelidik dalam pelbagai tahap iaitu bagaimana melaksanakan kajian atau penyelidikan.

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan bagaimana prosedur dan metodologi kajian yang telah digunakan dalam kajian yang akan dijalankan .Menurut kamus dewan edisi ketriga (1997;887) telah mendefinisikan bahawa metodologi kajian adalah sebagai satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip-prinsip yang telah digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam sesuatu kegiatan, disiplin,dan sebagainya. Manakala kajian pula ialah boleh ditakrifkan sebagai salah satu kegiatan (usaha, proses) mengkaji sesuatu bahan kajian yang perlu dilakukan.

Kajian yang telah dilakukan adalah dengan menggunakan kaedah kajian teks dan pelajar tingkatan enam di beberapa buah sekolah menengah di Kelantan. Dalam kajian ini telah melibatkan buku teks *Sulalatus Salatin* dan dibantu oleh pelajar. Tujuan sebenar pengkaji adalah untuk mengukur tahap menghayati tentang peranan yang dimainkan oleh watak-watak wanita dalam teks yang dikaji. Aspek yang telah dibincangkan oleh pengkaji dala kajian ini adalah mengenai peranan dan tanggunjawab wanita pada zaman kerajaan Melayu Melaka berbanding dengan wanita zaman moden pada hari ini.

Tujuan lain pengkaji menyatakan unsur yang sedemikian adalah untuk pengumpulan maklumat, pengnalisisan maklumat dan jadual perancangan serta proses penghayatan danb menghayati teks kajian dengan lebih memdalam lagi. Dengan ini jelaslah bahawa masyarakat, pembaca dan pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap bahan yang diajar seperti unsur kewanitaan dan peranannya dalam masyarakat lama dan moden pada hari ini. Pengkaji juga dapat mengukur tentang kefahaman dan penhayatan masyarakat, pembaca dan pelajar terhadap hasil pembacaan dan pembelajaran dengan menggunakan teks *Sulalatus Salatin selenggaraan A.Samad Ahmad.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Kerangka Konsep

Kajian ini adalah berdasarkan kepada andaian bahawa masyarakat, pembaca dan pelajar dapat mengaplikasikan pembacaan dalam sebuah buku teks yang telah dikaji berdasarkan kaedah pembelajaran yang sesuai dengan menghayati, memahami dan penghayatan terhadap peranan watak wanita dalam pembacaan teks *Sulalatus Salatin selenggaraan A. Samad Ahmad.*

Pengkaji juga telah dapat menarik minat masyarakat, pembaca dan pelajar supaya mengentahui dengan lebih jelas apa yang dikatakan dengan menghayati dan memahami hasil daripada pembacaan teks *Sulalatus Salatin* terhadap peranan wanita pada masa lalu dan zaman moden pada hari ini. Kaedah yang digunakan untuk kajian adalah menghayati dengan mendalam dan wajar dilaksanakan bagi mewujudkan pengalaman baru dan keseronokan serta impaknya kepada keperibadian atau sikap pelajar apabila seseorang itu berhadapan dengan teks sastera, yang lebih dirujuk kepada keseronokan, kenikmatan dan penghayatan semata-mata tanpa ada tujuan lain.

3.3 Sampel Kajian

Sampel kajian bagi kajian yang telah dijalankan ke atas buku teks sekolah tingkatan enam yang bertajuk *Sulalatus Salatin selenggaraan A.Samad Ahmad.* Kajian ini juga telah dijalankan berdasarkan kajian perpustakaan dan keatas masyarakat, pembaca, pelajar tingkatan enam, guru tingkatan enam dan pensayarah dalam bidang ini. Kajian teks yang dijalankan adalah melalui buku teks, buku rujukan yang berkaitan dengan peranan wanita zaman lampau dan masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara buku bantuan lain dalam proses mengkaji teks ialah bertajuk, *Pemahaman dan Penghayatan, Sulalatus Salatin, yang ditulis oleh (Zainon bt Sheikh Ahmad;1998 299-305)* pemilihan sampel yang sebegini adalah amat bertepatan sekali dengan kehendak soalan dan ketrampilan untuk aplikasi tentang menghayati peranan wanita yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* .

Sampel kajian bagi penyelidikan dan kajian yang dijalankan adalah berdasarkan teks *Susalatus Salatin*, Pensyarah, Guru-Guru dan pelajar tingkatan enam atas aliran sastera. Sampel yang diperolehi adalah berdasarkan kaedah persampelan kelompok (Mohd Majid Konting,1990;12). Pemilihan sampel adalah secara rawak berdasarkan kelas aliran sastera yang terpilih. Saiz sampel yang besar adalah disyorkan agar ralat persampelan adalah kecil (Tuckman,1978;34). Saiz sampel yang besar juga akan membantu meningkatkan kestabilan dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji tidak menetapkan sampel kajian hanya beberapa orang pelajar tingkatan enam, pemgemar sastera dan masyarakat sahaja untuk ditemu bual secara lisan dan secara rawak bagi mendapat jawapan dan kepastian yang sebenar terhadap peranan wanita yang telah digambarkan dalam teks *Sulalatus Salatin*. Secara keseluruhannya sampel kajian adalah untuk mengukur sejauhmana masyarakat, pembaca sastera dan pelajar dapat menghayati peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin*. Beberapa buah Sekolah yang terlibat dengan perlaksanaan penghayatan pelajar atau menghayati terhadap peranan wanita dalam proses pembelajaran dan pengajaran sastera. Pemilihan sampel dalam kajian ini, adalah berdasarkan kajian dan perkembangan dengan pihak pentadbiran sekolah, khasnya guru-guru yang melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan buku teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sulalatus Salatin sebagai teks kesusasteraan Melayu yang wajib diambil bagi aliran sastera untuk tingkatan enam sahaja. Sampel kajian yang dipilih secara tidak langsung mewakili semua populasi dan pengkaji juga dapat melihat tahap menghayati dan kefahaman masyarakat, pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran teks *Sulalatus Salatin.*

3.4 Reka Bentuk Kajian

Dalam melaksanakan kajian ilmiah ini, pengkaji akan melakukan satu kajian tentang menghayati peranan dan kedudukan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin.* Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana mereka menghayati dan pemahaman tentang peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* oleh pembaca, masyarakat dan pelajar tingkatan enam yang menghayati proses pembelajaran semasa di bilik darjah, begitu juga dengan masyarakat dan pembaca tentang hasil dari bahan bacaan agar dapat memberi suatu ilmu baru dalam memahami hasil bacaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu juga kajian ini sedikit sebanyak cuba menyelongkar sebab-sebab yang telah mempengaruhi tahap menghayati dan pemahaman pembaca, masyarakat dan pelajar dalam teks sastera iaitu teks *Sulalatus Salatin.* Terdapat beberapa reka bentuk kajian yang akan digunakan sepanjang penyelidikan ini.

3.4.1 Kajian Teks

Kajian teks akan dilakukan ke atas sebuah teks sastera tingkatan enam iaitu karya Agung yang bertajuk *Sulalatus Salatin.* Kajian ini lebih mementingkan tahap menghayati dan memahami konsep wanita serta peranan dan kedudukan wanita yang terdapat dalam teks sastera yang digunakan oleh pelajar-pelajar tingkatan enam. Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dijalankan ke atas teks, mengenai peranan watak wanita yang terdapat dalamnya. Antaranya yang ditemui ialah wanita sebagai peyambung zuriat. Terutama dari golongan raja, contoh salasilah kerajaan Melayu Melaka yang berkaitan dengan Raja Iskandar Zulkarnain yang berkahwin dengan Puteri Benua Kida Hindi iaitu Tuan Puteri Syahrul Bariah.

Melalui kajian teks juga pengkaji dapat mengetahui tentang wanita yang dianggap sebagai barang Hadiah. Contohnya melalui watak Dang Bunga dan Dang Bibah yang dihantar ke pasai kerana dapat menjawab masaalah agama.Hasil kajian lain juga mengenai wanita yang dianggap sebagai punca tragedi. Contohnya pembunuhan Tun Jana Khatib kerana Raja Sri Maharaja cemburu .Tun Jana Khatib telah menenung pokok pinang gading di hadapan permaisuri baginda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelas menunjukan bahawa peranan dan kedudukan wanita begitu lemah dan hanya sebagai alat sahaja.Walaupun wanita membawa unsur negatif namun ada juga yang mendapat tempat yang tinggi serta maruah dan kepentingan mereka terbela. Contohnya kisah Puteri Gunung Ledang dan Sultan Mahmud Syah.Jelas suara wanita mendapat perhatian sehinggakan Sultan Mahmud Syah sangup tunduk dengan kehendak syarat-syarat Puteri Gunung Ledang,misalnya membina jambatan emas dan perak dari Istana melaka hingga ke puncak Gunung Ledang.(Zainon Bt Sheikh Ahmad ,1998:300). Hasil kajian ini akan diceritakan dengan jelas dalam bahagian analisis teks pada bab empat nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Kajian Perpustakaan

Kaedah pemerhatian dan perbualan secara lisan adalah merupakan alat bantuan dalam proses pengkaji membuat kajian atau penyelidikan untuk mendapatkan data dan maklumat tambahan . temu bual juga merupakan kaedah untuk mendapatkan data dan maklumat dengan menyediakan soalan secara lisan dan bertulis dan dimajukan kerpada sampel bagi populasi yang dikaji. Cara dan kaedah yang sama juga digunakan untuk responden bagi setiap sampel populasi yang telah dikaji.

Kajian perpustakaan juga ada mengetengahkan unsur-unsur ini melalui buku-buku rujukan perpustakaan. Selain itu juga, kajian ini telah memaparkan tentang penghayatan atau menghayati peranan wanita yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin*. Namun kajian teks merupakan yang paling utama dilakukan oleh pengkaji bagi mendapat maklumat yang tepat tentang peranan wanita dalam teks itu. Dengan adanya pandangan dan jawapan sampel lain dapat membantu pengkaji membuat andaian yang positif tentang peranan wanita pada zaman lampau.

Rujukan buku-buku yang hampir sama dan mengandungi unsur-unsur sejarah lampau dan berkaitan dengan teks *Sulalatus Salatin* akan dilihat secara aktif dalam perpustakaan. Ujian pengesanan sebegini adalah penting dan merupakan salah satu kaedah bantuan untuk mengumpul segala data yang dilakukan oleh pengkaji. Dalam melicinkan ujian pengesanan ke atas buku-buku sejarah yang hampir sama dengan teks yang dikaji telah memudahkan lagi pengkaji mencari maklumat dan jawapan tentang kepentingan dan peranan wanita pada zaman lampau untuk dijadikan sebagai pedomen dalam kehidupan. Pengkaji akan melihat pelbagai teks sejarah yang dikaji berdasarkan aspek sifat wanita dan biasanya menyentuh tentang peranan dan kedudukan wanita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam teks *Sulalatus Salatin* dan timbulnya persoalan perbandingan wanita zaman dahulu dengan wanita pada zaman moden pada hari ini.

3.4.3 Temu Bual atau Wawancara

Temu bual atau wawancara secara tidak rasmi juga telah dijalankan ke atas beberapa orang guru dan juga pelajar tingkatan enam atas dan rendah. Tujuannya adalah untuk mendapatkan sebarang maklumat sampingan yang berkaitan dengan menghayati atau penghayatan, pemahaman pelajar tentang peranan dan kedudukan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* dan juga bagi melicinkan analisis dapatan kajian .

Kaedah temu bual juga telah dijalankan keatas pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu, menurut pandangan Dr. Haji Talib Samad terhadap peranan wanita yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah luas konteks dalam kehidupan sejagat. Beliau telah menyatakan secara lisan semasa penkaji mengunjunginya di pejabatnya baru-baru ini. Beliau telah menyatakan tentang peranan yang dimainkan oleh wanita adalah berunsur negatif dan positif dan saling seimbang antara satu sama lain.antaranya ialah wanita telah diangap sebagai seorang pengoda kaum lelaki terutama golongan raja. Hal ini jelas sekali dikaitkan melalui watak Tun Teja dan Tun Fatimah dalam teks *Sulalatus Salatin* yang menjadi idaman raja dan Sultan Mahmud.

Menurut pandangan guru sastera tingkatan enam di salah sebuah sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Kelantan iaitu (Tn.Hj.Ab Aziz) walaupun intipati cerita *Sulalatus Salatin* mengenai kedudukan atau keistemewaan Raja-Raja khususnya Kesultanan Melayu Melaka namun wanita memainkan peranan yang penting dalam menentukan senario politik Melaka pada masa itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Populasi Kajian

Menurut Mohd Majid Konting, populasi boleh didefinisikan sebagai satu set ciri yamg boleh menunjukan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Populasi yang menunjukan ukuran-ukuran tertentu mempunyai satu pemboleh ubah yang sejajar dengan julat (2000:58,59)

Populasi kajian yang telah dibuat ke atas sebuah teks karya Agung yang bertajuk *Sulalatus Salatin*. Pengkaji juga telah memilih beberapa orang pelajar tingkatan enan untuk ditemu bual secara rawak mengenai tajuk kajian agar mendapat penjelasan yang bernas. Pengkaji juga telah memilih beberapa orang pensyarah, guru dan orang perseorangan untuk diwawancara dan ditemu bual bagi mengenal pasti tahap menghayati peranan wanita dalam teks agar dapat dikenal pasti penghayatannya. Populasi yang telah dipilih ialah masyarakat, pembaca, guru-guru, pensyarah dan pelajar tingkatan enan atas yang beraliran sastera dan terlibat dengan karya agung iaitu Teks *Sulalatus Salatin* Selenggaraan A. Samad Ahmad.

Pemilihan secara rawak tersebut adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana perkembangan, kejayaan dan keberkesanan pelajar dalam menghayati peranan wanita serta dapat diaplikasi dalam pembacaan teks *Sulalatus Salatin* yang mampu mengubah pendirian, stail atau personaliti pelajar kearah yang lebih positif. Pengkaji juga mahu melihat keadaan latar belakang pelajar luar Bandar yang rata-rata pelbagai situasi dan sikap kesan dari pengalaman yang lalu, namun selepas membaca dan menghayati teks *Sulalatus Salatin* dapat membuka pandangan dan sikap yang terbuka terhadap isu yang dibingcangkan dalam teks Sulalatus Salatin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan ini, secara tidak langsung pengkaji dapat memastikan masaalah yang berlaku dan dapat mengenal pasti masaalah yang terlibat daripada populasi yang telah dipilih. Dengan keadaan yang demikian, ketepatan populasi amat penting dalam kajian yang telah dijalankan. Keadaan ini juga dapat membantu kajian, iaitu dalam mengukur sejauh mana proses menghayati atau penghayatan dan memahami yang mampu mengubah personaliti masyarakat, pembaca dan pelajar ke arah yang lebih yang positif hasil dari proses pembacaan teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A. Samad Ahmad.

3.6 Prosedur Pengumpulan Maklumat dan Fakta

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji mestilah mengikuti dan melalui beberapa prosedur. Dalam proses prosedur pengumpulan data, pengkaji mestilah bermula dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk membuat kajian Ilmiah. Surat kebenaran yang telah diluluskan oleh pihak di atas akan memudahkan lagi proses penyelidikan dijalankan dengan lebih lancar dan sempurna tanpa berlaku sebarang masaalah semasa penyelidikan dijalankan.

Manakala dari segi kepentingan pula, kajian teks, kajian perpustakaan dan kaedah temu bual merupakan instrument yang amat penting bagi membolehkan pengkaji untuk mendapatkan segala maklumat yang dikehendaki dan berdasarkan kepada penilaian pengkaji. Segala pengumpulan maklumat dan fakta juga didapati daripada teks, masyarakat, pembaca dan pelajar tingkatan enam dari sekolah yang dipilih secara rawak di negeri Kelantan.

Selain daripada itu, pengkaji juga telah mengadakan sesi temu bual dengan beberapa orang pelajar dan guru sastera bagi mendapatkan maklumat yang terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Temubual secara lisan telah dibuat kepada guru sastera selepas pelajar menjawab soalan soal selidik. Berdasarkan kepada soalan soal selidik dan soalan lisan yang telah disediakan terlebih awal oleh pengkaji agar tidak menghadapi sebarang masaalah dan kekeliruan terhadap fakta yang bakal diperolehi.. Kemudian pengkaji akan membuat analisis berdasarkan fakta-fakta dan maklumat yang diperolehi dan dikumpul bagi melihat sejauh mana masyarakat, pembaca dan pelajar menghayati terhadap peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin.*

Pemilihan sekolah yang sesuai di negeri kelantan adalah sebagai salah satu lokasi untuk menjalankan penyelidikan dan memudahkan pengkaji membuat kajian, di samping bersesuaian dengan tinjauan kajian dan penyelidikan yang hendak dikaji. Selain daripada itu juga, dapat memudahkan pengkaji agar melihat sejauh mana pembaca, masyarakat dan pelajar dapat menghayati peranan watak wanita dalam teks *Sulalatus Salatin.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Penganalisisan Maklumat dan Fakta

Mohd Majid Konting (2000:309) telah menjelaskan tentang data, data merupakan bahan mentah. Sebagai bahan mentah, data tidak memberi sebarang maklumat yang berguna kepada pengkaji mengenai sesuatu masaalah yang dikaji kecuali data itu dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Penganalisisan data melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, mengabung dan menjadual. Penganalisisan data juga melibatkan petikan peristiwa dalam teks akan dikeluarkan ke dalam latihan ilmiah ini. Berdasarkan maklumat yang dihasilkan daripada penganalisisan tersebut, pengkaji akan menggunakan maklumat tersebut sebagai bukti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk membuat sesuatu keputusan, andaian secara jelas berdasarkan petikan teks yang akan diketengahkan dalam bab empat nanti.

Hasil dapatan analisis yang akan dilakukan adalah bergantung sepenuhnya kepada jawapan responden yang menjadi sampel kajian . Data dan maklumat yang dijangka akan diperolehi dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Secara keseluruhan data akan dikaji dengan menggunakan "variable analysis". Kaedah ini adalah untuk menerangkan contoh tinjauan dan menghuraikan pembolehubah yang dikaji pada suatu masa berdasarkan faktor-faktor:

i. Kekerapan taburan bagi jawapan untuk setiap item soalan lisan dari temu bual.

ii. Menukarkan jawapan itu ke dalam bentuk penulisan dan petikan akan diambil.

iii. Kekerapan taburan bagi ujian pengesanan secara lisan dan temu bual di beberapa buah Sekolah Menengah ysng beraliran sastera.

iv. Membuat kajian keatas teks *Sulalatus Salatin Selengaraan A.Samad.Ahmad.*

3.8 Jadual Perancangan Dan Pengumpulan Fakta

07 / 03 / 2009 -Menyediakan tajuk latihan ilmiah .

12 / 07 / 2009 -Berbincang isi mengenai tajuk latihan ilmiah dengan pensyarah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

17 / 08 / 2009	-Menyerahkan tajuk latihan ilmiah kepada pensyarah.
	-Pensyarah menerangkan cara-cara penyediaan penulisan latihan ilmiah.
25 / 08 / 2009	-Membuat rujukan di perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) .
03 / 09 / 2009	-Mencari bahan rujukan di koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Kota Bharu.
10 / 09 / 2009	-Mendapatkan bahan kajian yang lepas di perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

10 / 09 / 2009	-Mendapatkan bahan kajian yang lepas dan bahan tambahan yang berkaitan di Perpustakaan Awam Kota Bharu.
12 / 09 / 2009	-Menyiapkan Bab 1 dan bab 2 untuk latihan ilmiah.
18 / 09 / 2009	-Membuat bab 3 untuk latihan ilmiah dan kajian.
26 / 09 / 2009	- Hantar latihan ilmiah dan soalan kajian kepada penyelia bab 1,2 dan 3
09 / 10 / 2009	- Hantar latihan ilmiah yang telah siap kepada penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual perancangan pengumpulan fakta-fakta dan maklumat, merupakan perkara yang perlu diambil penekanan dalam proses penyiapan kajian yang dijalankan. Segala perancangan pengumpulan maklumat dan fakta sejarah akan dibuat selepas kajian ke atas teks karya *Agung Sulalatus Salatin.* Jangkaan pengkaji untuk membuat pengumpulan maklumat dan fakta-fakta umum untuk disiapkan.

Bagi mendapat maklumat dan fakta-fakta sejarah, penkaji telah menjalankan kajian ke atas teks *Sulalatus Salatin*, kaedah temuabual atau wawancara, kajian perpustakaan dan sebagainya. Segala maklumat dan fakta-fakta yang telah diperolehi daripada teks kajian telah dikumpul dan dibuat analisis yang terperinci supaya tidak berlaku kekeliruan dan kesilapan. Dalam hal ini pengkaji harus lebih teliti supaya tidak berlaku sebarang kesilapan semasa membuat pengumpulan maklumat dan fakta-fakta sejarah yang telah diperolehi dari teks. Latihan ilmiah yang telah siap akan dihantar selewat-lewatnya dalam akhir bulan Oktober.

3.9 Kesimpulan

Kaji selidik yang telah dijalankan secara tidak langsung dapat memberi ruang dan gambaran secara khusus di samping dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih efisen dan berkesan. Dengan pelbagai teknik dan kaedah dan pendekatan telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang jitu dan sesuai dengan tajuk yang dipilih.

Di samping itu juga, pengkaji dapat mengentahui sejauh mana keberkesanan pelajar, masyarakat, pembaca dan pengkaji dapat menghayati atau penghayatan terhadap peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin.* Begitu juga dengan pensyarah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan guru kesusasteraan Melayu yang banyak membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah membantu pengkaji dan pelajar untuk menjiwai peranan wanita yang terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin*. Segala maklumat yang diperolehi dari pensyarah, masyarakat, pembaca dan pelajar akan dikumpul dan dianalisa dengan menggunakan kaedah yang sesuai.

Jelaslah di sini bahawa analisis yang telah dijalankan adalah untuk mendapatkan seberapa banyak fakta-fakta sejarah dan maklumat yang berkaitan. Tujuan kajian dilakukan adalah untuk melengkapkan kajian penyelidikan atau ilmiah yang telah dijalankan. Segala maklumat yang diperolehi dapat membantu dalam penyelidikan dan berguna juga untuk membuat sebarang keputusan dan tindakan susulan. Segala keputusan yang diambil adalah berdasarkan kepada maklumat yang telah dianalisis sepenuhnya agar segala keputusan yang dibuat adalah tepat dengan hasil kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB EMPAT

ANALISIS TEKS SULALATUS SALATIN

4.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bab ini pengkaji telah membincangkan tentang maklumat dan hasil kajian yang telah diperolehi melalui kajian terhadap teks *Sulalatus Salatin* dan kaedah-kaedah lain yang boleh membawa pengkaji kearah mendekati tentang tajuk kajian. Segala maklumat yang telah diperolehi ini akan diterangkan mengikut kepentingan dan bagaimana pengkaji telah menghayati peranan wanita dalam masyarakat zaman lampau dan persepsi masyarakat kini terhadap peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin.*

Selain dari analisis teks *Sulalatus Salatin*, dalam bab ini juga, pengkaji akan menyentuh tentang hasil kajian yang agak terperinci beserta dengan contoh-contoh dari petikan teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A. Samad Ahmad. Keadaan ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertujuan agar lebih mudah untuk mengetahui dan memahami dengan lebih mendalam tentang peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A. Samad Ahmad.

4.2 Menghayati Peranan Wanita Dalam Teks Sulalatus Salatin

Menurut pandangan Tuan Haji Dr. Talib Samad terhadap peranan wanita yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah luas konteks dalam kehidupan sejagat. Beliau telah menyatakan secara lisan semasa pengkaji mengunjunginya di pejabatnya baru-baru ini. Beliau telah menyatakan tentang peranan yang dimainkan oleh wanita adalah berunsur negatif dan positif dan saling seimbang antara satu sama lain, antaranya ialah wanita telah diangap sebagai seorang pengoda kaum lelaki terutama golongan raja. Hal ini jelas sekali dikaitkan melalui watak Tun Teja dan Tun Fatimah dalam teks *Sulalatus Salatin* yang menjadi idaman raja dan Sultan Mahmud.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Pandangan penkarya tentang peranan wanita dan kedudukan wanita dalam masyarakat dahulu dan hari ini, telah dinyatakan melalui teks ulasan *Analisis Isi dan fungsi* (karya Abd. Rahman Kaeh dan Zahir Ahmad, *Sejarah Melayu ,tahun 1993; 127).* Menurut Abd Rahman Kaeh dan Zahir Ahmad (1993;127) bahawa wanita juga memainkan peranan yang agak penting seperti kaum lelaki yang dianggap oleh masyarakat begitu hebab tetapi tidak kurang juga dengan golongan wanita yang sama-sama berperanan seperti kaum lelaki dalam menharungi kehidupan dan sebagainaya. Menurutnya lagi tentang kaum wanita adalah penting kerana boleh berganding bahu bersama lelaki untuk menentang musuh dalam peperangan menentang penjajahan portugis di Melaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Salihan Sais, pengentahuan dan penguasaan tentang sesuatu mata pelajaran yang dipelajari khususnya (*Sulalatus Salatin*) perlu dikuasai sebelum mengambil satu kursus tentang unsur lain yang lebih mendalam. Bila keadaan ini dapat dilakukan, secara tidak langsung dapat memudahkan pelajar dan masyarakat untuk memahami dan menghayati serta menguasai unsur tersebut. (1993;23)

Melalui pandangan Mohd Nashuha Jamiri, (1995;145) Melalui usaha dengan membuat latihan, mengulangkaji, menghafal dan sebagainya akan dapat mengekalkan maklumat tersebut dalam ingatan sebagai satu pengalaman. Usaha yang begini akan menjadikan maklumat itu kedalam bentuk pengalaman . Keadaan ini berlaku mengikut proses-proses yang sistematik. Proses ini lah yang dikatakan sebagai penghayatan dalam pembacaan dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses ini juga berlaku secara berterusan iaitu sepanjang hayat manusia. Terdapat pelbagai jenis belajar dan menghayati sesuatu perkara dari bahan yang dibaca, untuk menghayati dan memahami sesuatu perkara, pengkaji, pelajar dan masyarakat memerlukan pelbagai kemahiran yang tertentu untuk menguasai pelbagai intipati dan isi yang menarik serta peranan wanita dalam teks yang dikaji. Kemahiran tersebut boleh dikatakan sebagai kemahiran belajar, menghayati dan memahami dengan lebih mendalam tentang sesuatu isu dan perkara yang dikaji..

Dalam dunia yang serba moden dan membangun ini, wanita adalah aset negara kerana semua bidang memerlukan tenaganya. Contohnya wanita mula aktif dalam kehidupan moden ialah di zaman tahun 1930 an lagi, iaitu melalui pandangan Prof. Khoo Kay Kim dalam bukunya yang bertajuk *Warisan Kelantan (1998 ;50 , 52).* Di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sini beliau telah menyatakan tentang wanita yang mula aktif dalam kegiatan perdangan di negeri Kelantan. Tetapi mengikut pendapat awal telah bermula sejak abad 17 dan 18 semasa sistem bater terutama yang menetap di pesisir pantai.

Begitu juga dengan pendapat Abdullah Munsyi, yang telah melihat barang dagangan dijual di pasar Kota Bharu dalam lawatannya. Antara barangan itu ialah segala jenis hulan dan sayur dan sambal dan nasi gulai yang sudah sedia, tetapi sahaya lihat dalam pasar itu kebanyakan perkara makanan yang busut-busut seperti pekasan dan tempoyak dan ikan asin dan siput asin dan jering dan petai dan petai dan banyak-banyak jenis sambal-sambal belacan dan ikan dan segala kerangan laut dan pucuk-pucuk kayu.

4.2.1 Wanita Sebagai Penentu Corak Pemerintahan

Pandangan pengkarya terhadap peranan wanita dan kedudukan wanita dalam masyarakat dahulu dan hari ini adalah ,telah dinyatakan melalui Analisis Isi dan fungsi (karya Abd. Rahman Kaeh dan Zahir Ahmad, *Sejarah Melayu* ,tahun 1993; 127) . Begitu juga dengan perkaitan peranan dan kedudukan wanita dalam Teks *Sulalatus Salatin* yang mempunyai pengaruh yang besar dalam sesuatu perkara sehingga boleh mengongcangkan negara.

Begitu juga melalui pendapat Abd Rahman Kaeh dan Zahir Ahmad (1993;127) bahawa wanita juga memainkan peranan yang penting seperti kaum lelaki yang dianggap oleh masyarakat begitu hebab tetapi tidak kurang juga dengan golongan wanita yang sama-sama berperanan sama seperti kaum lelaki dalam menharungi kehidupan dan sebagainaya. Pada pandangannya tentang kaum wanita adalah penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana boleh mempengaruhi dan menentukan corak pemerintahan pada zaman kerajaan Melayu Melaka. Contoh yang paling ketara dalam konteks ini adalah melalui watak wanitanya ialah Puteri rekan yang mempunyai putera iaitu Raja Ibrahin yang telah ditabalkan sebagai Sultan Melaka sewaktu masih kecil kerana baginda adalah berkuturunan darah Raja.

Peranan sepupu perempuan Raja Rekan dalam menaikkan Raja Ibrahim yang bergelar sebagai Sultan Abu Syahid dalam pemerintahan kesultanan Melayu Melaka menunjukkan permainan penting dalam aspek politik dari kalangan wanita tradisional. Akhirnya saudara sepupu Raja Rekan terbunuh dalam gerakan merampas kuasa untuk menaikkan Raja Kassim sebagai pemerintah atau Sultan dan bergelar Sultan Muzaffir Shah.

Perenggan ini membuktikan peranan wanita yang berselindung di sebalik tabir untuk memerintah negeri terutama negeri Melaka. Sultan terpaksa mengikut arahan saudara perempuan Raja Rekan untuk melantik Raja Ibrahim sebagai pengganti baginda serta peranan saudara perempuan Raja Rekan yang merupakan seorang wanita, mampu memerintah Melaka di sebalik tabir di dalam zaman yang dikuasai golongan lelaki. Wanita yang digambarkan dalam perenggan ini telah membuktikan bahawa wanita mempunyai pelbagai kepintaran pemikiran dan tindakan dalam merebut jawatan dan menguasai sistem politik di Melaka.

Tetapi Raja Kasim telah disisihkan dari tahta walaupun anak sulung kerana ibunya bukan berdarah raja iaitu tun Ratna Wati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *" setelah itu anakanda baginda , raja ibrahim menggantikan ayahnda baginda, bergelar Sultan Abu Syahid. Tetapi baginda Raja Ibrahim itu budak , tiada ia hiraukan kerajaan ; tiada lain pekerjaan baginda melainkan bermain bantak bersama-sama dengan budak banyak."*
> *(Teks Sulalatus Salatin .1996 : 83)*

Baginda (Raja Ibrahim) merupakan putera Sultan Muhamad bersama dengan Puteri Rekan yang telah ditabalkan Sultan Melaka dengan menyisihkan Raja Kasim yang sepatutnya ditabalkan sebagai Sultan, namun kerana Pengaruh Puteri Rekan berketurunan Raja maka ditabalkan Raja Ibrahim .

Begitu juga dengan watak tun fatimah yang telah diambil oleh sultan Mamud sebagai isteri dan ditabalkan sebagai permaisuri kerana berdarah raja iaitu anak kepada bendahara Sri Maharaja Tun Mutahir setelah suaminya Tun Ali dan keluarganya telah dijatuhkan hukuman bunuh oleh Sultan Mahmud kerana ingin memiliki Tun Fatimah serbagai isteri sanggup membunuh keluarga sendiri. Semasa menjadi permaisuri negeri melaka Tun fatimah sentiasa bersedih. Keadaan ini telah menyebabkan raja melaka terpengaruh tambahan pula telah mengentahui bahawa pembunuhan bendahara Sri Maharaja Tun mutahir dan keluarganya adalah fitnah dan telah dianinyaya oleh pembesar negeri yang iri hati terhadapa kesenangan bendahara. Baginda pada akhirnya telah turun dari tahta kerajaan Melaka dan telah digantikan oleh puteranya Raja Ahmad.

Tun Fatimah berjaya mempengaruhi Sultan Melaka (Sultan Mahmud Syah) Menjadi insaf dan meletak jawatan sebagai Sultan dan diganti oleh Puteranya iaitu Raja Ahmad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

" maka Sultan Mahmud terlalu sangat menyesal diri baginda ,oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja itu. Hatta Sultan Mahmud pun membuangkan kerajaan Baginda. Raja Ahmadlah Dirajakan Baginda, bergelar Sultan Ahmad Syah." (Teks Sulalatus Salatin .1996:264)

4.2.2 Wanita Sebagai Pengoda Dan Punca Sengketa

Pada pandangan Tuan Haji Dr. Talib Samad mengangap bahawa wanita memang berperanan dalam kehidupan seharian. Namun peranan wanita yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah luas konteksnya dalam kehidupan sejagat. Di mana beliau telah menyatakan secara lisan atau berbual dengan pengkaji tentang wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* , semasa pengkaji mengunjunginya di rumahnya di Taman Bernam Baru Tanjumg Malim Perak baru-baru ini.

Beliau telah menyatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh wanita adalah berunsur negatif dan positif dan saling seimbang antara satu sama lain.antaranya ialah wanita telah diangap sebagai seorang pengoda kaum lelaki terutama golongan raja. Hal ini jelas sekali dikaitkan melalui watak Tun Teja dan Tun Fatimah dalam teks *Sulalatus Salatin* yang menjadi idaman raja dan Sultan Mahmud.

Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa wanita merupakan sesuatu yang diperlukan oleh lelaki, tetapi dalam konteks ini wanita di anggap sebagai pengoda kepada golongan raja kerana kecantikan seperti Watak Tun Fatimah dan Tun Teja . sebagai kesan kepada orang lain ialah berlaku perkara yang tidak diingini berlaku juga kerana wanita. Di mana wanita merupakan salah satu punca persengketaan antara raja dan negeri berlaku kerana Raja telah tergoda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelas sekali melaui watak Tun Teja yang menjadi rebutan antara Raja-Raja melayu iaitu Melaka dan Pahang sehingga berlaku persengketaan antara satu sama lain. Contohnya perebutan Tun Teja oleh Raja Melaka Iaitu Sultan Mahmud Syah dengan Sultan Pahang iaiatu Sultan Abdul Jamal.

> *" ...Tun Teja Rtna Benggala namanya terlalu baik parasnya, di dalam tanah pahang*
> *seorang pun tiada samanya pada zaman itu ,dan lakunya sedap manis tiada berbagai ; dan Tun Teja itu jika lada sulah dikupasnya dengan giginya betul belah dua, tiada sipi, demikian peri akasnya... "*
> *(Sejarah Malayu ,1990 : 165)*

> *"... barang siapa membawa Tun Teja itu kemari , apa yang dikehendakinya kita anugerahi akan dia; umpamanya , jikalau ia hendakkan sekerat kerajaan kita sekali pun kita anugerahi akan dia ; dan jikalau dosanya patut dibunuh , tiada kita bunuh akan dia.. . "*
> *(Sejarah Melayu .1990 :167)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hang Nadim bertekad untuk ke pahang untuk bagi menyampaikan niat Sultan Mahmud Syah iaitu ingin beristerikan Tun Teja . Hang Nadim ingin membawa Tun Teja dan dipersembahkan kepada Sultan walaupun dengan menggunakan ubat guna-guna.

> *"...baiklah aku pergi ke pahang, mudah-mudahan dapat tun Teja itu kubawa ke bawah Duli Yang Dipertuan akan menghapuskan dosa ku... "*
> *(sejarah Melayu.1990:167)*

> *"... maka pada suatu hari Sultan Mahmud bertanya pada Tun Teja , bagaimana tuan dibawa oleh Hang Nadin ? maka sembah Tun Teja, Tuanku, jangankan ia hampir kepada patik,memandang dekat pun tiada ; sedang ia menuambut patik di perahu itu, di alasnya tanganya dengan kain... "*
> *(Sejarah Melayu .1990 : 172)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wanita juga merupakan punca utama persengketaan antara satu sama lain dalam sesebuah negeri, malah wanita juga menjadi penggoda yang amat bisa bagi kaum lelaki terutama pada zaman lampau yang begitu taksub dengan wanita-wanita cantik seperti Tun Dewi. Tun Sri Lanang telah menggambarkan dengan jelas dalam Teks *Sulalatus Salatin*, wanita memang banyak peranan dalam masyarakat. Namun wanita jua boleh menyebabkan permusuhan dan sebagai penggoda kaum lelaki dengan kecantikan seperti paparan untuk santapan golongan Raja. Di mana berlaku perebutan antara Sultan Mahmud dengan Tun Ali Sandang kerana kecantikan Tun Dewi.

> *"... pada suatu malam, Sultan Mahmud Syah pergi kerumah seorang perempuan,Tun Dewi namanya. Maka didapati baginda Tun Ali Sandang ada di sana, maka Sultan Mahmud pun berbalik, baginda menoleh kebelakang , dilihat baginda Tun Isap, anak Tun Abu Yazid , cucu Tun Abu Sayid, cicit Seri Udana ,piut Tun Hamzah, anak Bendahara Seri Amar Di raja ,ada mengiring Baginda. Maka oleh Sultan Mahmud diambil Baginda sirih di puan, dianugerahkan pada Tun Isap. Maka Tun Isap pun fikir pada hatinya , apa gerangan ertinya yang Dipertuan memberi aku sirih dari puan ini....?"*
>
> *(Teks Sulalatus Salatin. 1996 : 194)*

> *"...maka Tun Isap berbalik kerumah Tun Dewi , lalu dinaikinya. Maka ditikamnya Tun Ali kena dadanya terus, lalu matim..."*
>
> *(Teks Sulalatus Salatin .1996 :194)*

Begitu juga dengan isteri Tun Biajid adalah anak lelaki Laksamana Hang Tuah adalah seorang yang berkhidmat untuk Sultan Mahmud Syah. Walaupun begitu, isterinya telah melakukan perlakuan tidak bermoral dengan Sultan Mahmud Syah menyebabkan Tun Biajid enggan lagi mencampuri urusan pentadbiran Melaka atau membantu Melaka dari segi menyumbangkan tenaganya sebagai pahlawan Melaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perenggan ini menggambarkan implikasi dari perlakuan tidak bermoral seorang isteri telah mengakibatkan suaminya yang berkebolehan dalam mempertahankan Melaka enggan untuk berkhidmat dengan rajanya.

4.2.3 Wanita Sebagai Penyambung Zuriat

Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu telah mengisahkan perkahwinan di antara Putri Syahrul Bariyah dengan Raja Iskandar Zulkarnain (halaman, 5). Putri Syahrul Bariyah merupakan puteri kepada Raja Kida Hindi yang di Islamkan oleh Raja Iskandar Zulkarnain. Perkahwinan tersebut telah menghasilkan keturunan yang terbaik di kalangan raja-raja di benua India dan kepulauan Melayu di Nusantara, khususnya di dalam kesultanan Melayu Melaka. Anak lelaki Putri Syahrul Bariyah dan Raja Iskandar Zulkarnain, bernama Raja Aristun Syah berkahwin pula dengan puteri Raja Turkistan dan mendapat seorang putera dinamakan sebagai Raja Aftus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keturunan dari Putri Syahrul Bariyah ini, akhirnya sampai kepada Raja Suran yang menyerang rantau Asia Tenggara (Gangga Negara) dan menurunkan keturunan Raja-Raja Melayu. Perkahwinan Raja Suran dengan Putri Mahtabul Bahri di dalam alam ghaib di bawah laut telah menghasilkan tiga orang putera lelaki bernama Raja Aftabul Ard Nila Pahlawan, Kerisyna Pandita dan Nila Utama. Peranan wanita yang dapat dikesan dalam perenggan ini adalah, wanita sebagai penerus warisan atau zuriat yang terbaik sehingga mengwujudkan sistem politik beraja yang terbaik dan disegani.

Wanita juga merupakan sebagai penyambung zuriat dalam rumah tangga sesebuah keluarga. Peranan dan kedudukan wanita adalah penting dalam kehidupan malah masyarakat iaiatu sebagai pengembang keluarga dan sebagai penyambung zuriat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di sini kedudukan wanita penting dalam mencorakkan kedudukan zuriat berdasarkan kepada ketrurunan bagi golongan raja dan dewa bagi masyarakat lampau.

Perkahwinan Sang Sapurba dengan Wan Sendari puteri Demang Lebar Daun telah menghasilkan pula dua orang putera iaitu Sang Maniaka dan Sang Nila Utama ,serta dua orang puteri iaitu Putri Seri Dewi dan Putri Cendera Dewi. Tuan Putri Cendera Dewi puteri Majapahit dikahwinkan dengan Sang Sapurba dan hasil dari zuriat mereka, keturunan raja-raja Majapahit berketurunan Raja Iskandar Zulkarnain. Permaisuri Iskandar Syah yang memerintah Bentan mengahwinkan pula puterinya Wan Seri Beni dengan putera Sang Sapurba bernama Sang Nila Utama. Perenggan ini menyentuh mengenai peranan wanita dalam menurunkan zuriat yang menguasai pusat-pusat pemerintahan yang bakal menempuh kegemilangan empayar jajahan takluk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini amat jelas dipaparkan dalam Teks *Sulalatus Salatin* dalam pengembangan cerita histories sastera bagi mengagungkan masyarakat Raja Melayu lama. Apa yang dikatakan dengan penyambung zuriat adalah berkaitan dengan watak wanita seperti golongan Raja dan Tuan puteri yang cantik paras rupa seperti tuan Puteri Shahrul Bariyah yang berkahwin dengan Sultan Iskandar Zulkarnain yang telah menentukan kedudukan sistem beraja selepasnya yang dikaitkan dengan penjelmaan golongan dewa dari bukit Siguntang Mahameru. Sultan Iskandar Zulkarnain adalah seorang Raja yang Agung iaitu sebagai penakluk dunia pada zaman lalu dan merupakan tokoh Lagenda masyarakat islam zaman lampau.

> "...*Maka dikahwinkan Nabi Khidirlah anak Raja Kida Hindi dengan Raja Iskandar atas syariat Nabi Ibrahim Khalilu'Ilah di hadapan segala mereka yang tersebut itu. Maka bangkit berdirilah segala raja-raja dan segala*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Orang Besar-besar dan para menteri dan hulubalang dan para pendita dan ulama dan segala hukama menabur emas dan perak dan permata ratna mutu manikam pada kaki Raja Iskandar, hingga tertumbunlah segala emas dan perak dan ratna mutu manikan itu di hadapan Raja Iskandar, seperti busut dua tiga timbunannya. Maka sekelian harta itu disedekahkan pada segala fakir dan miskin..."

(Teks Sulalatus Salatin. 1996 :6)

4.2.4 Wanita Sebagai Alat Perdamaian Politik

Wanita juga merupan sebagai alat untuk meredakan keadaan huru hara dan pergolakan politik yang berlaku dalam negara atau negeri. Di sini wanita memainkan peranan yang penting dalam menangani konflik dan halangan kemajuan yang akan dicapai dalam sesebuah negara. Dalam Teks *Sulalarus Salatin* jelas dipaparkan konflik dalaman yang berlaku perebutan kuasa dan kepentingan diri dikalangan pembesar negeri di Melaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di mana berlaku persaingan jawatan bendahara antara Tun Perak dengan Bendahara Seri Nara Diraja. Menyebabkan keadaan dalam negeri melaka agak tegang dengan haluan dan pengikut masing-masing. Tun Perak menerima jawatan sebagai Bentara Kiri adalah kerana dianugerahkan oleh Sultan Muzafar Syah kerana bakti menjaga negeri Melaka dari ancaman Siam, malah beliau masih lagi muda berbanding dengan Bendahara Seri Nara Diraja Tun Ali yang sudah berumur dan tidak berkuasa untuk menjaga keamanan negara umumnya Melaka.

Dalam perebutan jawatan di negeri Melaka ,baginda telah berkahwin dengan adik Tun Perak iaitu Tun kudu bagi meredakan keadaan kacau bilau yang berlaku di melaka. Baginda juga telah menawarkan Datuk Seri Nara Diraja Tun Ali apa sahaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jika sanggup melepasklan jawatan Bendahara Melaka kerana , Baginda ingin melantik Tun Perak sebagai Bendahara kerana pengaruh dan kekuatan beliau.

Pertelingkahan yang berlaku di antara Seri Nara Di Raja dan Paduka Raja Tun Perak telah berjaya diselesaikan oleh Sultan Muzaffir Syah dengan menggunakan peranan seorang wanita bagi menyatukan perpaduan di kalangan masyarakat Melaka. Bendahara Seri Wak Raja telah membunuh diri dengan meminum racun dan penggantinya sebagai Bendahara adalah Seri Nara Di Raja Tun Ali. Anak-anak Seri Wak Raja adalah Tun Kudu yang sangat cantik dan diperisterikan oleh Sultan Muzaffir Syah, adiknya lelakinya bernama Tun Perak dan Tun Perpatih Putih.

Muslihat Sultan Muzaffir Syah dengan mengahwinkan kakak Tun Perak dengan Seri Nara Di Raja yang sudah tua, berfungsi untuk mengelakkan persengketaan dan perpecahan di kalangan penduduk di Melaka. Melaka memerlukan peranan Seri Nara Di Raja dari golongan India dan Paduka Raja Tun Perak yang mewakili golongan Melayu Melaka. Tun Perak akhirnya dilantik oleh Sultan Muzaffir Syah sebagai Bendahara Melaka untuk menggantikan Seri Nara Di Raja yang dilantik sebagai Penghulu Bendahari, lantas mengelakkan sebarang pertumpahan darah atau perang saudara di Melaka. Perkahwinan Tun Kudu dan Seri Nara Di Raja menghasilkan zuriat seramai tiga orang, iaitu Tun Tahir, Tun Senaja dan yang bungsu dan bakal menjadi Bendahara Melaka yang penuh kontroversi bernama Tun Mutahir.

Perenggan ini memperlihatkan peranan Tun Kudu yang berperanan sebagai seorang yang berjaya mendamaikan persengketaan di antara dua belah pihak yang bertelagah dan menyatukan komponen politik di Melaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...setelah Paduka Raja menjadi orang besar maka segala anak melayu pun berbalahlah, setengan pada paduka Raja dan setengan pada Seri Nara Diraja Tun Ali , kerana keduanya sama orang besar berasal. Maka seri Nara Diraja tiada muafakat dengan Paduka Raja, sentiasa bersinggit juga . Berapa kali lelayan Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Bendahara Seri Nara Diraja..."

(Teks Sulalatus Salatin. 1996: 92)

".... Maka titah Baginda , maukah Seri Nara Diraja Tun Ali akan Tun Kudu ? . maka sembah Seri Nara Diraja , Daulat Tuanku...."

(Teks Sulalatus Salatin . 1996 : 93)

4.2.5 Wanita Boleh Merapatkan Hubungan diplomatik Dengan Negara Luar

Wanita juga boleh memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara dan menjadi paparan hidup dalam masyarakat melayu lama. Di mana kedudukan wanita pada pandangan kaca mata zaman lampau adalah penting dalam menjalinkan hubungan diplomatic antara kuasa luar negara atau hubungan persahabatan dan sebagainya . hal ini adalah bertujuan untuk mengelak dari berlakunya peperangan dalam meluaskan tanah jajahan negara yang kuat. Dalam konteks ini wanita berperanan untuk menghubungkan dua buah negara agar bersatu dan berdamai serta hubungan perniagaan antara satu sama lain.

Secara tidak langsung dapat menghubungkan hubungan diplomatik antara negara-negar jiran seperti Majapahit, Melaka, China dan Siam. Dengan adanya golongan wanita yang cantik dalam sesebuah negara dapat menghindarkan permusuhan antara satu sama lain. Jelas sekali hubungan Melaka dengan Majapahit adalah berdasarkan keoada perkahwinan antara raja Melaka iaitu Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana. Tujuan adalah untuk mengelak berlaku peperangan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penaklukan Majapahit yang selalu mencari ruang dan kesempatan untuk menewaskan melaka. Oleh kerana kemasyhuran kecantikan Raden galoh Cendera Kirana ke negeri melaka menyebabkan Sultan Manshur Syah menghantar utusan peminangan.

Kehandalan hulubalang melaka telah menyebabkan Sultan Manshur Syah dapat berkahwin dengan raden Galoh Cendera Kirana

> *"....majlis perkahwinan Sultan Manshur Syah dan Raden Galoh Cendera Kirana adalah besar. Maka pekerjaannya pun dibesarkanyalah, empat puluh hari empat puluh malam. Maka bunyi-bunyian melayu dengan jawa bertaru lah bunyinya. Gong Gendang Serunai nafiri dan sebagainya.*
>
> *(Teks Sulalatus Salatin . 1996 :125)*

Begitu juga dengan hubungan melaka dengan negara china dengan unsure yang sama , di mana wanita yang memainkan peranan penting dalam masyarakat. Hubungan melaka dengan negara China adalah hubungan diplomatik yang terjalin. Di mana melalui hubungan perkahwinan Puteri Maharaja China yang berkahwin dengan Sultan Manshur Syah. Tujuan Sultan Manshur Syah adalah ingin bernaung dengan salah satu kuasa besar dunia ketika itu.

Maharaja China telah menghantar puterinya bernama Putri Hang Liu untuk dikahwinkan dengan Sultan Mansor Syah. Perkahwinan ini telah berjaya memberikan faedah perlindungan Dinasti Ming ke atas kerajaan kesultanan Melaka serta mengelakkan serangan tentera Siam ke atas Melaka berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perenggan ini menunjukkan perkahwinan diraja diantara seorang raja dari negera kecil dengan seorang puteri raja dari sebuah kerajaan yang masyhur akan memberikan kestabilan jangkapanjang kepada negara kecil tersebut, perkahwinan seumpama ini disebut sebagai perkahwinan politik diraja.

> *"...maka Puteri Hang Liu dengan segala anak menteri china lelaki perempuan sekalian pun , semuanya diislamkan Baginda. Setelah itu maka Sultan Manshur Syah pun kahwinlah dengan anak Raja China Puteri Hang Liu itu..."*
>
> *(Teks Sulalatus Salatin .1996 ; 134)*

begitu juga dengan Puteri Raden Galoh Wi Kesuma melakukan pemilihan sendiri untuk mencari bakal suami. Putri Wi Kesuma memilih Kimas Jiwa yang merupakan putera Tanjung Pura yang berasal dari keturunan Bukit Seguntang. Perkahwinan ini mendapat seorang puteri bernama Raden Galuh Cendera Kirana yang [91] yang berkahwin dengan Sultan Mansor Syah yang mengeratkan hubungan diplomatik dan mengelakkan serangan Majapahit ke atas Melaka.

Perenggan ini membuktikan kebijaksanaan seorang puteri raja memilih bakal suami yang bakal menguasai sistem politik di Jawa dan wanita berperanan besar dalam mempereratkan perhubungan di antara dua buah negara yang bersengketaan.

4.2.6 Wanita Sebagai Punca Fitnah

Watak wanita juga telah dikaitkan sebagai punca fitnah yang berlaku di Singapura kerana timbulnya perasaan hasad dengki kianat dikalangan wanita itu sendiri kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pentingkan diri sendiri dan kedudukan dalam istana terutama bagi golongan bangsawan (permaisuri ,isteri-isteri dan gundik-gundik Raja Iskandar di Singapura)

Dalam konteks ini juga, penampilan wanita adalah bertujuan untuk memaparkan sikap dan tindakan zalim serta kekejaman golongan pemerintah iaitu Raja Iskandar di Singapura. Dengan punca fitnah yang berlaku ke atas anak Sang Rajuna Tapa telah menyebabkan anak Sang Rajuna Tapa telah dijatuhkan hukuman sula di khalayak ramai yang menyebabkan golongan rakyat malu atau aib dengan tindakan zalim yang telah diperintahkan oleh Raja Iskandar.

Dalam Bab ini juga telah menceritakan mengenai pembunuhan anak perempuan Sang Rajuna Tapa yang menjadi gundik kesayangan Raja Iskandar Syah, raja di Singapura. Pembunuhan anak perempuan Sang Rajuna tapa menyebabkan ayahnya membelot pada Betara Majapahit. Serangan tentera Majapahit dibantu oleh Sang Rajuna Tapa dengan membuka pintu kota pada waktu malam dan menyembunyikan bekalan beras sebagai makanan. Implikasinya, Raja Iskandar Syah terpaksa melarikan diri ke Muar apabila tenteranya mengalami kekalahan.

Perenggan ini membuktikan peranan wanita, walaupun hanya menjadi gundik seorang raja, namun kematiannya menyebabkan kehancuran sebuah negeri yang ditakluk oleh sebuah kuasa ketenteraan dari Majapahit Kejadian ini telah melibatkan fitnah yang berpunca dari dengki dan iri hati terhadap anak sang Rajuna Tapa yang menjadi isteri Raja Iskandar. Kerana fitnah telah menyebabkan anak Sang Rajuna Tapa telah dijatuhkan hukuman sula dan Sang Rajuna Tapa telah berpaling tadah dengan mendurhaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesan dari pada tindakan Raja yang zalim telah menyebabkan tanah singapura akan jatuh ke tangan majapahit kerana berlaku kucar kacir tambahan pula sang Rajuna Tapa telah menderhaka dengan membuka pintu kota untuh serangan prajurit majapahit.

> *"... beberapa kejadian yang melibatkan kekejaman Raja atau pemerintah (hukuman sula ke atas anak Sang Rajuna Tapa) akhirnya membawa kepada kejatuhan singapura ke tangan majapahit...."*
>
> *(Zainon S. Ahmad . 1992 ; 146)*

> *"....Sang Rajuna Tapa namanya ; asalnya orang singapura ,ada dengan pedayangan palembang beranak seorang perempuan, terlalu baik rupanya ; dipakai oleh Raja Iskandar Syah, terlalu kasih baguinda . maka oleh gundik-gundik yang lain difitnahkan berbuat jahat. Maka Raja Iskandar Syah pun terlalu sangat murka, lalu disuruh baginda percanggaikan di hujung pasar. Maka sang Rajuna Tapa terlalu amat malu melihat anaknya itu. Maka katanya, jika sungguh sekalipun anak hamba berbuat jahat bunuhlah ia; mengapakah diberi malu demikian....."*
>
> *(Teks Sulalatus Salatin Sejarah Melayu. 1996 : 69)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.7 Wanita Berperanan Sebagai Menyindir Golongan Raja

Wanita juga berperanan sebagai unsur eligori iaitu sebagai menyidir golongan raja yang angkuh dan zalim yang tidak memerintah mengikut kehendak rakyat malah menurut nafsu dan fikiran yang bercelarunya untuk mendapatkan apa yang dihajati dalam hidup. Bagi golongan Raja Wanita cantik adalah menjadi rebutan dan pujaan dalam hidup golongan bangsawan.

Menurut Zainon S. Ahmad dalam bukunya yang bertajuk, Kajian Perbandingan *Sejarah Melayu – Hang Tuah* (1992) . Melalui mimpi sultan Mahmud Syah bertemu dengan Puteri Gunung ledang yang amat cantik parasnya sehinggakan Sultan Mahmud

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Syah tidak dapat lena dan tidak makan sehingga ada pembesar yang sanggup untuk pergi meminang puteri Gunung Ledang. Puteri Gunung Ledang dalam *Sejarah Melayu* telah dilukiskan sebagai seorang wanita yang teramat cantik. Dengan sebab itulah Sultan Mahmud terlalu ingin memperisterikan Puteri Gunung Ledang kerana baginda inginkan seorang isteri yang lain daripada yang lain.

Oleh kerana kecintaan Sultan Mahmud Syah terhadap Puteri Gunung Ledang tidak dapat di atasi dengan pelbagai penawar. Walaupun ramai lagi wanita yang cantik di negeri Melaka telah ditawarkan namun Sultan Mahmud Syah tetap menolak dan inginkan Puteri Gunung Ledang sehingga baginda sanggup mengerahkan rakyat jelata meminang Puteri Gunung Ledang. (Zainon S. Ahmad . 1992 :112)

Peminangan Puteri Gunung Ledang adalah satu bentuk eligori iaitu untuk menyindir Sultan Mahmud Syah dengan sikap zalim yang sanggup bertindak kejam ke atas rakyatnya bagi mencapai tujuannya untuk memperisterikan Puteri Gunung Ledang. Namun Puteri Gunung Ledang telah mengenakan syarat-syarat yang tidak masuk akal dan tidak logit bagi akal manusia. Dengan cara inilah kaum wanita dapat menyindir golongan ran yang pentingkan diri dan sanggup bertindak kejam ke atas rakyat biasa bagi mencapai impian.

> *"... adapun segala kata tuan hamba itu sudahlah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada tuan Puteri Gunung Ledang ;akan titah tuan Puteri,jikalau Raja melaka hendakkan aku,perbuatkanlah aku jambantan emas satu dan jambatan perak satu,dari melaka datang ke gunung Ledang. Akan peminangan hati nyamuk tujuh dulang,hati kuman tujuh dulang, air mata setempayang,air pinang muda setempayang ; darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkut...."*
>
> *(Teks Sulalatus Salatin Sejarah Melayu. 1996 : 215)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, wanita juga berperanan penting dalam membawa pada perubahan sistem politik di alam Melayu. Peranan mereka walaupun tidak segagah kaum lelaki, mampu jua menimbulkan beberapa kesan ke atas perjalanan politik bagi sesebuah kerajaan, sebagaimana yang telah tercatat dalam *Sejarah Melayu.*

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa Peranan Wanita dalam Teks *Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu* adalah penting kepada masyarakat lama dan terkini dan sehingga kini masih lagi diambil tahu oleh pelajar dan penkaji tentang kedudukan wanita.malahan ia mendapat tempat yang agak istimewa dan sangat dititik berat dalam pembelajaran dan pengajaran terutama di sekolah dan masyarakat. Daripada pernyataan dan keterangan tentang peranan wanita dalam *Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu* banyak memberi pemikiran baru dan mesej yang cuba di terapkan secara tersurat mahupun tersirat dan sesuai sebagai renungan generasi dahulu sehingga kini.

Sebenarnya di dalam Teks *Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu* memang banyak terkandung peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat sehingga lahirnya Emasipasi Wanita dalam dunia moden pada hari ini. Teks *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* adalah menjadi sumber keagungan masyarakat Melayu lama dalam menggarapkan ketokohan dan perjuangan wanita dalam masyarakat lama sehingga kini yang ada persamaan antara satu sama lain dalam pelbagai bidang dan kegiatan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Segala maklumat dan hasil kajian yang dipaparkan dalam bab empat menunjukan peranan wanita dalam kehidupan masyarakat Melayu lama adalah penting dan sama-sama berganding degan kaum lelaki dalam apa jua kepentingan bermasyarakat. Peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* yang berkonsepkan sejarah yang benar-benar berlaku dan memberi rangsangan, penghayatan dan semangat nasionalisme serta emasipasi wanita kepada masyarakat moden terutama kaum wanita dalam memperjuangkan hak-hak mereka.

Begitu juga dengan pandangan dan tanggapan masyarakat kini tentang penampilan dan peranan wanita dalam kehidupan adalah amat penting dan amat membantu Negara. Ternyata hasil dapatan kajian yang diperolehi telah menunjukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka lebih menghayati peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A.Samad Ahmad. Secara tidak lansung keadaan ini akan memberi kesan dan impak yang mendalam dalam jiwa dan perasaan masyarakat terutama golongan wanita. Biasanya kesan yang positif kepada perkembangan minda pembaca, masyarakat dan sahsiah pelajar dapat memudahkan lagi mereka untuk lebih memahami dan menghayati peranan wanita dalam masyarakat sekeliling yang dimainkan oleh wanita.

Sebenarnya apa yang cuba disampaikan oleh pengarang adalah pengalaman lalu untuk dikongsi bersama dengan masyarakat dan pembaca agar dapat menilai serta dicontohi untuk disadurkan segala pengalaman yang baru setelah menimba pelbagi ilmu, imaginasi atau hasil dari penguasaan mereka terhadap pembacaan teks *Sulalatus Salatin.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Dalam menterjemehkan hasil kajian teks dan maklumat yang telah dikupas teks kajian jelas memaparkan kepada kita bahawa peranan wanita yang terkandung dalam teks tidak dapat sisangkal lagi. Begitu juga dengan pelajar-pelajar yang telah diajar di Sekolah tentang teks ini, terutamanya yang berkaitan dengan bidang-bidang kesusasteraan Melayu pada pembaca, masyarakat dan pelajar tingkatan Enam tentang tajuk atau topik yang diperbincangkan dalam kajian, kebanyakan pelajar, masyarakat menyatakan rasa puas hati dengan kaedah yang telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan telah memberi beberapa persetujuan bahawa menghayati dan merasaai sendiri peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* wajar diterapkan dengan mendalam bukan setakat belajar sahaja kerana ia akan mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada keperibadian pelajar. *(Tesis Nor Aziah Bt Othman . 2003 :98)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun kebanyakannya kurang pasti dengan jawapan yang telah diberikan berdasarkan soalan-soalan yang telah dikemukakan, namun ada juga pelajar, masyarakat yang memberi pandangan yang agak bernas tentang peranan wanita seperti yang digambarkan dalam teks *Sulalatus Salatin*. Keadaan ini tejadi kerana mungkin pelajar, masyarakat dan pembaca terlibat dalam pelbagai masaalah peribadi dan sebagainya yang berkaitan dengan penghayatan terhadap peranan dan kedudukan wanita dalam *Sulalatus Salatin*.

Kemungkinan juga teknik dan kaedah proses pendedahan dalam teks dan teknik pembelajaran dan pengajaran oleh guru yang menyebabkan mereka kurang memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap penghayatan kesusasteraan Melayu dan guru juga sukar membawa pelajar untuk terus menghayati dan menikmati unsur keindahan yang terdapat dalam karya kesusasteraan melayu khasnya teks *Sulalatus Salatin*. Namun pembaca, masyarakat dan pelajar juga berminat dengan peranan dan kedudukan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin*. Keadaan ini boleh dilihat melalui petikan-petikan yang diambil dalam telah dipaparkan pada bab empat.

5.2 Rumusan

Justeru itu, terdapat pelbagai jawapan lisan yang telah diterima dari responden yang telah menyatakan pelbagai persoalan dan pengentahuan kepada pengkaji atau penyelidik. Malah cara penghayatan masyarakat terhadap peranan watak wanita perlu dihayati dan amat bersesuaian untuk dilaksanakan untuk kajian kesusasteraan yang melibatkan aspek-aspek kerohanian yang berkaitan dengan kejiwaan dan sifat-sifat intrisik manusia, nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan. Soal-soal moral dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebudayaan,penonjolan semangat sifat keperwiraan,perasaan, seni dan pengorbanan akan menusuk jiwa jika ia benar-benar dapat dialami dan dihayati.

Oleh kerana kebanyakan isi, tema dan persoalan yang cuba dibawa oleh Tun Seri Lanang adalah berkaitan dengan kehidupan manusia seharian. Maka kaedah memahami dan menghayati dapat memberikan kepuasan yang hakiki kepada pelajar, pembaca dan masyarakat, keadaan ini telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam kalangan masyarakat. Sekurang-kurangnya masyarakat dapat membezakan peranan baik dan buruk atau positif dan negatif yang telah dimainkan oleh watak – watak wanita yang terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin* dan cuba untuk mengambil ikthibar di atas kejadian atau malapetaka yang cuba digambarkan oleh pengkarya kepada pelajar, masyarakat dan pengkaji pada hari ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Dari aspek pembelajaran dan pengajaran di peringkat sekolah menengah pula, diterapkan unsur-unsur ini agar pelajar dapat memahami dengan lebih memdalam tentang menghayati peranan wanita dalam karya agung seperti teks *Sulalatus Salatin.* Seperti rutin biasa atau sedia maklum bahawa, alat-alat bantu mengajar adalah penting terutama dalam usaha untuk menyuburkan imaginasi dan minat untuk menghayati dengan mendalam dalam kalangan para pelajar. Biasanya mereka dilatih berfikir secara kreatif dan kritis untuk mendapat respon, pandangan pendapat dan pertimbangan yang wajar serta pelbagai perhatian yang perlu diberikan oleh guru ketika mengadakan perbincangan tentang cerita yang dipelajari.

Dalam memupuk atau membina perasaan secara empati dalam kalangan pelajar, khususnya pelajar tingkatan enam yang beraliran kesusasteraan Melayu, mereka telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digalakkan membuat simulasi sendiri dengan menggunakan episod-episod yang sesuai yang boleh memberi penghayatan atau menghayati dengan mendalam dan memahami hasil karya dengan mendalam terutamanya peranan atau kedudukan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A.samad ahmad. *(Tesis Nor Aziah Bt Othman. 2003 ; 100).* Begitu juga dengan pembaca dan masyarakat kita pada hari ini telah disarankan agar lebih memahami dan merasai sendiri hasil pembacaan agar mendapat faedahnya dalam memahami peranan wanita pada zaman lampaudan boleh dibuat perbandingan pada zaman ini.

Bermacam-macam reaksi yang telah dapat dicungkil apatah lagi berkaitan dengan penghayatan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan oleh guru sastera serta kesesuaiannya dalam kelas. Selain itu, responden juga menyatakan bahawa mereka gemar sekiranya proses mengalami dan menghayati terus digilap dalam pendidikan kesusasteraan Melayu kerana ia boleh dianggap sesuai dan mampu memberi impak yang baik kepada pelajar. Guru pula mestilah sentiasa menarik minat dan perhatian para pelajar ke arah perkembangan cerita yang telah dipelajari.

Sekiranya proses penghayatan untuk memahami dan menghayati peranan watak wanita dalam teks tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurna di sekolah maka tidak menjadi masaalah untuk pelajar terus mengikuti atau terus meminati karya sastera misalnya teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A.Samad Ahmad dan mudah bagi mereka untuk menghayati dan memahami apa sebenarnya intipati dari cerita tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Cadangan dan Saranan

Sebenarnya sastera manpu mempengaruhi cara kita berfikir tentang hidup dan kehidupan, baik dan buruk benar dan salah nasionalisme serta kecintaan terhadap tamadun dan bangsanya. Menurut Alfons Tarjadi dalam bukunya yang bertajuk *"peranan media massa dalam pengembangan sastera Indonesia "*

Beliau pernah menyatakan dan mencatatkan hal peri pentingnya pengajaran sastera sebagai satu sarana yang ampuh untuk memanusiakan diri dan lingkungannya, wahana adalah untuk memperkayakan wawasan hidup, menyangi kehidupan,merangsan kreativiti dan semangat untuk menuju kesempurnaan diri dan wahana juga boleh memupuk keyakinan diri dan rasa cinta terhadap diri dan identiti bangsa.

Bagi menuju kearah ini, apatah lagi memperkembangkan penghayatan untuk menghayati dan memahami bukan sahaja di sekolah malah untuk masyarakat juga. Maka perkara inilah akan diusulkan segala hal-hal yang berkaitan bersama, begitu juga dengan beberapa jalan keluar sebagai altenatif pembaikan yang harus dilihat yang diperlakukan secara positif iaitu terdapat beberapa cadangan dan saranan yang dianggap penting hasil daripada kajian ini.

Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dinafikan lagi bahawa masaalah tetap wujud dalam cerita atau teks apapun dengan segala macam hambatan yang berkaitan dengan guru,pelajar dan buku teks itu sendiri. Namun pernyataan ini seolah-olah tiada jalan untuk keluar sama sekali dalam menhadapi kemelut ini. Apatah lagi mengingatkan bahan sastera ini digunakan untuk apresiasi dan pengukuhan kesusasteraan Melayu di masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di peringkat mana pun dan dalam mata pelajaran apapun, tugas dan tanggunjawab guru sentiasa disanjung, berat dan rencam disamping menjadi harapan banyak pihak. Demikian halnya dengan perlaksanaan kesusasteraan Melayu yang amat memerlukan guru yang bukan sahaja menguasai bahan sastera dengan baik tetapi juga cekap, bijaksana,dan yakin dengan diri sendiri dalam melaksanakan tugasan serta kritis , kreatif dan berketrampilan dalam memmanfaatkan kaedah pengajaran yang releven dengan tahap prestasi dan minat pelajar. *(tesis Ab Rahim b.Khalid. 2002 :96,97)*

Peranan Kementerian Pelajaran Malaysia juga haruslah memainkan peranan dan bertindak selari agar dapat seimbangkan pembangunan ekonomi negara agar sejajar dengan pemantapan budaya. Untuk itu,adalah penting mata pelajaran kesusasteraan Melayu masyarakatkan dan didaulatkan di tengah kepesatan pembangunan fizikal dan ekonomi. Kementerian Pelajaran juga haruslah mengeluarkan para guru yang benar-benar mantap dalam bidang kesusasteraan melayu untuk mengajar subjek ini. Guru-guru yang dipilih hendaklah terlatih dengan pelbagai teknik dan pendekatan pengajaran dan tidak terlalu tertumpu kepada buku ulasan.

Bagi guru-guru sastera pula mesti diberi pendedahan yang menyeluruh dan seimbang dengan subjek lain demi kepentingan pelajaran kesusasteraan melayu dan memahami arah tuju mata pelajaran itu sebagaimana menangganinya supaya pelajar merasa seronok atau mendapat nikmat hasil dari pembacaan dan pembelajaran karya sastera. Guru-guru juga perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah pengajaran dan ilmu pengetahuan tentang pelajar dan mata pelajaran kesusasteraan Melayu agar mereka yakin dengan setiap apa yang diperturunkan dalam sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum sastera juga harus dinilai dari semasa kesemasa kerana bidang ini begitu peka kepada sebarang perubahan yang selaras dengan perkembangan zaman teknologi maklumat. Bagi merealisasikan satu perubahan dalam penawaran kursus pengajian kesusasteraan melayu yang berasaskan kepada komputer. Makmal komputer yang sesuai perlu disediakan bagi membukti kepada masyarakat bahawa bidang kesusasteraan melayu juga mampu untuk bersaing dan memberi masa depan yang cerah kepada pelajar (*Tesis Sarjana, Alimi Mat Said 2009*).

5.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya bahawa, dengan berpandukan kepada analisis teks *Sulalatus Salatin*, dapatan dan rumusan yang telah dibuat, didapati bahawa penghayatan pembaca dan masyarakat serta pengkaji terhadap menelusuri dan menghayati peranan wanita dalam teks *sulalatus salatin* seperti mana yang telah digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Begitu juga dengan pandangan masyarakat tentang perenan wanita adalah wajar diketengahkan dan pelu diserapkan kepada minda muda masa kini.

Dengan kata lain perlu didedahkan kepada masyarakat remaja agar mereka lebih menghargai perjuangan wanita masa lalu yang bertujuan untuk meningkatkan keringat kaum wanita agar selari dengan kaum lelaki dalam keperluan modal insan yang terbilang dalam pentadbiran dan keperluan Negara,

Teks *Sulalatus Salatin* tergolong dalam satu mata pelajaran wajib bagi pelajar tingkatan enam aliran sastera. Walaubagaimanapun kesusasteraan Melayu hanya berjaya dihayati dan seterusnya di minati oleh pelajar setelah memahami kehendak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebenar dan hakikat kemanusiaan yang telah diwujudkan oleh Tun Sri Lanang. Sebagai guru sastera seharusnya tidak lupa untuk menanamkan semangat kental dalam diri pelajar dan menyatakan peri pentingnya sastera yang dapat mewarnai kehidupan terutama dalam diri pelajar.

Fenomena negatif dalam kalangan pelajar pula, adalah berkaitan dengan hasil usaha pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu patut dihapuskan secara perlahan-lahan. Sama ada secara sedar atau tidak sedar, guru harus memainkan menanamkan bibit-bibit kecintaan terhadap bahan-bahan yang bersifat sastera. Keadaan ini adalah amat perlu kerana pelajar dapat membaca dan memahami apa yang dibacanya, tambahan pula kegiatan seperti ini bleh menambahkan proses penghayatan terhadap karya sastera dan pasti tidak mendatangkan masaalah atau kesukaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam kalangan pelajar pula, masyarakat perlu lah peka dengan masaalah yang biasa timbul dalam diri ialah masaalah malas membaca sesuatu perkara dengan jelas adalah sesuatu perkara yang wujud sejak dahulu lagi. Dengan kehadiran radio dan televisyen sebagai salah satu media elektronik yang mengasyikkan dan lebih membawa kepada kesan yang negatif. Proses membaca teks sastera telah mengambil masa yang agak lama juga kerana memerlukan penghayatan yang mendalam bagi menguasai jalan cerita atau merasai dengan tepat apa yang ceritakan oleh pengkarya. Antara cara yang efektif termasuklah menggunakan unsur suspen sebagai penamat cerita, dan guru mestilah membaca terlebih awal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

Sumber

A. Samad Ahmad. (1996). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu. Edisi Pelajar. Penyelenggara.* Terbitan; Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

A. Samad Ahmad. (2009). *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu. Edisi Pelajar. Penyelenggara.* Terbitan; Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Buku

.....(2003) .*Kamus Dewan* . *Ed Empat*. Kuala Lumpur. Terbitan; Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

---------- Pusat Pengajian Siswazah. (2002). *Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM.* Terbitan; Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Selangor.

Ab. Halim Ali. (2003). *Bingkisan Sastera* . Bandar Baru Selayang; terbitan Di Wangsa Publications & Distributors Sdn. Bhd. Selangor.

Ab. Rahman Ab. Rashid. (1998). *Panduan Praktikum Pengajaran Sastera*. Terbitan Warni Sdn.Bhd; Selangor Darul Ehsan .

Ab. Rahman Ab. Rashid, Harun Jaafar, Mohd Rosli Saludin Dan Talib Samat. (2000). *Kamus Sastera Melayu Terkini*. Terbitan; Logman. Selangor Darul Ehsan.

Azman Wan Chik. (1981). *Prinsip Dan Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu.* Terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

B. Rahmanto. (1988). *Metod Pengajaran Sastera*.Yogyakarta; Kanisius.

Baharuddin Zainal. (1975). *Mendekati Kesusasteraan*. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka; Kuala Lumpur.

Drs. Harun Jaafar. (2002). *Sejarah Perkembangan Kesusasteraan Melayu STPM – IPT*. Terbitan; Pustaka Sistem Pelajar Sdn. Bhd. Ceras Selangor .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Drs. Harun Jaafar. (2002). *Wacana Kesusasteraan Melayu Klasik*. Terbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim. Perak.

Hassan Hamzah. (1997). *Ensiklopedia dunia Melayu*. Jilid Ke 8. Terbitan Anzagain Sdn.Bhd; Kuala Lumpur.

Hjh. Zainon bt Sheikh Ahmad. (1997). *Sejarah Kesusasteran Melayu Moden*. Terbitan; Elman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Ismail Hussein. (1974). *Sastera Dan Masyarakat*. Terbitan Pustaka Zakry Abadi; Kuala Lumpur.

Jaafar Abdul Rahim, Mohd Ameran daud & Muhamad Ildhan Fadhly Hussin. (2005). *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Kris Mas*. Kuala Lumpur. Terbitan; Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur.

Kamarudin Hj. Husin. (1988). *Kaedah Pengajaran Kesusasteraan*. Terbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd. Petaling Jaya Selangor.

Kamarudin Hj. Husin. (1986). *Panduan Latihan Mengajar*. Terbitan; Heineman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar Hj. Ab Aziz. (1998). *Pengajaran Kesusasteraan*. Universiti Putra Malaysia. Terbitan; Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keris Mas. (1990). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur. Terbitan ; Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Loban. W. Ryan. M. Dan Squire. J. R. (1961). *Teaching Language And Literature*. Harcourt Brace; New York. Amerika Syarikat.

Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Terbitan; Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mohd Taib Osman. (1988). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Terbitan; Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Nawawee Mohammad. (1992). *Kajian Karya Agung Sejarah Melayu*. Terbitan; Nurin Enterprise. Kuala Lumpur.

Othman Puteh. (1996). *Pengajaran sastera*. terbitan; Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Rahman Shaari. (1990). *Tanggapan Bahan Dan Kaedah pengajaran Sastera*. Terbitan; Marwilis Publisher & Distributors Sdn. Bhd. Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Shellabear W.G. (1975). Selenggaraan. *Kajian Sejarah Melayu*. Terbitan; Fajar Bakti Sdn. Bhd. Petaling Jaya. Selangor.

Short, Mick. (1994). *Reading, Analysing And Teaching Litterature*. Terbitan; Logman. London.

Siti Aishah Murad. (1996). Selenggaraan. *Konsep Nilai Dalam Kesusasteraan Melayu*. Terbitan; Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Zainon S. Ahmad. (1992). *Kajian Perbandingan Sejarah Melayu – Hikayat Hang Tuah.* Terbitan; Elman Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Seminar

Dr.Hjh. Siti Khariah Binti Mohd Zubir. (2005). *Penelitian Cerpen-Cerpen Baharuddin Kahar (Dalam Antologi Kampung Halaman Dan Terima Kasih Tuhanku) Berdasarkan Perpektif Perbandingan*. Seminar Kesusasteraan Bandingan.

Hazimah Ab Rahman. (1983). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Yang Sesuai Bagi Peringkat Persekolahan Dari Kaca Mata Seorang Guru*. Kertas Kerja Simposium Pendidikan Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah.

Kamarudin Hj. Husin. (1992). *Penggunaan Pemikiran Kreatif Dalam Pengajaran Sastera*. Kertas Kerja Seminar kebangsaan Kaedah Dan Teknik Pengajaran Kesusasteraan.

Zabidin Hj. Ismail. (2005). *Pemikiran Politik Dalam Novel Tengku Menteri*. Kertas seminar Memartabatkan Tengku Menteri Ngah Ibrahim di Kota Ngah Ibrahim, Matang Taiping Perak.

Artikel Daripada Majalah Bulanan

..... (2003). *Berfikirlah.* Dipetik dari Dewan Budaya. Februari 2003.

Abdul Jalil Othman. (1999). *Senario dan Hala Tuju Pendidikan Kesusasteraan Kebangsaan.* Dipetik dari Dewan Sastera Jun 1999.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Haron Daud. (2002). *Membina Jati Diri dan Negara Bangsa Melayu Melalui Sastera.* Dipetik dari Dewan sastera 2002.

Hassan Ahmad. (2001). *Jati Diri Dalam Karya Agung Melayu.* Dipetik dari Dewan Budaya Oktober 2001.

Naapie Mat. (2001).*Sastera Mampu Membuka Cakerawala Ilmu.* Dewan Budaya Oktber 2001.

Shamsul Amri Baharudin. (2001) *Sistem pendidikan Sempitkan Sastera.* Dewan Budaya Oktber 2001.

Sohaimi Abdul Aziz. (2001) *Erti Kesusasteraan Kepada kehidupan Manusia.* Fokus 2001.

Tesis

Abdul Rahim b, Khalid .(2002). *Penggunaan Genre Sajak Komponen Sastera (Komsas) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Peringkat Menengah Atas.* Tesis Sarjana Muda. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim. Perak.

Alimi Mat Said. (2009). *Unsur-Unsur Sejarah Dalam Novel-Novel Terpilih Karya Abd latif Talib.* Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim Perak.

Hamzah Bin Ismail. (1996). *Sandiwara Sebagai Genre Drama Moden Malaysia.* Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Selangor.

Mat Zain Bin Manon. (2009). *Nilai-Nilai Masyarakat dalam Sejarah Melayu.* Tesis Sarjana Sastera. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim Perak.

Nor Aziah Binti Othman . (2003) .*Kaedah mengalami Dan menghayati Dalam Pembelajaran Dan Keberkesanannya dalam dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar Hasil Pembacaan Novel Empangan Karya Zakaria Ali* . Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris . Tanjong Malim .Perak .

Yahya b Salleh. (2000). *Penerapan Nilai Dalam Kesusasteraan Melayu.* Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim. Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 Pustaka.tbainun@upsi.edu.my Pustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun



EDISI PELAJAR

SULALATUS SALATIN

SEJARAH MELAYU

Penyelenggara

A. SAMAD AHMAD

05-4506832 Pustaka.tbainun@upsi.edu.my Pustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

EDISI PELAJAR

SULALATUS SALATIN

SEJARAH MELAYU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelenggara

A. SAMAD AHMAD

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2009

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cetakan Pertama 1979
Cetakan Kesepuluh 2006
Cetakan Kesebelas 2006
Cetakan Keduabelas 2008
Cetakan Ketigabelas 2009
© A. Samad Ahmad 1979

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sulalatus Salatin: sejarah Melayu / diselenggara oleh A. Samad Ahmad
ISBN 978-983-62-5601-0
1. Malay literature. I. A. Samad Ahmad (Abdul Samad Ahmad),
1913 899.23

Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SEMINAR KESUSASTERAAN BANDINGAN

Tajuk:

PENELITIAN CERPEN-CERPEN BAHARUDDIN KAHAR (DALAM ANTOLOGI KAMPUNG HALAMAN DAN TERIMA KASIH TUHANKU) BERDASARKAN PERSPEKTIF PERBANDINGAN

Oleh:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DR. HJH. SITI KHARIAH BINTI MOHD ZUBIR

Tarikh:

15 Otober 2005 (Sabtu)

Tempat:

**DEWAN SRI TANJUNG, UPSI,
TANJUNG MALIM, PERAK.**

Anjuran:

**PERSATUAN KESUSASTERAAN
BANDINGAN MALAYSIA**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENELITIAN CERPEN-CERPEN BAHARUDDIN KAHAR (DALAM ANTOLOGI KAMPUNG HALAMAN DAN TERIMA KASIH TUHANKU) BERDASARKAN PERSPEKTIF PERBANDINGAN

HJH. SITI KHARIAH BINTI MOHD ZUBIR

Pendahuluan

Menurut A. Wahab Ali (1994: 13) yang dipetik daripada kertas kerjanya yang bertajuk "*Ke Arah Displin Kajian Kesusasteraan Bandingan Di Dunia Melayu*". dalam Pengantar Kesusasteraan Bandingan menyatakan bahawa Kesusasteraan Bandingan ini merupakan salah satu displin dalam kajian kesusasteraan. Ia bermula di negara Eropah dengan rumpun Kesusasteraan Eropah. Kemudian displin ini merebak, menempuh pasang surutnya di negara-negara bukan Eropah yang merupakan sekutu kesusasteraan Eropah. Lebih jauh daripada itu, displin ini lepas keluar daripada lingkungan induk Eropahnya hingga sampai ke India, Jepun, Asia Tenggara dan tidak ketinggalan Amerika Selatan.

Konsep Kesusasteraan Bandingan ini tidak begitu seragam di antara satu negara dengan negara yang lain. Konsepnya terpulang pada kecenderungan pemuka-pemuka yang muncul di setiap negara berkenaan. Demikian juga kerancakan disiplin ini di negara-negera tertentu bergantung pada situasi fahaman kebangsaan negara yang berkaitan. Di Malaysia, khususnya di Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia walaupun menekankan Kesusasteraan Kebangsaan, namun sebahagian daripada mata kuliahnya adalah bersifat bandingan. Di ketiga-tiga universiti ini menekankan bandingan dari segi kesusasteraan Melayu serantau, sambil menggunakan kaedah Kesusasteraan Bandingan dari sudut sejarah, tema dan hubungan kesusasteraan dengan displin-displin lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Bandingan merupakan satu konsep dan displin yang penting dan berpengaruh dalam pengajaran kesusasteraan masa kini. Kesusasteraan Bandingan amat berfaedah kepada rakyat sebagai satu bangsa dalam membolehkan memahami tradisi sastera sesama kita, juga tradisi sastera bangsa-bangsa di dunia secara sistematis. Kesusasteraan Bandingan juga membolehkan kita berpandangan kosmopolitan sawajagat dan mempertajamkan sensitiviti terhadap sastera dan budaya di samping memahami dan menghargai perhubungan antara sastera dengan seni-seni lain dan displin-displin lain secara sistematis.

Di Malaysia sebagai sebuah negara dan rakyatnya sebagai satu bangsa, perlu mendalami, memahami dan menghargai tradisi bangsa-bangsa lain dan pada masa yang sama mengangkat kedudukan sastera Malaysia sebagai warganegara sastera dunia yang berwibawa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Bandingan sesungguhnya dapat menjadi wahana untuk menyambut cabaran yang dihadapi oleh kehidupan sastera Melayu dalam zaman sains dan teknologi serta zaman ledakan maklumat dan ilmu kesusasteraan. Kita kini dalam "*Kegigihan dan Keghairahan Untuk Membawa Kembali*" sastera ke tengah-tengah kehidupan masyarakat tradisi dahulu. Akhir-akhir ini kalangan korporat dan profesional nampaknya kian ditarik dan tertarik dengan sastera. Daripada situasi demikian kita dapat berharap bahawa sastera kita "*Akan*" mempunyai khalayak yang lebih besar dan pelbagai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skop Kajian

Kajian ini membataskan dua buah buku antologi cerpen yang ditulis oleh Baharuddin Kahar sekitar tahun 1971 hingga tahun 1982. Antologi cerpen pertamanya berjudul "*Kampung Halaman*" yang memuatkan 18 buah cerpen diterbitkan pada tahun 1982. Kebanyakan cerpen-cerpen yang terdapat dalam antologi ini telah disiarkan dalam majalah Dewan Bahasa, Mastika, Dewan Masyarakat, Dewan Sastera, Akhbar Mingguan Malaysia, Berita Minggu dan Utusan Zaman. Kumpulan 18 buah cerpen Baharuddin Kahar ini telah berjaya menyingkap imosi dan pengalaman manusia dalam berbagai-bagai bidang kehidupan sama ada manusia itu seorang kanak-kanak, anak remaja, seorang ibu atau ayah, seorang guru atau murid, seorang suami atau isteri, seorang pembunuh oleh gelandangan, pelaut, pelukis, tentera, penjual long, pelabur dan sebagainya.

Manakala antologi "*Terima Kasih Tuhanku*" yang memuatkan 15 buah cerpen diterbitkan pada tahun 1984. Dalam antologi ini memuatkan 15 buah cerpen yang juga telah pernah disiarkan oleh majalah Dewan Masyarakat, Dewan Sastera, Akhbar Berita Minggu dan Mingguan Malaysia. Terdapat dua buah cerpen dalam antologi "*Terima Kasih Tuhanku*" yang menang peraduan menulis cerpen. Contohnya cerpen "*Sempana Gaja Iras*" dan "*Bah Urei*" memenangi tempat pertama dan sagu hati, dalam pertandingan Sayembara Esso-Gapena. Cerpen "*Terima Kasih Tuhanku*" pula mendapat tempat sebagai pemenang sagu hati Peraduan Menulis Cerpen berunsur Islam Jabatan Perdana Menteri 1981.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini pengkaji hanya membincangkan satu aspek perbandingan sahaja, iaitu watak wanita dan peranannya. Pengkaji menggunakan teori feminisme untuk menyempurnakan kajian ini.

Pendekatan Feminisme

Ditinjau dari sudut sejarahnya kritikan feminisme muncul dan mula berkembang hasil daripada Pergerakan Feminis pada abad ke-18 di Eropah. Sejarah telah menunjukkan timbulnya gerakan feminis dalam masyarakat adalah sebagai reaksi kepada norma masyarakat yang menekankan kebebasan golongan wanita. Bagi golongan wanita pencapaian dalam bidang pendidikan merupakan perkara terpenting ke arah perkembangan fizik, politik dan emansipasi mereka. Di sini pendidikan wanita dihubungkaitkan ke arah persamaan hak.

Di negara Islam feminisme turut berkembang. Badran (1990: xviii) dalam kajiannya mengenai Sejarah Feminisme di Mesir, membahagikan kepada dua keadaan, iaitu invisible dan visible. Tahap invisible (tidak nyata) meliputi jangka masa 1860-an hingga awal 1920-an. Ekspresi feminisme dalam jangka masa ini terungkap dalam tulisan yang ditulis oleh wanita dari golongan pertengahan dan atasan Mesir seperti yang tersiar dalam Jurnal Al-Fatah (1892), Anis Al-Jalis (1893) dan Fatat Al-Sharq (1906).

Golongan wanita ini menunjukkan bahawa Islam tela menjamin hak-hak wanita Islam, tetapi kerana pengaruh adat dan tradisi yang ditekankan atas nama Islam hak mereka telah dinafikan. Mereka mendalami pengaruh adat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tradisi yang dipraktikkan dalam masyarakat menyebabkan wanita tidak mendapat hak-hak mereka seperti untuk mendapatkan pelajaran formal di sekolah-sekolah.

Feminism diertikan sebagai merujuk kepada isu dan kedudukan politik. femelness (wanita) diertikan merujuk kepada aspek fizikal atau biologi yang diingini oleh kebudayaan. Manakala feminist merupakan lebel-lebel politik bagi mendukung sesuatu pergerakan wanita yang muncul pada tahun 1960-an. Kritikan feminis pula membawa maksud sejanis wacana politik yang khusus dan tersendiri yang bertujuan untuk menentang kekuasaan melampau patriaki dan sexisme. Feminisme lahir kerana dipengaruhi patriaki. Kritikan feminisme diciptakan oleh aktiviti politik dalam menentang patriaki dan sexisme.

Toril Moi (1986: 75) menyatakan bahawa Elaine Showalter merupakan salah seorang tokoh kritikan feminis yang terpenting di Amerika Syarikat. Showalter telah membahagikan kritikan kepada wacana dan perspektif feminis kepada dua bahagian. Pertama, feminist critique, iaitu menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca serta pengguna karya yang dihasilkan oleh kaum lelaki. Pengkritik yang mengamalkan feminist critique cuba mendedahkan andaian yang berdasarkan ideologi dalam fenomena sastera. Feminist critique juga mengkaji bagaimana imej wanita dalam kesusasteraan kerap kali menunjolkan yang streotaip tentang wanita dan sedikitpun tidak mencerminkan kerumitan jiwa wanita tetapi lebih mendedahkan projeksi atau mekanisme bela diri kaum lelaki.

Kedua, gynocritics, iaitu istilah yang telah dipinjam daripada pengkritik Perancis. Bahagian ini memberi perhatian kepada wanita sebagai penulis, iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wanita sebagai penghasilan maksud tekstual. Ia mengalih perhatian kepada sejarah, tema, genre, struktur dan karya yang ditulis oleh kaum wanita. Isu yang dikaji melibatkan prikodianamik dalam gaya cipta wanita, linguistik dan masalah membina suatu bahasa wanita. Cynocritics juga melihat sebahagian untuk membebaskan diri daripada ikatan kepada teori yang selama ini merupakan batu asas sistem penandaan kaum lelaki. Ia juga cuba melihat ke dalam imaginasi dan daya cipta wanita yang mampu membuahkan bentuk eksperimen. Untuk kertas kerja ini pendekatan yang pertama itulah yang paling releven. Pendekatan feminisme ini ada kaitannya dengan prinsip "reading as women", iaitu sebagai wanita yang berkait rapat dengan budaya, sastera dan kehidupan. Pendekatan ini diberi perhatian kerana perbezaan jantina pada pengarang mempengaruhi karya seseorang pengarang terutamanya dari aspek kedudukan dan peranan watak wanitanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menganalisis imej atau citra wanita dalam sastera merupakan kajian tentang watak wanita sebagai manusia dan kaitannya dengan manusia lain dalam sesebuah masyarakat. Penelitian tertumpu kepada kedudukan dan peranan wanita sebagai isteri, ibu dan kekasih dalam lingkungan keluarga dan masyarakat.

Perbandingan Cerpen-Cerpen Dari Antologi Kampung Halaman Dengan Cerpen-Cerpen Dari Antologi Terima Kasih Tuhanku Karya Baharuddin Kahar Dilihat Dari Sudut Imej Wanita

Kaum wanita merupakan golongan terpenting di negara ini dan peranan mereka dalam segala bidang kehidupan semakin hari semakin jelas. Realiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masa kini memperlihatkan kaum wanita bukan sahaja menguruskan rumah tangga dan tinggal di rumah, malahan mereka berganding bahu dengan kaum lelaki dalam hampir setiap bidang pekerjaan. Tidak hairanlah sekiranya permasalahan wanita sering mendapat fokus daripada pelbagai pihak.

Dalam bidang penulisan, permasalahan imej wanita yang mendapat sorotan utama. Daripada analisis yang dijalankan oleh Siti Aisah Murad (1990: 31) menyatakan bahawa dalam Dewan Sastera 1971 hingga 1980 didapati seramai 45 orang cerpenis telah mengungkapkan permasalahan wanita hingga terbina imej-imej tertentu lewat karya-karya itu. Daripada jumlah itu pula, bilangan penulis lelaki melebihi bilangan penulis wanita, iaitu seramai 29 orang. Jumlah ini menunjukkan bahawa penulis lelaki lebih gemar menjadikan wanita sebagai objek karyanya sehingga berjaya pula menerbitkan imej wanita. Ini juga disebabkan oleh bilangan penulis lelaki lebih ramai daripada penulis wanita itu sendiri.

Menurut pendapat A. Wahab Ali (1989), wanita Melayu dalam cerpen boleh dibahagikan kepada tiga ciri, iaitu tradisi, transisi dan moden yang dapat dilihat pada watak sesebuah karya. Dasar ini dipilih kerana ia dapat digambarkan imej tiap-tiap wanita Melayu yang sedang menempuh perubahan hasil daripada beberapa peristiwa sejarah dan penerimaan terhadap pengaruh luar. Perkataan tradisi, transisi dan moden yang berhubung dengan wanita Melayu ini mempunyai pengertian yang berbeza-beza. Khadijah Muhammad dalam tesisnya membataskan penggunaan tradisional atau tradisi itu bagi masyarakat Melayu sebelum meresapnya pengaruh Barat dan pemodenan. Anis Sabirin (1969) membayangkan masyarakat lama (tradisional) sebagai berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Masyarakat lama bangsa Melayu terdiri daripada kehidupan yang aman tenteram, dikuasai oleh kekuatan adat, agama dan kepercayaan-kepercayaan karut kepada hantu, polong dan arwah-arwah..."

Selain kepercayaan, masyarakat lama (tradisional) melihat wanita Melayu yang dihubungkan dengan alam rumah tangga semata-mata. Bagi wanita yang belum berumah tangga, mereka taatkan ibu bapa dan membantu kerja-kerja rumah. Setelah dewasa dan berumah tangga, imej mereka berubah menjadi isteri dan ibu yang baik, menjaga anak-anak dan suami, di samping membantu kerja-kerja di rumah dan di ladang. Selain itu, pergaulan bebas antara wanita dan lelaki tidak dibenarkan. Dalam majlis perkahwinan misalnya, orang perempuan dan lelaki duduk berasingan. Jika berjalan keluar, seseorang wanita Melayu akan bertudung lingkup kerana dianggap sebagai menjaga maruah dan menjauhkan diri daripada fitnah. Cara bergaul begini yang dipengaruhi oleh ajaran agama Islam dan ia menjadi cara hidup wanita Melayu (Anis Saleem, 1969: 19-20).

Menurut aliran sains sosial, wanita Melayu tradisi ialah mereka yang mewarisi sifat-sifat daripada nilai dan kepercayaan keturunan mereka yang disampaikan secara lisan dan melalaui amalan harian. Antara ciri-ciri yang dimiliki ialah tidak berpelajaran, kurang rasional, statik, terlalu menggantungkan kehidupan kepada lelaki, tidak bebas dan terikat dengan adat, kekeluargaan dan nilai keagamaan secara dogma.

Harjono H.S. (1968: 12) memberikan pengertian moden itu berbagai-bagai dan selalunya dihubungkan dengan watak sekarang, kesan daripada kemajuan sains dan teknologi dan ada di antaranya dihubungkan dengan profane, iaitu menyeleweng dari nilai dan ajaran Suprime Principal atau Tuhan Yang Maha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Esa. Namun begitu, dari perspektif Islam, perkataan moden lebih merujuk kepada pengertian tamaddun atau pembangunan dan kemajuan dari tiga aspek, iaitu akhliah (akal), rihaniah (spritual) dan lahiriah (zahir atau fizikal). Di antara ketiga-tiganya yang dipentingkan oleh Islam ialah aspek rohaniah kerana ia berkait langsung dengan diri manusia itu sendiri (Pahrul Muhamad Juoi,. 1995: 33). Rohaniah merangkumi akhlak yang mulia syariah yang terpelihara dan ketauhidan yang mantap.

Wanita transisi ditakrifkan sebagai wanita yang mempunyai ciri-ciri antara tradisi dan moden. Contoh wanita transisi ialah watak 'Bibah' yang terdapat dalam novel *Badai Semalam*. Bibah merupakan seorang ibu yang tidak berpelajaran tetapi dia mengetahui kepentingan pelajaran dengan menghantar anaknya ke sekolah dan menggalakkan anaknya meneruskan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

Daripada apa yang dijelaskan, pengarang bebas meletakkan imej-imej tertentu pada watak-watak wanita yang ditonjolkan. Pelukisan imej ini sudah tentu berbeza-beza mengikut keperluan dan berdasarkan matlamat kepengarangan mereka. Bagi penulis era 60-an imej wanita yang ideal ditimbulkan sebagai respon terhadap realiti yang berlaku terhadap wanita pada zaman tersebut.

Namun begitu, era kepesatan pembangunan yang begitu cepat berlaku di tanah air, menyebabkan imej wanita yang ditimbulkan ini tidak lagi menjadi agenda utama dalam penulisan pengarang-pengarang masa kini. Mereka lebih memfokuskan permasalahan dalaman wanita itu sendiri seperti sifat-sifat yang perlu ada dalam diri wanita bagi menghadapi era kebangkitan masa kini. Namun begitu, terdapat tiga pengarang yang cuba mengimbau kembali imej

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wanita Melayu masa lalu berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan mereka sendiri. Umpamanya, Baharuddin Kahar, dalam zaman penulisannya, beliau cenderung untuk mengungkapkan persoalan yang berkaitan dengan manusia dan kemiskinan. Oleh itu, pengkaji meneliti watak dan imej wanita yang terdapat dalam antologi cerpen *Kampung Halaman* dan seterusnya membuat perbandingan watak dan imej wanita yang ditonjolkan dalam antologi cerpen *Terima Kasih Tuhanku*.

Pelukisan imej wanita sebagai pendukung utama sesuatu karya telah lama bertapak dalam hasil-hasil kesusasteraan Melayu. Hal ini bukan sahaja berlaku pada era 60-an dan 70-an yang giat memperjuangkan emansipasi wanita malahan penampilannya sudah ketara sejak zaman awal Sastera Melayu Klasik dan terus berkembang hingga hari ini. Dalam antologi cerpen *Kampung Halaman*, setelah dikaji oleh pengkaji, pengkaji dapati bahawa penulisnya Baharuddin Kahar sering memfokuskan cerpennya kepada watak wanita desa yang pada umumnya merupakan sifat tipikal yang biasanya miskin dan susah. Setiap penulis mempunyai sejarah serta alasannya tersendiri tentang gambaran atau imej sesuatu watak yang terdapat dalam karya mereka. Bagi penulis cerpen Baharuddin Kahar, pengalaman serta penilitiannya yang bersungguh-sungguh terhadap permasalahan masyarakat desa atau kampung di daerah kelahirannya, telah mencetuskan beberapa cerpen yang menarik dan membekas di jiwa pembaca. Dalam hal ini, Baharuddin Kahar telah memaparkan imej wanita merana disebabkan oleh kemiskinan, tekanan hidup, janda sama ada diceraikan, ditinggalkan begitu sahaja ataupun kematian suami.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam cerpen *Kelah Sisik Merah*, Baharuddin mengimbas kembali watak isterinya Siha yang telah meninggal dunia. Siha ialah isteri dan ibu yang penyayang. Siha wanita yang bergelar ibu rela dan sanggup menerima tanggungjawab untuk memastikan bahawa anak-anaknya mendapatkan pendidikan yang sepatutnya. Contohnya, Budin masih terbayang lagi wajah isterinya yang cengkung dan layu itu menuturkan kata-kata seperti di bawah:

> "Kita akan sama-sama jaga anak kita baik-baik, sama-sama sekolahkan mereka...", tetapi kalau umurnya pendek, abang berjanji ya ?
>
> (KSM. Hlm. 10)

Kata-kata di atas bukti yang menunjukkan bahawa Siha ialah isteri dan ibu yang bertanggungjawab terhadap pelajaran anak-anaknya.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Penampilan watak wanita dan cerpen mereka yang terpisah pula ditonjolkan oleh pengarang berbeza dengan watak Siha yang terdapat dalam cerpen *Kelah Sisik Merah*. Dalam cerpen ini pengarang memaparkan watak Rabiah seorang isteri yang ditinggalkan oleh suaminya Zakimin yang berfahaman komunis dan meninggalkan isterinya dengan alasan pergi berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Ketika Zakimin meninggalkan Radiah, anaknya Alimun masih kecil lagi. Radiah tidak merelakan pemergian suaminya tetapi suaminya lebih terpengaruh dengan ajakan rakan-rakannya. Sepeninggalan Zakimin, Radiahlah yang membesar dan memberikan pelajaran kepada Alimun sehingga anaknya diterima menjadi askar. Radiah ialah seorang ibu yang sabar, gigih dan bertanggungjawab dalam menjaga anaknya Alimun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Apabila diselusuri cerpen *Retak Berkecai*, pengkaji mendapati penulis menukar watak Melayu kepada watak bukan Melayu iaitu orang India. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

negatif. Patiamah ialah ibu kepada Rami yang telah kematian suami. Oleh kerana kemiskinan dan desakan hidup, Patiamah sanggup menggadaikan maruahnya kepada abang iparnya sendiri. Abang iparnya, selalu membantunya dan sebagai balasannya Patiamah terpaksa menggadaikan batang tubuhnya sebagai ucapan terima kasih. Perbuatan Patiamah amat memalukan dan melukaan hati anaknya Rami. Rami lari dari rumah. Apabila rami tahu duduk perkara yang sebenarnya, bahawa bapa saudaranya melakukan kerja terkutuk dengan ibunya kerana dendam. Ayah Rami pada suatu ketika dahulu pernah meniduri isterinya.

Cerpen *Patah Galah Bertongkat Kayu* pula memaparkan imej wanita sebagai isteri yang sangat dikasihi oleh suaminya Akop kerana cintanya yang amat mendalam terhadap Biah. Akop sanggup menurut apa sahaja. Tetapi semenjak Akop diberhentikan kerja kerana sebuah daripada lombong tempat ia bekerja ditutup. Akop sudah tidak langsung dapat memberikan Biah apa yang harus diberikannya sebagai seorang suami. Akop faham tentang tanggungjawabnya tetapi kerana masalah hidup yang begitu mendesak-mendesak datangnya, hingga melupakan ia kepada soal-soal indah, romantis dan klasik itu. Biah juga merupakan seorang isteri yang kasih dan sayang pada suaminya. Oleh itu, apabila Akop menyuarakan hasratnya hendak menangkap labi-labi, Biah menghalangnya dengan alasan, dalam agama Islam kerja menangkap labi-labi sebagai makruh. Di sini dapat kita ungkapkan bahawa seorang isteri, tidak mahu nafkah yang diberikan oleh suami kepadanya dan anak-anak daripada hasil yang kurang baik. Walaupun pekerjaan itu tidak haram tetapi makruh.

Cerpen *Kebesaran* pula ditulis oleh Baharuddin Kahar untuk memperlihatkan imej wanita sebagai isteri yang didokong oleh watak Mahah. Maliah ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang penari dari Maulin Ball. Manakala Durani pula pemain muzik. Mereka berdua telah jatuh cinta dan mendirikan rumah tangga. Apabila mereka berkahwin Maliah berhenti kerja sebagai penari. Hidup mereka bahagia dan kekentalan itu ditambah dengan kelahiran Rita. Tapi rupanya tidak kekal. Kemusnahan tiba-tiba datang. Biasanya perempuan yang rendah moral ini walaupun sudah berubah tetapi masih dicap sebagai wanita yang tidak baik dan masih bergelumang dengan dosa. Bagitulah pendapat Agus orang yang membawanya ke jalan yang sesat. Agus masih menganggunya dan masih menagih sesuatu pada Maliah, sedangkan Maliah telahpun berkahwin dan bukan lagi perempuan bar sebagai yang dianggap oleh Agus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, Baharuddin Kahar menulis cerpen *Aku dan Hidupku*. Dalam cerpen ini Baharuddin memperlihatkan watak seorang wanita yang bergelar isteri dan ibu yang hidupnya dalam serba kepayahan dan kemiskinan. Kepayahan dan kemiskinan yang dialami oleh ibu Mutu ialah dapat dibuktikan dengan melihat rumahnya yang reput dan berdebu, ibu yang sedang menangis mengadap seorang anak yang mengerang kesakitan begitu juga dengan suami yang berhenti kerja sebab sakit. Walau bagaimana susah sekalipun hidup mesti diteruskan. Oleh kerana itu anaknya Mutu ponteng sekolah kerana pergi bekerja untuk mencari wang bagi membeli ubat adiknya yang sakit. Walaupun ibu sanggup bekerja tetapi siapa pula yang hendak menjaga anak yang sakit.

Manakala cerpen *Sudah Besar* memaparkan watak Munirah sebagai seorang janda setelah kematian suami. Menirah ialah isteri yang tabah walaupun terpaksa menanggung malu besar selepas dirogol sembilan tahun lalu. Ketika dia berada seorang diri di kebun ubi. Peristiwa ini amat tidak direlakan sama sekali. Peristiwa itu menyebabkan dia mengandung dan melahirkan seorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

anak yang diberi nama Aimun. Dengan bekas suaminya Durani, Munirah mendapat seorang anak yang diberi nama Lopi. Untuk membesarkan anak Munirah terpaksa bekerja. Munirah bekerja menganyam tikar dan memelihara temakan seperti ayam, lembu dan kambing. Inilah pekerjaan yang dilakukan untuk menyara hidup tiga beranak.

Longnya Laku cerpen yang mengisahkan sepasang suami isteri dari kalangan orang Cina di mana suaminya bekerja sebagai si pembuat keranda. Pekerjaan Leong tidak dipersetujui oleh Kim isterinya. Kim menyuruh Leong membuat kerja-kerja lain. Ikatan kasih sayang di antara mereka berdua, maka lahirlah Chau Yang. Kim amat menyayangi Chau Yang, dialah satu-satunya anak yang ada di dunia ini. Chau Yang sakit. Kim tidak dapat membayangkan kalau Chau ditakdirkan pergi. Kim mengaharapkan Leong mencari pekerjaan lain untuk mencari wang bagi membiayai ubat Chau Yang. Semenjak Chau Yang sakit Kim nampak begitu cengkung kerana kurang tidur dan makan minum tidak menentu. Kim lebih menderita dari anaknya yang sakit itu sendiri. Begitulah pengorbanan seorang ibu demi anak yang tersayang.

Baharuddin Kahar menulis sebuah lagi cerpen yang berjudul *Menanti Pulangnya Seorang Puteri* yang memaparkan watak Salmah sebagai ibu yang kesunyian selepas kematian suami. Salmah seorang janda kaya yang hidup senang lenang tetapi hatinya sunyi. Salmah menyuarakan rasa hatinya hendak mendirikan rumah tangga buat kali kedua dengan jejaka pilihannya tetapi hasratnya itu ditentang oleh anaknya Hani. Tetapi cinta Salmah pada Rafi, pemuda kacak itu terpaksa diteruskan juga. Hani tetap tidak setuju, dia membalas dendam terhadap ibunya dengan membawa seorang teman lelaki yang nampak tidak senonoh balik ke rumah. Hani cemburu melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebahagiaan mamanya. Tetapi usia perkahwinan Salmah tidak panjang. Rafi meninggal dunia kerana sakit barah tulang. Hidup Salmah sepi semula malahan Hani sudah lama tidak pulang. Salmah merindui anaknya Hani. Begitulah citra seorang ibu terhadap anaknya.

Terima Kasih Tuhanku merupakan antologi cerpen yang juga karya Baharuddin Kahar, diterbitkan pada tahun 1984 oleh Penerbit Warusha Sdn. Bhd.. Antologi ini memeuatkan 15 buah cerpen. Selepas dianalisis pengkaji mendapati bahawa imej wanita yang hendak diperkatakan dan dipaparkan oleh pengarang mempunyai perbezaan. Cerpen-cerpen yang dikemukakan oleh pengarang banyak memperkatakan tentang agama, sesuai dengan topiknya *Terima kasih Tuhanku*. Dalam cerpen *Jangan Menangis Liah* memaparkan watak Liah sebagai seorang isteri yang sedang menghadapi komplik jiwa daripada kata-kata yang diungkapkan oleh seorang suami yang sedang sakit tenat dan kemungkinan tidak akan sembuh lagi. Suaminya banyak membicarakan kisah-kisah silam di antara beliau dan isteri, iaitu Liah. Suaminya juga banyak memberikan nasihat kepadanya dan anak-anak supaya tidak lupa akan tanggungjawab sebagai seorang muslim, iaitu bersembahyang. Di saat akhir perpisahan, Liah isteri yang baik dan taat kepada suami senantiasa memberikan dorongan dan keyakinan pada suaminya dengan menggemgam tangannya serta senantiasa memberikan senyuman walaupun dalam keadaan yang payah. Di sini pengarang memaparkan watak wanita yang solehah menghadapi saat genting pemergiaan suaminya dengan tabah, cekal dan ikhlas supaya pemergiaan suaminya mengadap Tuhan lebih mudah.

Terima Kasih Tuhanku satu lagi cerpen yang dihasilkan oleh Baharuddin Kahar untuk memaparkan watak wanita yang bernama Mima, lincah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggoda. Mima ialah wanita murahan yang mudah dibawa ke sana ke sini dan boleh tidur dengan sesiapa saja. Pada suatu hari pengarang telah membuat rancangan dengan rakan-rakan yang lain untuk membawa Mima ke atas bukit dan bermalam di sana dan sesiapa yang berhajat bolehlah tidur dengan Mima. Apabila hari yang dirancang tiba, bermacam masalah timbul, perkara yang pertama ialah teksi penuh dengan penumpang, teksi yang kedua dan dinaiki oleh pengarang, supirnya sudah tua dan terpaksa memusing-musing dahulu untuk mencari pelanggan, selepas itu selepas dalam perjalanan ke Ipoh teksi rosak dan perjalanan disambung dengan teksi sapu. Teksi sapu yang ditumpangi oleh pengarang tidak boleh laju takut injinnya jem. Pengarang telah ditinggalkan oleh rakan-rakannya. Apa yang berlaku semuanya ada hikmah, keterlewatan pengarang tiba menyebabkan rakan-rakan yang lain pergi dahulu. Kereta yang dinaiki rakan-rakannya termasuk Mima berlanggar dengan lori arang. Semua penumpang meninggal dunia. Hikmahnya Tuhan masih sayang pada pengarang dan pengarang masih ada hendak bertaubat.

Kebencian merupakan tajuk cerpen yang memaparkan watak wanita yang berperanan sebagai nenek. Nenek memelihara dua orang cucu yang berlainan ibu bapa. Aku ialah cucu nenek yang telah berumur 15 tahun dan tinggal dengan nenek setelah kedua ibu bapaku meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Manakala sepupunya Jidan pula tinggal dengan nenek selepas kedua ibu bapanya bercerai. Kasih sayang nenek nampaknya berat sebelah. Nenek akan membiarkan sahaja apa yang Jidan buat dan menyalahkan aku sekiranya ada yang tidak kena. Suatu hari aku sudah tidak tahan dengan perbuatan Jidan yang tidak-tidak. Buluh sumpitan Jidan dilarikan oleh beruknya, aku menghalau beruk itu, Jidan memanjat pokok untuk mengambil buluh sumpitan pada beruk itu. Jidan jatuh ke bumi apabila dahan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipegangnya berderak. Ikhtibar yang diperolehi, sifat berat sebelah mengundang mala petaka. Dalam agama Islam sendiripun sifat pilih kasih mesti disingkirkan jauh-jauh.

Di Remang Senja, sebuah lagi cerpen hasil nukilan Baharuddin Kahar menceritakan kisah bagaimana seorang wanita hidup menderita disebabkan perkahwinan mereka tidak dipersetujui oleh keluarga. Dalam cerpen ini pengarang mengimbau kembali peristiwa lepas yang pahit dan perit. Peristiwa ini berlaku dalam keluarga Selamat. Selamat ialah seorang anak yang telah kematian ibu. Ibunya satu ketika dahulu mencintai seorang pengembara dari Semenanjung. Perhubungan itu tidak direstui oleh paman dan kakek kerana pengembara tadi harus membawa ibunya pergi merentasi Selat Melaka. Tetapi kerana jalinan cinta mereka, mereka berkahwin juga. Ibunya harus meninggalkan paman dan kakek. Dia seakan-akan nampak bagaimana ibunya menitiskan air mata ketika akan meninggalkan tanah Sri Andalas ini. Dan sewaktu peluit kapal menjerit dan kapal pun begerak kian menjauh meninggalkan pelabuhan, air mata ibunya semakin menderas. Ibu selamat diumpamakan seperti kata pantun Melayu yang berbunyi:

> Nasi lemak buah bidara
> Sayang selasih aku lurutkan
> Buang emak buang saudara
> Kerana kasih saya turutkan.

Di perantauan ibu Selamat terpaksa menghadapi hidup dengan sabar dan tabah tanpa keluarga di sisi. Peristiwa ini berulang semula apabila Selamat mencintai sepupunya sendiri Rakma yang tinggal di seberang. Tetapi Rakma tidak seperti ibunya. Rakma nampaknya lebih menyayangi negaranya dan lebih menyayangi kemewahannya. Sedangkan ibunya adalah seorang puteri yang luhur dan berani, mampu melawan kerasnya bentakan apa sahaja. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cerpen ini apa yang hendak digambarkan oleh pengarang tentang imej wanita ialah wanita yang keras hati, tabah dan cekal menghadapi dugaan hidup membuahkan kejayaan dan akhirnya keluarga tunduk dan dapat menerima anak mereka seadanya. Anak yang tabah, cekal dan yakin kepada kebolehan diri diberikan rahmat oleh Allah dengan syarat jangan mengaku kalah.

Banyak cerpen yang ditulis oleh Baharuddin Kahar yang menceritakan imbas kembali. Begitu juga dengan cerpen *Keindahan Yang Hilang*. Cerpen ini menceritakan perubahan yang telah berlaku di kampung kelahiran pengarang, iaitu Tanjung Rambutan selepas lama ditinggalkan. Semasa kecil dahulu pengarang ada seorang rakan wanita yang bernama Nor. Nor yang berdagu runcing, berambut ikal dan bernata jernih seperti dewi. Semasa kecil mereka berdua sebagai sahabat tetapi apabila sudah masuk alam dewasa perubahan berlaku menjadi pasangan kekasih, tempat pengarang mencurahkan rasa hati. Tetapi malang tidak berbau, ketika pengarang hendak menghadapi peperiksaan MCE. Nor menulis surat kepada pengarang supaya pulang sekejap untuk menyelesaikan masalah. Tetapi pengarang tidak dapat balik dan akhirnya Nor pun dikahwinkan dengan saudara dua pupunya. Di sini dapat disimpulkan walaupun Nor merupakan kekasih yang baik dan ingin berkahwin dengan pengarang tetapi takdir Allah telah menentukan siapa jodoh Nor sebenarnya. Kita sebagai manusia cuma boleh merancang tetapi yang menentukan ialah Allah.

Sempena Ganja Iras. cerpen yang menceritakan kisah seorang wanita yang bernama Sendari yang tinggal bersama ayah dan abangnya. Ayahnya bekerja sebagai pembuat keris. Anaknya Deraman pernah menentang ayahnya yang ingin meneruskan pekerjaannya membuat keris tetapi ayahnya degil. Sendari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga tidak setuju dengan ayahnya yang hendak meneruskan pekerjaannya. Sendari ialah anak perempuan yang baik, semenjak ketiadaan ibu, Sendarilah yang menyiapkan makan minum ayah serta abangnya. Pada suatu pagi Sendari pun menyediakan sarapan untuk ayahnya, ayahnya meminta dia membungkuskan bekalan. Sendari anak yang baik, merasa ingin mengikut ayahnya pergi di mana tempat ayahnya bekerja. Dan hari ini pun dia telah bertekad untuk turut menolong dan menemani ayahnya. Tetapi entah mengapa tidak dinyatakannya, hanya tersimpan halus dalam perasaan. Apabila ayahnya sudah tidak pulang lagi hingga lewat petang Sendari pun pergi mencari dan bertemu dengan mayat ayahnya yang memegang sepotong besi berbentuk sebilah keris. Dengan hati yang kecewa Sendari berkata, "Ari akan teruskan kerja ayah !" Dalam cerpen ini pengarang menonjolkan watak anak perempuan yang baik dan taat kepada suruhan ibu bapanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tapak, cerpen yang memaparkan hinej wanita yang bergelar isteri. Berkisar dalam keluarga Dali yang dicengkam oleh kemiskinan dan kesengsaraan. Selama ini mereka tidak ada rumah sendiri dan terpaksalah menyewa di rumah yang sempit dan goyah. Dali telahpun mendapat sebidang tanah tapak rumah. Tapak rumah itu akan ditarik balik kalau tidak dapat menjelaskan wang syarat yang dikenakan. Ini benar-benar menghiris hatinya. Sejak Dali berhenti kerja lombong, hidupnya begitu terseksa pindah randah dari satu rumah sewa ke satu rumah sewa yang lain. Rumah-rumah sewa itu daif-daif belaka. Untuk mencari wang bagi membayar wang tapak, Dali sudah bertekad untuk menggali batu besi, tetapi dihalang oleh isterinya Ambi. Ambi telahpun merelakan suaminya menjual rantai pusaka tetapi Dali tidak setuju. Dali nekad juga untuk pergi menggali batu besi itu. Ketika Dali dan Halim menggali batu besi itu, hujan pun turun. Air hujan meruntuhkan tanah tebing yang dikorek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan nyaris menimbus Dali. Dali cedera dan dibawa ke hospital. Ambi isteri yang tabah dan cekal , memahami bagaimana keadaan suami dan dengan ikhlas menjualkan rantai emas pusaka keluarganya untuk melunaskan wang tapak. Begitu sekali pengorbanan seorang isteri yang mengasihi suami dan anak-anaknya. Daripada cerpen ini, dapat pengajaran yang menunjukkan bahawa sesuatu kerja tanpa restu daripada keluarga atau isteri dan anak-anak akan membawa bencana.

Selepas kedua-dua antologi cerpen dianalisis pengkaji dapat membuat perbandingan secara menyeluruh tentang imej wanita. Dalam antologi cerpen *Kampung Halaman*, Baharuddin Kahar cuba memaparkan watak wanita yang berimej isteri dan ibu yang menghadapi segala macam dugaan dan cabaran. Wanita yang berfungsi sebagai isteri dan ibu ini rela dan sanggup menerima tanggungjawab seorang lelaki yang bergelar suami untuk membela nasib dan masa depan anak-anaknya. Baharuddin juga menggambarkan peranan wanita yang sanggup berkorban apa sahaja demi tanggungjawab terhadap kesejahteraan, keselamatan dan kebahagiaan keluarganya. Manakala antologi cerpen *Terima Kasih Tuhanku* memaparkan watak wanita yang berimejkan tabah, cekal dan ikhlas menghadapi segala dugaan hidup. Pengkaji juga mendapati bahawa wanita yang bermoral rendah selalunya akan mendapat balasan Tuhan di dunia dan tidak susah hendak menunggu di akhirat lagi. Imej wanita pilih kasih juga tidak disukai oleh Allah. Oleh itu, ada sahaja bencana yang menimpa. Wanita yang tabah, cekal dan yakin kepada dirinya juga akan memperolehi kejayaan. Selain itu, gambaran wanita sebagai kekasih sebenarnya cuma mereka boleh merancang untuk berkahwin tetapi yang menentukan ialah Allah. Imej wanita sebagai anak perempuan yang menjalankan tugas-tugas sebagai pengganti seorang ibu juga ada dipaparkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan akhir sekali pengarang memaparkan imej wanita sebagai isteri yang tahu kesusahan suami dan sanggup melakukan apa sahaja walaupun harta pusakanya dijualkan. Kebanyakan cerpen-cerpen yang dimuatkan dalam antologi *Terima Kasih Tuhanku* mengaitkan hubungan antara manusia, alam dan Allah Subhanahuwataala

Penutup

Analisis ini jelas menunjukkan keupayaan Baharuddin Kahar membentuk dan melukiskan watak wanita Melayu yang realistik dan sebahagian besarnya merujuk kepada wanita desa. Watak wanita ini bukan sahaja memperlihatkan imej yang baik (positif) malah turut juga menyelitkan imej wanita yang negatif. Baharuddin merasakan setiap wanita mempunyai kelebihan dan kelemahannya tersendiri. Namun begitu, beliau tidak menafikan kewujudan dan penampilan watak wanita yang lebih banyak berimej positif berbanding dengan berimej negatif.

Bibliografi

Anis Sabirin (1969). *Peranan Wanita Baru*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

A. Wahab Ali (1994). *Ke Arah Disiplin Kajian Kesusasteraan Bandingan Dunia Melayu* (Diselenggarakan Oleh S. Jaafar Husin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baharuddin Kahar (1982). *Kampung Halaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Q A2/2
Antara 1, 4 6.

Pada pandangan cikgu peranan watak wanita dalam teks sulalatus salatin penting atau tidak. Nyatakan dengan jelas.

Walau pun intipati cerita Sulalatus Salatin mengenai kedudukan atau institusi kerajaan. Kebanyakan kemunculan watak wanita memainkan peranan penting dalam menentukan senario politik Melaka pada masa ini.

Watak wanita memperlihatkan pelanggaran terhadap lelaki kebanyakan raja-raja berkenaan. Ia berlaku apabila menentukan corak politik seperti mana yang ditunjukkan oleh Putri Reban yang memaksa Sultan Mahmud melucut jawatan Raja Muda / Tengku Mahkota Raja Kasim dan digantikan dengan Raja Ibrahim. Tun Fatimah juga dapat mempengaruhi Sultan Mahmud sehingga baginda melantik jawatan dan digantikan dengan Raja Ahmad.

Wanita juga sebagai pengumpul zuriat bagi raja-raja sehingga sampai ke Melaka ini dapat dilihat peranan Tuan Putri Syahrul Bariah, Putri Mahtabul Bahri, Tuan Putri Cendana Puri, Mani Purindam dan lain-lain. Daripada kelahiran mereka melahirkan sultan-sultan yang berkuasa di Melaka seperti Sultan Mansur, Sultan Muzaffar, Sultan Alauddin Riayat Syah dan lain-lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seni Berteromba Dalam Pengucapan Awam

Dato' Dr Mohd Rosli Saludin
Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa, UPSI,Tg Malim, Perak

Pengenalan

Seni berasal dari perkataan Latin "ars" yang bererti "skill" atau kemahiran. Dalam pengertian yang luas,"art" atau seni merangkumi semua disiplin, kreatif iaitu kesusasteraan, puisi, drama, muzik, tarian dan visual arts. Seni ialah suatu perkara yang meliputi seluruh yang dapat menimbulkan getaran kalbu, rasa keindahan. Seni dicipta untuk melahirkan gelombang kalbu, rasa dan keindahan manusia (S. Saripan, 1960:6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seni juga adalah sesuatu yang halus, enak didengar dan hasil dari suatu ciptaan yang luarbiasa. Ia adalah suatu cabang kebudayaan yang dicantumkan oleh emosi, akal fikiran, pengetahuan dan kemahuan. Tidak ketinggalan juga ia adalah percubaan manusia untuk menggambarkan peristiwa yang ditemui di dalam fikiran atau perasaan mereka mengenai hakikat-hakikat wujud dalam satu gambaran yang indah, benar terjadi, menarik atau berkesan.

Melalui tajuk di atas penulis sengaja mengambil teromba sebagai genre utama dalam Puisi Melayu Klasik untuk di perkatakan kerana di dalam teromba itu ada terdapat Puisi Klasik yang lain seperti pantun, syair, pepatah petitih, seloka, gurindam, ungkapan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbilangan, terasul, mantera dan sebagainya. Malahan penulis sengaja untuk memberi pendapat awalnya bahawa teromba adalah genre puisi terawal yang telah wujud bersama-sama dengan masyarakat Minangkabau. Mereka menggunakan teromba ini sebagai alat rujukan utama dalam kehidupan seharian. Teromba juga dianggap sebagai undang-undang yang perlu dipatuhi.

Hiburan di sini dalam konteks ia banyak memberi didikan dan pengajaran dan bukannya hiburan yang mengkhayalkan. Kata-kata teromba itu terdapat perkataan yang lucu dan sinis tetapi menarik sekali untuk menasihati khalayak. Katanya tersusun indah dan jika terkena kepada khalayak mempunyai kesan yang mendalam. Jelaslah di sini hiburan dalam konteks yang sangat bernilai. Inilah kreativiti Melayu banyak memberi pengajaran secara tersirat dan kreatif. Sesungguhnya orang Melayu sangat menjaga hati dan air muka khalayaknya. Jika meneguspun adalah secara kias.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menariknya teromba ini boleh disampaikan secara bersahaja dan berlagu. Ikut cara apapun penyampaiannya ia tetap menarik untuk dihayati. Teromba tetap sesuai dalam apa juga zaman kerana bahasanya banyak berkaitan dengan alam. Jika kita hendak melihat akan hiburan dalam teromba ini boleh di lihat pada seni berterombanya.

Berteromba ialah suatu cara bagaimana teromba itu disampaikan. Teromba ini biasanya disampaikan mengikut situasi dan kreativiti penyampainya. Biasanya penyampai teromba mempunyai kedudukan dalam masyarakat adat dan ia juga adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai sumber rujukan. Seni berteromba adalah bentuk persembahan dalam teromba dan biasanya teromba tersebut bersifat puitis dan menyenangkan apabila didengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ternyata manusia pada hakikatnya adalah makhluk budaya dan naluri ingin selamat serta senang. Faktor ini menjadikan seni berteromba bukanlah perkara kemewahan atau perkara yang diada-adakan oleh manusia dalam kehidupannya. Mencipta seni berteromba dan menghayati seni berteromba adalah fitrah manusia. Sebuah teromba adalah sebuah dunia. Ucapan ini sekali lalu agak berlebihan, tetapi sebenarnyalah demikian. Betapa tidaknya, kerana kalau kita benar-benar membaca, memahami dan kemudiannya mendalami bentuk dan isi sesebuah teromba maka pasti sekali kita akan mendapat kesimpulan, bahawa biarpun pada lahirnya sebuah teromba itu terdiri dari huruf-huruf, kata-kata tetapi pada hakikatnya ia mempunyai semacam daya hikmat yang dapat memberi kepuasan perasaan, fikiran dan jiwa kita yang membaca atau menyampaikan teromba tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Asal-Usul Teromba

Teromba ialah susunan undang-undang adat yang disampaikan dalam bentuk puisi dan adat di sini ialah yang dikenali sebagai "Adat Minangkabau" iaitu sama ada "Adat Temenggung" atau "Adat Perpatih" yang mula digunakan di Minangkabau. Di Malaysia, hanya Adat Perpatih yang diamalkan iaitu di Negeri Sembilan khususnya di Daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu dan Seremban serta sebahagian Negeri Melaka seperti Daerah Naning dan Alor Gajah. Negeri-negeri yang lain mengamalkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Adat Temenggung, tetapi bukanlah Adat Temenggung yang difahamkan sebagai Adat Minangkabau. Adat Temenggung Malaysia dikenali sebagai adat Melayu atau adat kampung yang seluruhnya disesuaikan dengan aturan-aturan hukum syarak mengikut Mazhab Shafie (Abdullah Siddik, 1975:160).

Menurut Mohd Taib Osman, teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan yang menerangkan perbilangan adat yang dasar (Mohd Taib Osman, 1975:136). Manakala Harun Mat Piah menjelaskan lagi bahawa teromba yang mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan di beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka (Harun Mat Piah, 1989:424).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Ali Ahmad pula lebih menekankan aspek puisinya, beliau menjeniskan sebagai gubahan puisi bebas yang indah dan sekaligus dapat memberikan pengalaman yang benar dan peraturan-peraturan hidup (Ali Ahmad, 1978:58).

Teromba itu dalam penggunaan yang sebenarnya diwariskan turun-temurun, misalnya dalam majlis perbincangan yang beradat, istiadat meminang, nikah kahwin, menyelesaikan masalah anak buah dan lain-lain. Nasihat melalui teromba lebih berkesan dan mendalam kerana banyak menggunakan kiasan. Sebenarnya masyarakat Minangkabau sebelum kedatangan Islam telah mempunyai peraturan yang mengajar tentang pentingnya nilai kemanusiaan yang berbudi luhur, hormat menghormati, cinta mencintai, bantu membantu, tolong menolong dan mengamalkan semangat kerjasama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang erat. Sehubungan dengan itu, masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih ini telah terbukti mempunyai satu sistem yang teratur dan terpimpin dalam mencapai kebaikan bersama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Asas Seni Berteromba

Sebuah teromba adalah sebuah dunia. Ucapan ini sekali lalu kedengaran agak berlebihan, tetapi sebenarnyalah demikian. Betapa tidaknya, kerana kalau kita benar-benar mendengar, memahami dan kemudiannya mendalami bentuk dan isi sesebuah teromba, maka pasti sekali kita akan dapat kesimpulan, bahawa biarpun pada lahirnya sebuah teromba itu terdiri dari huruf-huruf, kata-kata tetapi pada hakikatnya mempunyai semacam daya hikmat yang dapat memberi kepuasan perasaan, fikiran dan jiwa kita yang membaca, mendengar atau menyampai teromba tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain dari itu untuk dapat menikmati sebuah teromba, kita mestilah mempunyai kecintaan yang tulin terhadap teromba. Bukan sekadar perhatian dan itu tidak memadai sebab kecintaan terhadap teromba akan menerbitkan "api" ingin tahu yang besar dan hal ini akan menyebabkan anda ingin mengenali objek penyampai dalam terombanya.

Di sinilah penyampai memainkan peranannya dalam kehidupan kita. Menerusi teromba-terombanya, kita dapat meminjam mata, telinga, perasaan, jiwa bahkan pengalaman penyampai yang membolehkan kita melihat sebalik yang kelihatan. Dalam hal ini ternyata soal memandang dan memperkatakan sesuatu objek, golongan penyampai lebih istimewa dari kita semua. Berkali-kali kita dapati penyampai melihat sesuatu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat kita takjub dan berkata,"Mengapa aku tidak pernah melihatnya sebelum mendengar teromba ini?"

Kita hidup dalam dunia yang sentiasa mencabar kita semua dengan segala misteri dan keajaibannya. Pengetahuan dan akal fikiran kita yang kita miliki anugerah Tuhan itu perlahan-lahan tidak berupaya hendak menembusi segala rahsia keajaiban hidup tersebut kerana kita sibuk dengan soal makan, pakai dan tempat tinggal, maka kebenaran sesuatu benda atau objek itu dalam hidup kita itu pun menjadi mendatar sahaja. Segala sesuatu dinilai berdasarkan fakta semata-mata. Jiwa kita hampir-hampir buta dan telinga kita hampir-hampir pekak sehingga tidak lagi bertenaga untuk menilai sesuatu benda atau objek itu secara lengkap atau menyeluruh. Di sinilah penyampai menerusi terombanya dapat menolong kita mencapai nilai dan pengertian hidup yang lebih bermakna kerana jiwanya yang sensitif dan pengamatannya yang tajam dan halus. Penyampai sebenarnya sebanyak sedikit mampu menembusi tirai tipis yang membatasi dunia yang kelihatan dengan mata kasar dengan dunia yang hanya dapat dilihat dengan mata hati.

Penulis tetap yakin bahawa sebuah teromba adalah sebuah dunia, yang penuh penghayatan, pengalaman, perasaan, fikiran penyampai mengenai sesuatu benda dan objek yang dilihat dan diperkatakannya dalam sesebuah teromba. Jadi kita para pendengar perlu juga menyiapkan diri untuk sekurang-kurangnya dapat menangkap isi teromba tersebut. Tentunya tidak semudah menyuapkan nasi ke mulut sahaja.

Penulis ingin mengesyorkan bagaimana seharusnya yang patut disediakan oleh seseorang pembaca untuk dapat memahami dan menikmati teromba yang dibaca dan didengarinya. Pertama sebagai pembaca dan pendengar kita harus membiarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyampai berbuat apa sahaja kepada kita. Ertinya pembaca atau pendengar harus turut mengerahkan fikirannya bersama-sama dengan fikiran penyampai.

Jika kita berdamping rapat dengan teromba maka kita mestilah tahu macamana untuk menyampaikannya atau mendeklamasikannya. Sebagai anak adat mestilah menguasai seni berteromba sehinggalah menjadi sebagai penyampai atau deklamator yang baik. Dalam masyarakat adat aktor yang biasa terlibat sebagai penyampai atau deklamator ialah Buapak, Lembaga, Penghulu, Waris Soko, Orang Semenda, Tempat Menda dan sesiapa yang mahir dalam Adat Perpatih.

Berikut adalah perkara-perkara yang harus dilakukan untuk menjadi penyampai atau deklamator teromba yang baik:

1. Setiap teromba mesti dihafalkan terlebih dahulu dan jika melihat catatan salah satu dari nilai seninya akan hapus. Dalam konteks mencipta rekod dibolehkan bacaan secara melihat teks kerana boleh dinilai dari aspek suara, gaya, memek muka dan penampilan.
2. Pelajari teromba dari guru yang benar-benar mahir dan jangan berteromba secara ikut-ikutan sahaja.
3. Minat dan kemahuan adalah sangat penting sekali. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
4. Kenal pasti tema, mesej, nilai dan nada teromba supaya penyampaian akan lebih berkesan lagi.
5. Senaman pernafasan sangat perlu untuk memberi kesan kepada khalayak apabila mendengar teromba yang dibaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Latihan sebutan secara vokal dan konsonan juga penting untuk menyampaikan teromba tersebut setulin yang mungkin menggunakan loghat daerah.
7. Latihan untuk berteromba, mulai dengan suara biasa, sederhana dan suara kuat.
8. Teromba lebih menarik jika disampaikan secara variasi, misalnya dengan berlagu dan tinggi rendah suara untuk memberi kesan kepada khalayak.
9. Setiap teromba mesti dialunkan secara spontan dan bersahaja dan bukannya secara dibuat-buat.
10. Mesti banyak melihat orang lain berteromba terlebih dahulu untuk mencari pengalaman, keyakinan dan supaya penyampaian bertambah matang.
11. Berlatih terlebih dahulu sebelum berteromba di khalayak yang sebenar.
12. Penyampai teromba bukan berbicara soal sastera sahaja tetapi beliau menjangkau berbicara soal manusia dan peraturan hidup.
13. Kaji khalayak terlebih dahulu sebelum berteromba supaya penyampaian lebih menarik. Contohnya jika khalayak tidak ramai penyampai tidak perlu menyampaikannya secara kuat dan menjerit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyampai teromba bukanlah sekadar seorang manusia yang sengaja mahu mengucapkan terombanya secara berirama. Dia adalah pakar dalam seninya. Memang ada akan pada mulanya sangat susah untuk mendapatkan manfaat dari sebuah teromba yang disampaikan. Anda akan mudah memahami mesej teromba jika berhadapan dengan pendeklamator yang baik dan berkesan. Anda layak untuk menjadi pendeklamator yang baik asalkan selalu mencuba asas-asas yang tertentu dalam seni berteromba.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh Seni Berteromba

a. Mencari Penyelesaian

Kuat harimau dah terlepas
Termasuk dalam duri
Kuat gajah dah terdorong
Terdorong ke sungai
Ibarat perahu dah terlajak
Ibarat kata dah terlebih
Tiada keruh yang tak jernih
Tiada kusut yang tak selesai
Kata bercarian, di mana tumbuhnya
Tiada benar dicari benar
Sesat di hujung jalan
Balik ke pangkal jalan

(Raja Majid Raja Ahmad, Melang, Negeri Sembilan, 5 Januari 1998)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Adat Mengajak Tetamu Makan

Mengaji daripada Alif
Membilang daripada esa
Berkata daripada asal
Asal usul awal pangkal
Jangan ditinggalkan

Sembah Dato'

Sehelai akar
Sebingkah tanah
Sebatang kayu
Sehelai akar nang putus buat pengikat
Sebingkah tanah nang terbalik buat permatang
Sebatang kayu buat turusan
Permatang dah lurus
Tanah dah datar
Tanaman dah subur
Orangnya banyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu Dato'
Kok sedikit
Sepalit mudik ke hulu
Silawah mudik ke hilir
Alam beraja
Luak berpenghulu
Suku berlembaga
Anak buah berbuapak

Seterusnya Dato'

Adat datar pusaka Satu
Adat tak bertukar
Setia tak berubah
Mufakat tak beralih
Kok cicir sama rugi
Kok dapat sama laba
Kok tanah sekepal dijadikan gunung
Kok air nang setitik dijadikan lautan
Ke bukit sama di daki
Ke lurah sama dituruni
Hati kuman sama dicecah
Hati gajah sama dilapah
Kok sedikit sama sedikit
Kok banyak sama banyak
Kok kurang jangan diumpat
Sedikit dicecah
Banyak berumpuk
Jalan sedundun
Lenggang seayun
Duduk sejajar

Seterusnya lagi Dato'

Sekucung bak kuih
Sebungkus bak nasi
Serumpun bak serai
Seinduk bak ayam
Gaduh di hulu di mudikki
Gaduh di hilir di hiliri
Gaduh di tengah dihimpuni
Dek kami semua dah berbulat
Seia sekata
Mempersembahkan kepada Dato' dan hadirin
Sekacip pinang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secarik sirih
Sepalit kapur
Secubit gambir
Seurat tembakau
Seteguk air
Sekepal nasi
Sudi-sudilah Dato' dan hadirin
Menjamah hidangan yang ada
Dengan segala hormatnya dipersilakan

(Mazlan Abu, Kampung Dioh, Negeri Sembilan, 25 Disember 1997)

c. Sindiran Orang Yang Nikah Sesuku

Cam cam prit tulang dain
Patah paku patah kerinding
Tercongok bulu kucing
Tam tam buku
Kerakap daun puding
Siapa nikah sesuku
Nikah dengan orang bunting

(Mohamad Ibrahim, Ampang Tinggi, Negeri Sembilan, 15 Disember 1997)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Sisipan Pantun Ketika Seni Berteromba

Buah jering buah petai
Terletak darat rumah
Isi kering pinang kotai
Tak telut jangan dimamah

Tanam sirih pangkal jambatan
Sapuan anak bidadari
Bawa mari Bangkahulu
Sirih bernama Raja Sultan
Pinang bernama Raja Menteri
Apakah Dato' nak capai dahulu

Kepaya di rambutan
Daunnya di bolai-bolai
Entah dia Raja, entah Sultan
Dato' beri saya capai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Macamana meracik punai
Punai diracik batu delima
Macamana membubuh inai
Inai di bubuh jari yang lima

Macamana meracik punai
Punai bersarang di hujung halaman
Macamana membubuh inai
Inai di temple di tapak tangan

Ada badik ada golok
Dililit benang kesumba
Adik molek abang dikolok
Ini malam baru berjumpa

Hari-hari pergi ke kolam
Sampai ke kolam hari pun malam
Baru sekali abang bermalam
Adik sambut dengan salam

Tinggi bukit sigunung Daik
Nampak mari Kuala Jambi
Wahai pengantin marilah naik
Hamparan dah terbentang di tengah serambi

Hendak mangkuk diberi mangkuk
Mangkuk berisi daging punai
Masuk Encik dan Puan masuk
Masuk bersama, cecahlah inai

(Lebar Ahmad, Mertang, Negeri Sembilan, 20 Disember 1997)

e. Menanti Belanja

Kok ibarat memahat di luar baris
Kok ibarat berkotak di luar sangkar
Apa barisnya?
Apa sangkarnya?
Yang kita muafakatkan inilah
Apa kotaknya, apa sangkarnya
Ada juga adatnya
Muafakat adatnya
Muafakat dicari
Rundingan jangan selisih
Muafakat lalu dalam gelap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Adat lalu di tengah terang
Rimbun-rimbun akan menyelara

(Raja Majid Raja Ahmad, Melang, Negeri Sembilan, 5 Januari 1998)

f. Sifat-Sifat Individu Dalam Suku Yang Tertentu

Orang Selemak lebar bujam
Orang Mungkal santan jalang
Orang Paya Kumbuh lapuk nyawa
Orang Tanah Datar kuat berlada
Orang Batu Hampar kuat berpelesit
Orang Tiga Batu kuat bertekak
Orang Semelenggang api-apian
Orang Biduanda ulit bekerja
Orang Anak Aceh meninggi diri
Orang Batu Belang kuat temberang
Orang Anak Melaka kuat berjenaka
Orang Tiga Nenek selalu penat

(Saludin Mohd Amin, Kampung Dioh, Negeri Sembilan, 10 Januari 1998)

g. Penyedap Bercakap (Musuh Tiga Puluh)

Bulan tiga puluh
Bulan gelap
Lalu bawah kundangan masam
Hari hujan
Kelingkiak banyak pula
Nira belum turun
Kayu basah pula
Kawan baru bersalin
Mertua tak pula ada
Lampin budak belum basuh
Kedai jauh pula
Minyak api tak pula ada
Berbasikal tak pula tahu
Kaki dek bubul pula
Jalan jingkek-jingkek
Lalu dalam sawah
Musim-musim padi
Orang menuai pula
Kerbau lepas pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerbau banyak merata
Lembu berkeliaran sahaja
Itik banyak pula
Sagu tak pula ada
Musuh di tengah pengantin dengan mempelai
Musuh di dapur senduk dengan gulai
Musuh di hutan kera dengan tupai
Musuh di dahan jering dengan petai
Musuh di pulau merentak mengilai
Musuh di serambi Lembaga dengan Pegawai
Musuh di hujung Malim dengan Lebai

(Mohamad Ibrahim, Ampang Tinggi, Negeri Sembilan, 5 Disember 1997)

g. Contoh-Contoh Pantun Yang Boleh Digunakan

1. Bunga teratai subur di paya
   Cantik berkembang hingga ke muara
   Hajat kami ingin bertanya
   Sudah berpunyakah sianak dara

2. Permata nilam buru warnanya
   Tersisip indah di jari tangan
   Andai dara belum berpunya
   Sudilah tuan terima pinangan

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Buah pisang masak setandan
   Diambil dari kebun Pak Tua
   Sama cantik samalah padan
   Bagai pinang dibelah dua

4. Mudik kapal hingga ke selat
   Singgah berlabuh di Pulau Batu
   Teruna dara telah sepakat
   Hanya menunggu hari bersatu

5. Alunan serunai indah gemersik
   Diikuti tarian gemalai geraknya
   Hajat kami ingin merisik
   Andai diterima gembira rasanya

6. Pergi ke sungai menahan pukat
   Sungai mengalir di tepi gua
   Andai jodoh sudah terikat
   Hujung duani bertemu jua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7. kain songket tenunan tangan
   menjadi pilihan sianak dara
   andai tuan terima pinangan
   moleklah menyusul kenduri kendara

8. Bunga mawar mewangi di laman
   Dipetik sidara buat hiasan
   Tersipu malu bunga idaman
   Tanda dihati sudah berkenan

9. Bunga kemboja indah dijaga
   Dijadikan hiasan gubahan hantaran
   Jika mendapat restu keluarga
   Teruna dara akan disatukan

10. Istana lama indah terbina
    Tempat bermain anak mengkarung
    Sebelum masjid tegak terbina
    Eloklah dahulu cincin disarung

11. Bunga kemboja tumbuh melata
    Mekar mewangi di halaman bonda
    Bertandanglah ke rumah tetangga
    Mana tahu ada teruna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

12. Kain songket indah bertekat
    Bercorak indah awan gemawan
    Datang kami membawa hajat
    Hendak menyunting gadis rupawan

13. Ikan di laut asam di darat
    Dalam kuali bertemu jua
    Andai jodoh telah tersurat
    Kehujung dunia bertemu jua

14. Bunga melati dipetik nyonya
    Di sisip indah di tepi telinga
    Kami datang hendak bertanya
    Adakah bunga sudah berpunya

15. Batu delima merah warnanya
    Dibuat cincin tanda kenangan
    Andai sidara belum berpunya
    Sudilah tuan terima pinangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

16. Pergi berjalan terasa penat
    Ditiup angin terasa nyaman
    Datang kami bersama hajat
    Untuk menyunting bunga di taman

17. Terasa lapar hendak makan
    Makan cempedak bersama nangka
    Terletak indah cincin di tangan
    Tanda ikatan teruna dara

18. Pergi berdagang ke negeri China
    Hasil diterima sepenuh hati
    Andai sidara sudah berpunya
    Izinkan kami mengundur diri

19. Pergi ke pasar bersama si nyonya
    Terpegun melihat bunga di jambangan
    Andai si bunga belum berpunya
    Sudikah kiranya menjadi tunangan

20. Kembang melur menghiasi laman
    Dipetik dicucuk di sanggul kanan
    Tersipu malu bunga di taman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

21. Pokok kemboja di tepi batu
    Ditanam bersama pokok melati
    Teruna dara bakal bersatu
    Batasan agama perlu diingati

22. Pohon pinang tegak berdiri
    Tegak lagi pokok kelapa
    Walau cincin tersemat di jari
    Adat dan agama jangan dilupa

23. Menanam bunga di dalam pasu
    Bunga melati daun pandan
    Jangan ikut hawa nafsu
    Kelak nanti binasa badan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

24. Permata jatuh ke rumput
    Jatuh ke rumput berbilang-bilang
    Ditempuh dilanda jangan
    Rumput tumbuh berjela-jela
    Dari mata tidaklah luput
    Di hati tak mahu hilang
    Siang menjadi angan-angan
    Malam menjadi mimpi pula

Masalah Seni Berteromba

Kurangnya usaha-usaha untuk memperkenalkan seni berteromba dan ini adalah masalah yang paling utama sekali sehingga ramai yang tidak tahu apa itu teromba. Agak menyedihkan juga anak adat sendiri tidak mengetahui apa itu teromba . Ini membuatkan mereka begitu terasing dan mereka lebih dekat dengan pantun dan syair. Masyarakat Melayu sendiri tidak mahir dalam seni berteromba kerana mereka tidak ada pendedahan.

Pengaruh Barat juga memberikan kesan terhadap kurang minatnya generasi hari ini dengan seni berteromba. Generasi hari ini lebih cenderung kepada hiburan yang bersifat kebaratan. Mereka lebih suka mendengar lagu-lagu moden atau puisi-puisi moden yang ada kaitan dengan dunia moden masa kini.

Sesetengah teromba mempunyai maksud yang terlalu tersirat dan amat sukar difahami oleh pendengar dan pembaca. Masalah ini akan berlarutan sekiranya maksud teromba tersebut disalahtafsirkan dan mesej sebenarnya tidak dapat disampaikan secara berkesan. Kadangkala untuk mengupas isi atau mesej memerlukan masa yang lama dan daya fikir yang mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi teromba yang berkaitan dengan sesuatu adat, misalnya yang menggunakan loghat Negeri Sembilan menyebabkan pendengar atau pembaca yang bukan penduduk tempatan tidak memahami maksud teromba berkenaan. Akibat kesukaran memahami makna sesuatu perkataan boleh menyebabkan kurangnya minat terhadap seni berteromba.

Cadangan Kepada Seni Berteromba

Seni berteromba merupakan salah satu puisi Melayu Tradisional milik masyarakat Melayu. Usaha perlu diteruskan walau apa juga rintangannya jika hendak memartabatkannya semula. Seni berteromba harus diperkenalkan kepada pelajar sekolah seiringan dengan puisi Melayu yang lain dan perlu ada tenaga pengajar yang mahir dan berpengalaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seni berteromba juga seharusnya diserapkan dalam majlis rasmi seperti hari ucapan, hari perhimpunan mingguan dan sebagainya agar ia dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Mungkin juga sesuai diadakan pertandingan seni berteromba dalam berbagai bentuk Pusat Pengajian Tinggi juga harus memainkan peranan yang penting sebagai tempat rujukan dan sumber maklumat. Apa yang paling penting mereka harus membuat penyelidikan yang berterusan dan secara rapi dan bukannya seperti melepaskan batuk di tangga sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya

Teromba menyentuh tentang nilai dan pegangan yang diamalkan dalam semua aspek kehidupan masyarakat Melayu yang berfungsi sebagai garis panduan atau norma adat yang mesti diterima dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat. Jangan anggapkan ia dalam bidang perkahwinan sahaja. Seni berteromba mengandungi perlambangan yang tersirat dan tersurat yang mana dapat mencanai pemikiran berkaitan dengan kehidupan kemasyarakatan. Seni Berteromba juga membuktikan bahawa masyarakat Melayu mempunyai susunan atau peraturan hidup yang tertib dan bertatasusila.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rujukan

Buku

Abdullah Siddik. 1975. Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ali Ahmad. 1978. Dari Pelajaran Asas Puisi Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

Harun Mat Piah. 1989. Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Taib. Osman. 1975. Warisan Puisi Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

S. Saripan. 1969. Sejarah Kesenian Indonesia. Jakarta: Terbitan Negara Pranja Pranita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Temubual

Nama : Lebar Ahmad
Alamat : Kampung Mertang,
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan, Darul Khusus.
Umur : 84 tahun
Pekerjaan : Kerja Kampung
Suku : Buapak Tanah Datar
Gelaran : Dato' Jedia Raja

Nama : Mazlan Abu
Alamat : Kampung Dioh,
72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan, Darul Khusus.
Umur : 78 tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pekerjaan : Kerja Kampung
Suku : Tiga Batu
Gelaran : Tiada

Nama : Mohamad Ibrahim
Alamat : Kampung Ampang Tinggi,
72000 Kuala Pilah,
Negeri Senbilan, Darul Khusus
Umur : 82 tahun
Pekerjaan : Kerja Kampung
Suku : Buapak Tanah Datar
Gelaran : Dato' Perdana

Nama : Raja Majid Raja Ahmad
Alamat : Kampung Melang,
72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan, Darul Khusus.
Umur : 80 tahun
Pekerjaan : Kerja Kampung
Suku : Paya Kumbuh
Gelaran : Tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nama : Saludin Mohd Amin
Alamat : Kampung Dioh,
72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan, Darul Khusus.
Umur : 69 tahun
Pekerjaan : Tukang Rumah
Suku : Tiga Batu
Gelaran : Tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Erti Kesusasteraan kepada Kehidupan Manusia

SOHAIMI ABDUL AZIZ

Apabila kita memperkatakan kesusasteraan, hal itu tidak dapat dipisahkan daripada manusia dan masyarakat. Berertinya sastera kerana adanya hubungan ini. Erti kesusasteraan kepada kehidupan manusia dilihat daripada dua pandangan, iaitu pandangan yang lama dan yang baharu, sesuai dengan hakikat sastera itu sendiri yang berkembang dari segi bentuk, jenis, dan fungsinya. Sastera juga berkembang mengikut perubahan zaman dan tuntutannya dan keadaan ini memberikan kesan terhadap erti sastera kepada kehidupan manusia.

Dalam masyarakat yang berasaskan sains dan teknologi seperti Malaysia, kehadiran sastera masih sangat bererti. Tanpa sastera, masyarakat maju kehilangan satu unsur penting kehidupannya. Hakikat ini ditegaskan oleh John Naisbitt (1999) yang mengatakan bahawa ada teknologi (*high tech*) yang memabukkan manusia kerana mencengkam semangat manusia dan meningkatkan pencarian manusia tentang makna atau kepastian. Hasilnya, manusia berada dalam keadaan yang kompleks dan sering pula terperangkap dengan hubungan yang bersifat paradoksikal antara teknologi dengan usaha mencari makna. Sehubungan dengan itu, Naisbitt menyarankan manusia agar mencari teknologi yang memelihara kemanusiaan dan menolak teknologi yang merosakkan atau mengganggu kemanusiaan. Beliau menyarankan manusia melihat seni, cerita, drama, agama, alam semula jadi, dan masa sebagai aspek yang penting. Yang disebutkannya sebagai *high touch* itu perlu sangat kepada kehidupan manusia yang mementingkan sains dan teknologi. Di sini nyata sastera dapat dikelaskan sebagai *high touch* yang perlu dalam kehidupan masyarakat maju, seperti masyarakat di Malaysia. Bagaimanakah sastera dapat bererti sebagai *high touch* seperti yang dimaksudkan oleh Naisbitt?

> Tanpa sastera, masyarakat maju kehilangan satu unsur penting kehidupannya.

Sastera bukan sekadar bahan bacaan, tetapi lebih daripada itu. Shahnon Ahmad (1991) menegaskan bahawa sastera sebagai seismograf kehidupan, iaitu sastera bukan sahaja mencatatkan tetapi menganalisis perihal manusia dan masyarakat. Melalui sastera, banyak yang dapat dipelajari. Bagi Shahnon, sastera sangat diperlukan untuk melengkapkan nilai sesuatu masyarakat. Melalui sastera, masyarakat juga dapat mempelajari sejarahnya untuk memperbaiki kehidupan mereka. Aristotle meletakkan sastera lebih utama berbanding dengan sejarah kerana sastera dapat meramalkan masa hadapan masyarakat itu. Sastera mampu menembusi batas kemungkinan. Kemungkinan sastera melihat masa hadapan masyarakat ada hubungannya dengan keupayaan sastera untuk memberikan kebijaksanaan kepada pembacanya dengan membawa pembaca melihat dirinya dan persekitarannya. Menurut A. Samad Said (1998), melalui sastera ditemui unsur moral, keindahan, hati nurani, keadilan, ketakwaan, kebijaksanaan, dan tazkiyah dan disampaikan secara sederhana, tetapi amat berkesan di jiwa. Usman Awang (1995) menulis bahawa sastera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meliputi semua aspek kehidupan manusia secara meluas.

Sastera ialah satu bentuk seni yang menggunakan bahasa. Melalui bahasa, keperihalan manusia dan kemanusiaan dibangunkan dengan penuh kesedaran tentang mesej dan keindahan. Laras bahasa sastera berbeza daripada laras bahasa harian dan sains. Pemilihan kata yang teliti, unsur bunyi yang dijaga rapi, dan irama yang tersusun indah membawa pembaca menikmati bahasa sastera. Mesej yang disampaikan dengan bahasa yang terpilih memberikan kekuatan keindahan kepada karya sastera dan menyuburkan penghayatan pembaca. Unsur denotasi dan konotasi membawa bahasa sastera ke lembah ketaksaan dan ketaksaan ini mengundang pentafsiran yang memberikan ruang kepada pembaca untuk membina imaginasi dan korelasi bagi mendapat satu mesej mental, dan mej ini muncul bersama-ama dengan rangsangan mosi. Ekoran itu, pembaca menikmati satu pengalaman stetik yang memberikan ikmat yang tersendiri.

Laras bahasa sastera berbeza daripada laras bahasa harian dan sains.

Melalui bahasa, sastera ikarang dan digubah menjadi seni yang indah. Melalui bahasa yang terpilih, sastera menggambarkan kehidupan manusia yang halus dan dipersembahkan secara yang paling indah. Mengikut Ali Ahmad (1994), sudah menjadi fitrah manusia mempunyai jiwa yang halus, sama ada pengarang ataupun pembaca. Maka, sastera menjadi bererti kerana pengarang dan pembaca diikat oleh pembentukan jiwa yang sama yang suka kepada keindahan. Keindahan sastera datang dari pelbagai sisi; perihal kehidupan, imaginasi, kreativiti, perasaan, dan penggunaan bahasa yang memungkinkan dengan pelbagai cara. Keburukan, kebobrokan, dan kejelikan yang digambarkan oleh sastera tetap indah melalui bahasa yang terpilih. Apatah lagi apabila sastera itu menggambarkan yang indah, baik, suci, dan romantis.

Selain keindahan, sastera mengandungi falsafah tentang kehidupan. Sastera dapat menjadikan pembaca memahami kehidupan dengan lebih berfalsafah, iaitu dapat menerima keperihalan tentang manusia dan masyarakat yang kadangkala sukar untuk dimengerti oleh fikiran rasional. Sememangnya kehidupan manusia ini penuh dengan kemungkinan yang tidak terduga dan sastera mampu menjelaskannya.

Pengarang ialah manusia kreatif yang memiliki kemampuan berfikir, berimaginasi, dan berbahasa untuk menghasilkan karya, sama ada puisi, novel, cerpen, ataupun drama. Manusia dan masyarakatnya ialah bahan mentah yang sangat penting kepada pengarang. Keperihalan manusia dan masyarakat menjadi ilham kepada pengarang untuk berkarya. Maka, karya dilihat sebagai cermin masyarakat yang melalui proses pemilihan, pentafsiran dan penilaian pengarangnya. Lantaran itu, karya sastera sangat menarik untuk dibaca bukan sangat hanya kerana sebagai cermin kehidupan, tetapi juga sebagai pandangan alternatif kepada apa-apa yang kita lihat dan fikirkan tentang manusia dan masyarakatnya. Mengikut Milan Kundera (2002), sastera (novel) hanya akan tidak bererti (mati) apabila sastera itu dipisahkan daripada persekitarannya. Dengan kata lain, sastera dan keperihalan manusia dan masyarakat tidak boleh dipisahkan. Keperihalan itu pula melalui proses pemilihan, pentafsiran, dan penilaian oleh pengarang dan keadaan ini menghasilkan pandang alam tentang manusia dan masyarakatnya dan pandang alam ini menjadi daya penarik kepada sastera dan membawa erti kepada pembacanya. Pembaca tidak mampu memperoleh semua pengalaman manusia dan sastera mampu memberikannya.

Sastera membawa dunia baharu kepada pembaca dan dunia ini memperkaya pembaca dalam konteks emosi dan intelek. Sastera berupaya memberikan pendidikan kepada emosi dan intelek pembaca. Pendidikan yang mampu dibawa oleh sastera ialah satu pengertian lama tentang erti sastera, tetapi masih relevan erti sastera kepada kehidupan manusia. Mengikut Muhammad Haji Salleh (1988), puisi mampu membijaksanakan pembaca. Puisi boleh memberi pembaca cahaya kepada kegelapan. Kebijaksanaan ini memperlihatkan kekuatan sastera untuk merangsang pembaca berfikir tentang diri dan persekitarannya. Masyarakat yang maju ialah masyarakat yang mampu berfikir tentang kehidupan dan sastera bererti kerana memiliki kemampuan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sastera pernah menjadi wahana menyemarakkan semangat kebangsaan dalam kalangan masyarakat Melayu pada tahun 1930-an. Sastera digunakan untuk menanamkan semangat cinta kepada tanah air, menyuburkan semangat patriotik, menggalakkan perkembangan semangat cinta akan bahasa dan kebudayaan sendiri, memperlihatkan keburukan pemerintahan penjajah yang tidak jujur, dan membentuk semangat perpaduan. Maka kerana matlamat yang demikian, lahir sasterawan seperti Harun Aminurrasyid (*Melor Kuala Lumpur*), Ahmad Bakhtiar (*Korban Keris Melaka*), Shamsuddin Salleh (*Pemimpin Sulit*), dan Ishak Haji Muhammad (*Anak Mat Lela Gila*). Hari ini sastera masih bererti untuk menyemarakkan semangat itu apabila kita dapati bahawa masih banyak sasterawan yang menghasilkan sajak yang berkaitan dengan kemerdekaan. Lebih menarik, lahir karya sastera yang mengajak pembaca mengisi kemerdekaan. Semacam tidak lengkap sesuatu majlis menyambut hari kemerdekaan jika tidak dibaca puisi atau lebih tepat sajak. Di sini sastera terus bererti kepada masyarakatnya.

Kemampuan mendidik masyarakat yang dipunyai oleh sastera berlainan dengan kemampuan sains. Sains mendidik manusia, tetapi didikannya tidak mengadunkan antara sains unsur kemanusiaan seperti emosi. Sastera bukan subjek yang kering seperti sains. Sebaliknya, sastera diperkaya dengan emosi di samping maklumat serta kebijaksanaan. Pendidikannya halus dan diperteguh dengan penyampaian yang berseni atau indah. Sastera sangat bererti dalam memahami erti kemanusiaan tentang penderitaan, peperangan, kecintaan, kemiskinan, kejaman, dan sebagainya. Segala keperihalan yang berhubung dengan kemanusiaan dapat ditimba dari telaga sastera yang tak pernah kering. Pengarang ialah manusia perasa dan kritis yang membawa pembaca erti kemanusiaan dan secara halus mengajak pembaca lebih mengerti tentang manusia dan kemanusiaan. Dengan kata lain, sains tanpa emosi tidak membangkitkan rasa kemanusiaan dengan berkesan. Namun begitu, sains dalam sastera, seperti karya sains fiksyen, mampu mengembangkan rasa kemanusiaan dengan lebih berkesan.

> Sastera digunakan untuk menanamkan semangat cinta kepada tanah air.

Sastera bererti kepada kehidupan manusia, bukan sahaja sastera dapat membawa manusia mengenal erti kemanusiaan, tetapi membawa pencerahan tentang diri dan penciptanya, seiring dengan kehidupan manusia yang tidak hanya berada di alam fizikal, malah menjangkau alam kerohanian. Sastera menjadi wadah pengarang untuk merakamkan pengalaman mereka mengecap pengalaman kerohanian yang sukar dikisahkan dalam bahasa yang biasa. Lahir pengarang seperti Hamzah Fansuri dan Rabindranath Tagore. Tagore menghasilkan puisi yang merakamkan pengalaman kerohaniannya dalam karyanya yang terkenal, iaitu *Gitanjali*. Di sini puisi dan agama tidak dapat dibezakan. Membaca dan menghayati bait puisi dalam *Gitanjali* menyebabkan pembacanya dapat merasai apa-apa yang cuba disampaikan oleh Tagore, tentang keheningan, kenikmatan rohani, dan kekudusan cinta kepada Tuhan serta adanya alam kudus yang tidak terjangkau oleh deria biasa.

Selain didikan atau pengajaran, sastera juga bererti dalam konteks memberikan kritikan sosial kepada masyarakatnya. Kepincangan yang terjadi dalam masyarakat sentiasa mendapat perhatian pengarang. Pengarang menjadi pembela manusia yang terpinggir dan memberikan saranan untuk mengatasinya. Kepincangan sosial, budaya, ekonomi, dan sebagainya dikupas dan dianalisis agar pembaca sedar tentangnya dan bertindak untuk membaikinya. Kritikan sosial yang disampaikan secara halus tetap tajam rasanya dan memacu pembaca berfikir. Dalam masyarakat yang terbuka, peranan sastera untuk membuat kritikan sosial sangat terasa. Sastera sebagai alat mengkritik ialah pandangan lama yang masih popular.

Di negara yang pernah dijajah, berlaku pertembungan budaya, iaitu antara budaya penjajah dengan budaya dijajah. Hasilnya, berlakulah pergeseran atau ketegangan antara kedua-dua budaya ini. Sekian lama negara yang dijajah bukan sahaja dijajah dari segi politik dan ekonomi, tetapi juga budaya. Penjajahan Barat terhadap Negara Dunia Ketiga diperkukuh dengan wacana yang dikenali sebagai wacana kolonial. Wacana yang bersifat dekonstruktif ini menyebabkan identiti bangsa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijajah itu dicalarkan dan lebih dahsyat lagi ada yang dipadamkan. Sebagai ganti, dibangunkan identiti baharu yang sesuai dengan kehendak mereka. Keadaan ini memberikan tekanan kepada pengarang yang kenal akan muslihat penjajah itu. Maka, muncul suara yang menentang wacana kolonial ini. Ekoran itu, tampil pengarang menyuarakan pandangan mereka tentang ketegangan yang berlaku.

Di Malaysia, muncul pengarang yang tidak asing lagi, seperti Ishak Haji Muhammad yang dengan berani menulis *Putera Gunung Tahan* pada tahun 1930-an. Novel ini menyindir kerakusan Inggeris terhadap bangsa Melayu dan mendedahkan muslihatnya. Gelombang penentangan ini semakin nyata selepas merdeka. Misalnya, ada beberapa orang pengarang yang maju ke hadapan menyuarakan pandangan mereka tentang persoalan identiti bangsa Melayu selepas merdeka, seperti yang terdapat dalam karya Keris Mas, Usman Awang, dan Arena Wati. Fenomena yang sama dan lebih menarik lagi dapat dijejaki dalam karya sasterawan dari Afrika dan Amerika Latin yang begitu lama berada dalam penjara kebisuan angkara penjajah. Muncul nama penting pengarang Afrika. Dari Amerika Latin, terdapat nama besar dalam dunia sastera seperti Jorge Luis Borges, Mario Vargas Llosa, dan Gabriel Garcia Marquez.

Seiring dengan berlalunya penjajah dari bumi yang dijajah, maka mula dibangunkan gagasan kesusasteraan kebangsaan di negara yang baru merdeka ini. Pembentukan kesusasteraan kebangsaan ada hubungannya dengan pembinaan budaya kebangsaan yang berlaku serentak. Di negara yang baharu atau yang sudah lama merdeka, mereka bersungguh-sungguh cuba membentuk kesusasteraan kebangsaan yang mengambil kira pelbagai faktor tempatan, seperti pengertian negara, budaya dan objektif mereka ialah membangunkan identiti mereka melalui sastera. Pentas perbandingan mula digunakan untuk menonjolkan kesusasteraan kebangsaan masing-masing. Dipertemukan sastera penjajah dengan sastera pascakolonial. Sehubungan dengan itu, runtuhlah dikotomi antara sastera pusat dengan sastera pinggiran. Sastera pascakolonial ini mula menarik perhatian masyarakat antarabangsa, khususnya di Barat yang suatu ketika dahulu tidak dapat menerima sastera pinggiran ini. Di sini sastera sangat bererti untuk membina dan memperlihatkan identiti bangsa tempat sastera itu dilahirkan.

Dari dahulu hingga sekarang sastera tetap memberikan erti kepada kehidupan manusia.

Sastera juga sangat bererti kepada wanita. Bagi sesetengah kaum feminis, imej wanita yang dikemukakan oleh pengarang lelaki dalam karya mereka dikatakan berat sebelah; lelaki dikatakan tidak dapat memahami wanita. Sehubungan dengan itu, melalui sastera tampil pengarang wanita untuk menyuarakan pemikiran dan emosi mereka tanpa tunduk kepada kehendak lelaki, seperti yang terdapat dalam masyarakat patriarkal. Sejak tahun 1960-an, sastera mula menjadi sangat yang bererti kepada wanita apabila lelaki lebih memahami emosi, fikiran, kehendak, dan impian mereka melalui karya yang dibaca.

Kesimpulannya, dari dahulu hingga sekarang sastera tetap memberikan erti kepada kehidupan manusia. Apabila kita menerima hakikat bahawa manusia cinta kepada keindahan, terbatas pengalamannya, wujud rasa ingin tahu, mampu berimaginasi, dan punya kreativiti, maka sastera tetap bererti. Sastera berubah mengikut tuntutan zamannya. Walau bagaimanapun, erti sastera juga merentas masa dan abadi. ❐

Bibliografi

A. Samad Said, 1998. "Pidato Penerimaan Anugerah Sastera Negara." dlm. Sarah Sadon (peny.). *Koleksi Terpilih Sasterawan Negara A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ali Ahmad, 1994. *Pengantar Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kundera, Milan, 2002. *Art of Novel*. Yogyakarta: Jalasutra.

Muhammad Haji Salleh, 1988. *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Naisbitt, John, 1999. *High Tech. High Touch. Technology and Our Search for Meaning*. New York: Random House.

Shahnon Ahmad. *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Usman Awang, 1995. "Suara Kemanusiaan Seorang Pengarang dlm. Dinsman (peny.) *Koleksi Terpilih Sasterawan Negara Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai *Sexual Politic* yang antara lain mengumpamakan ideologi yang kebiasaannya berteraskan patriarki itu sebagai tongkat lingga yang universal yang digunakan oleh lelaki daripada semua kelas untuk memukul wanita.

Yang diperlihatkan oleh ideologi feminis radikal ialah betapa soal seksisme ini dan biologi menjadi bentuk penguasaan lelaki terhadap tubuh wanita termasuk hubungan seksual. Wanita dilihat sebagai "desire object" yang dibicarakan dengan apa cara sekalipun untuk menunjukkan penguasaan lelaki termasuk menggunakan perkataan berbentuk pornografi. Ada kalangan penulis wanita yang radikal mengambil sikap keterbalikan situasi apabila memungkiri ideologi *supremacy of phallus* dengan cara menjadikan lelaki sebagai objek dan sasaran dalam karya wanita seperti *Fear of Flying* karya Erica Jung. Keupayaan wanita memperlakukan lelaki secara berwewenang dianggap oleh kalangan feminis radikal sebagai keindahan estetika dalam karya-karya wanita. Dalam *Syumul*, imej sedemikian dapat diperhatikan melalui watak Erika Bacia.

Dari perspektif ekonomi, kalangan feminis radikal ini menentang penindasan wanita oleh kalangan patriarki yang mengambil kesempatan memenuhi kepentingan material dengan memperlakukan wanita sebagai tenaga kerja domestik tanpa bayaran, dan sekadar menjadikan wanita tenaga sokongan. Selain itu penindasan terhadap wanita dilakukan secara mengambil kesempatan ke atas tubuh mereka untuk menguasai wanita melalui perkahwinan dan memperlakukan wanita sebagai hamba seksual, pornografi, sumber reproduksi dan lain-lain lagi (Cecilia Ng, 1988: 6–7).

Dalam *Syumul* hal ini turut diserlahkan tetapi tidak secara bebas lepas, sehingga pada peringkat mencarut, tetapi melalui tanda dan petanda yang lebih lunak. Misalnya cara Sovisir menjadikan lelaki itu sebagai objek untuk dipergunakan sebagai batu loncatan untuk menanjak ke posisi yang lebih tinggi dalam kerjayanya.

> "Kita kaum wanita, jangan jadi pengecut! Kita jangan mudah dipijak-pijak oleh kaum lelaki! Apa yang dilakukan oleh kaum lelaki, boleh juga dilakukan oleh kaum wanita."
>
> (Azmah Nordin, 1999: 355).

Dalam *Syumul*, jaringan hubungan antara watak-watak wanita ini dibina dalam satu rantaian. Masing-masing saling kait-mengait dalam konflik yang kompleks khususnya berkaitan perbezaan sikap, pandangan serta cara mereka memberikan identiti kewanitaan mereka berasaskan naluri, emosi, sentimen, dan rasional. Mereka mempunyai pengalaman yang sama ke arah memberi makna kepada jati diri wanita mereka, juga mempunyai naluri menjalinkan hubungan dengan lelaki, cuma yang berbeza dari segi sejuah manakah mereka menyatakan perasaan mereka, dan membiarkan perasaan itu menguasai mereka, dan memberi makna kehadiran lelaki dalam hidup baik secara sedar dan di bawah sedar.

Walaupun ketara perbezaan imej wanita sama ada secara liberal, radikal dan tradisi yang mencetus pula konflik yang runcing tetapi akhirnya mereka memenuhi aspirasi *global sisterhood* apabila seluruh konflik antara mereka dimurnikan dan wanita kembali berpadu dan mengenal makna kewujudan dan jati diri sebenar mereka. Konflik antara mereka juga timbul akibat perbezaan pencarian dan pengisian matlamat hidup serta kaedah yang digunakan untuk mencapai hasrat tersebut. Malahan ada kalangan watak wanita seperti Erika Bacia yang menderita paranoid kerana kegagalan mengawal emosi akibat kegagalan memenuhi hasrat dan impiannya memiliki Hadzim. Manakala Juwairiah dapat mengimbangi perasaannya yang mencintai Syed Hakim dalam diam dan secara rasional. Dalam hal ini Sovisir pula tidak menjadikan lelaki sebagai matlamat akhir hidupnya untuk hidup kekal dengan lelaki seperti Hadzim, melainkan untuk kepentingan peribadi. Sementara Wardah pula wanita defensif dan mudah menyerah kalah dari mempertahankan hubungannya dengan lelaki. Dia lebih banyak pasrah sambil mengharapkan takdir merubah nasib untuk memiliki cintanya semula daripada Hadzim. Manakala watak Leonie (ibu Juwairiah) meletakkan kesetiaan tanpa berbelah bahagi, biarpun diperlakukan secara zalim. Bagaimanapun kompleksiti yang timbul pada watak-watak wanita ini akhirnya bermatlamat untuk mencari dan membentuk jati diri wanita yang unggul untuk memberikan imej wanita yang perkasa seperti yang digambarkan pada Juwairiah.

Sovisir menghalalkan cara untuk memenuhi impiannya sehingga sanggup mencagarkan kehormatan dirinya. Dia juga mengetepikan soal persahabatan apabila dia merampas buah hati rakan sekerjanya Wardah yang lebih senior, dengan cara memperagakan tubuh badannya yang dikatakan tempat pembiakan segala bentuk kenalan. Sovisir juga digelar sebagai Si Diod pemancar cahaya oleh Erika Bacia kerana kelicikan menggunakan cara yang subversif daya tarikannya itu untuk memutuskan hubungan Hadzim dan Wardah, kemudian membuka ruang Erika memiliki Hadzim, sebaliknya Sovisir memperguna Hadzim untuk mendapat kepentingan peribadi menanjak naik secara jalan pintas, menafikan hasrat Erika untuk memiliki Hadzim. Dia akhirnya berjaya menduduki jawatan Ketua Jurutera dengan menafikan hak Wardah yang lebih senior 12 tahun pengalaman berbanding Sovisir yang dianggap Wardah masih hijau. Dalam waktu yang sama Sovisir turut melanggar semangat global *sisterhood* meleraikan persahabatan untuk kepentingan diri sebagaiman yang menjadi asas ideologi radikal. Dalam hal ini ada mesej yang tersembunyi bahawa wanita seharusnya mempunyai pertahanan yang kuat untuk menyusun strategi. Persaingan

ara empat penjuru, Wardah, Erika Bacia dan Sovisir dengan Hadzim bagaikan persaingan *survival of the fittest*, yang terbaik akan mengatasi yang lain seperti yang dianalogikan sebagai satu perjuangan dalam peperangan, ada yang menang dan ada yang kalah. Sikap inilah yang dibentur oleh Sovisir. Dia sedar dia telah mengecewakan persahabatannya dengan Wardah namun dalam waktu yang sama tindakan Sovisir memberi kesan moral untuk mewajarkan perbuatannya itu bagi menjadi "wanita maju".

"Dalam dunia korporat ini, kalau mahu maju ke hadapan, kita perlu bekerja keras dan menggunakan apa saja, sebagai jalan atau alat perhubungan kita ke tingkat yang lebih atas."

(Azmah Nordin, 1999: 358)

Imej radikal pada watak Sovisir juga ketara melalui sikapnya yang revolusioner yang memberontak terhadap institusi sosial seperti perkahwinan. Dia melanggar kudratnya sebagai wanita dengan menafikan perkahwinan dengan cara

"mengebalkan hati, memenggalputuskan sebarang perasaan halus bagi mengelakkan daripada perhubungan abadi dengan sesiapa."

(1999: 118).

Malahan dia bertindak jauh daripada itu dengan menafikan kewanitaannya hingga nekad melakukan pembedahan pemandulan sewaktu dia berada di Hong Kong (1999: 358).

"Dia tidak rela dimasukkan ke dalam pasaran perkahwinan. Dia tidak rela ditawar-tawarkan seperti barang dagangan bagi menentukan harga dan bentuk *berian* dalam perkahwinannya kelak. Yang penting dia tidak sudi diperalatkan oleh beratus-ratus kaum kerabat keluarganya untuk meminta *berian* sampai mati."

(1999: 356–357)

Sovisir mempercayai bahawa dengan memiliki kuasa, dia mampu berdikari sebagaimana yang dilakukan orang lelaki, untuk itu dia perlu bertungkus lumus belajar untuk tidak memerlukan sesiapa. Dia belajar untuk tidak mempercayai sesiapa. Dia belajar untuk tidak akan menangis di hadapan sesiapa.

Sikap Sovisir yang memberontak terhadap institusi perkahwinan ini bertolak daripada kesan kejengkelannya terhadap pengalaman masa lalunya sewaktu dia masih gadis remaja. Dia melihat dalam kalangan lelaki yang memegang kuasa di rumah panjang mengambil kesempatan mengaut keuntungan daripada penghuni tanpa memikirkan kedaifan mereka. Bentuk penindasan ini meruntun jiwa Sovisir, apalagi mengenangkan sikap ibunya yang terlalu memuja Ungkowoton untuk meneruskan jambatan persahabatan dengan orang-orang kampung. Sovisir melihat hubungan sebagai satu bentuk penghinaan seolah-olah terngiang-ngiang suara parau yang menggerunkannya, suara orang laki dan kemudiannya penguasaan ini mula memberuhinya untuk memiliki punca kuasa, kerana dengan kuasa sahaja dia mampu menguasai jalan hidup sendiri dan mampu mengubah jalan hidup orang lain.

"Aku hendak memiliki kuasa seperti mereka. Aku harus jadi seperti mereka. Untuk tujuan itu, aku harus mempunyai semangat kuat. Aku harus sanggup berkorban dan mengorbankan, untuk memiliki kuasa itu!"

(Azmah Nordin, 1999: 314)

Dalam kalangan feminis radikal juga menekankan pentingnya penulisan karya wanita itu merayakan hubungan anak perempuan dengan ibunya kerana kedua-duanya memperlihatkan persamaan biologi dan berkongsi pengalaman yang sama. Dari satu segi ia cuba memutuskan pemujaan kepada ciri-ciri kebapaan sebagaimana yang dibudayakan dan menjadi dominan dalam penulisan kalangan lelaki. Dalam *Syumul* hubungan anak dan ibu ini menjadi salah satu bentuk perhubungan yang penting dalam plot cerita. Hubungan Sovisir dengan ibunya dipertalikan dengan simbol singkowoton sebagai skema nilai dan penghormatan bagi seorang gadis, iaitu mahkota kegadisannya. Skema inilah akhirnya menyedarkan Sovisir daripada keterlanjurannya. Kesedaran ini hanya datang setelah dia ditimpa musibah terjatuh ke dalam gaung di lereng gunung. Peringatan ibunya itu menjadi batas dan had supaya wanita tidak melangkau kesopanan dirinya.

Begitu juga hubungan Juwairiah dan ibunya Leonei, walaupun bentuk hubungan ini agak misteri kerana Leonei yang mati lebih tiga puluh tahun lalu dihadirkan seiring dengan Juwairiah mungkin dalam bentuk roh yang dihadirkan secara *collective unconsciousness*. Ia hadir sebagai diri Juwairiah yang lain, yang pasif, sedangkan satu lagi peribadi Juwairiah yang agresif. Hal ini akhirnya dapat ditebak sebagai pengalaman bawah sedar Juwairiah terhadap nasib ibunya yang menderita kerana ditindas dan memerlukan pembelaan anaknya Juwairiah, lambang pembebasan wanita daripada belenggu lelaki penguasa.

Penghargaan terhadap perhubungan ibu dan anak ini menjadi ciri yang paling kerap muncul dalam karya feminis. Ia menjadi bahan penulisan yang semakin ketara dalam karya feminis, terutama dalam menghargai dan memberi tafsiran semula tentang hubungan anak dan ibu, melangkaui gejala matrophobia iaitu 'fear the becoming one's mother' berubah kepada 'to a courageously sustained quest for the mother' (Mary Jacobus, 1979: 32). Dan percubaan ini secara tidak langsung akan memperkaya budaya dan pengalaman wanita untuk memperteguh jati diri dan kehadiran mereka dalam institusi masyarakat. Dalam kalangan wanita radikal ini memuja ciri-ciri biologi, geneologi wanita itu sebagai lambang kekuasaan, manakala aspek seksualiti yang selama ini menjadi asas perbezaan genus yang memerangkap wanita dalam indoktrinasi lelaki kuat dan wanita lemah akhirnya dicirikan secara keterbalikan bahawa seksualiti wanita bersifat revolusioner, subversif, pelbagai dan terbuka. *DS*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

JATI DIRI BANGSA DALAM KARYA AGUNG MELAYU

Oleh **HASSAN AHMAD**

ORANG Melayu hari ini, apabila terdesak dengan masalah yang boleh mengancam keberlangsungan identiti atau jati diri mereka sebagai bangsa yang dikatakan "dominan" (barangkali dominan dari segi jumlah orangnya, yakni dari segi kuantiti) di negara ini, menggelabah, tidak tahu apa makna bangsa Melayu. Mereka bercengkerama tentang isu "jati diri Melayu", cuba mencari pelbagai takrif yang lebih mengelirukan isu itu lagi. Padahal jati diri Melayu sudah ada, dibentuk secara kolektif sejak berabad-abad lamanya melalui proses penciptaan tamadun atau *cultural production* yang dirakamkan dalam kesusasteraan Melayu.

Akibat kecelaruan kesedaran jati diri itu, orang Melayu hari ini makin dilihat oleh dunia luar, bahkan oleh orang Melayu sendiri, sebagai bangsa yang tidak mempunyai budaya yang kuat untuk menjadi bangsa yang maju di dunia hari ini. Malah, ada orang yang menulis sajak menghina orang Melayu, mengatakan melalui kata-kata berselindung bahawa orang Melayu tidak mempunyai apa-apa hak untuk menggelar dirinya sebagai "bumiputera" Semenanjung Tanah Melayu.

Setiap hari kita mendengar cerita yang buruk-buruk tentang orang Melayu, dibesar-besarkan, dihebohhebohkan, mungkin juga diada-adakan atau direka-rekai oleh pelbagai pihak menurut agenda dan kepentingan masing-masing, terutama kepentingan politik dan ideologi.

Jikalau kita mengunjungi kedai buku bahasa Inggeris yang terbesar di Kuala Lumpur, iaitu di Mega Mall, Mid-Valley dan di KLCC di situ tidak kelihatan wajah tamadun Melayu yang dapat dicontohi oleh bangsa lain. Yang kita lihat, ialah dua buku yang menggambarkan masalah atau krisis nilai yang sedang dihadapi oleh bangsa Melayu. Buku yang saya maksudkan ialah *The Ugly Malays,* oleh Syed Hussein Al-Attas dan *Malays Forget Easily* atau *Melayu Mudah Lupa* oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Dahulu yang *ugly* ialah orang Amerika. Sekarang rupa-rupanya orang Melayu juga *ugly*, yakni "buruk". Bezanya ialah, walaupun orang Amerika "ugly", mereka kuat, mampu menguasai dan menggertak dunia, dan pengaruh mereka dalam pelbagai bidang kemajuan merebak ke seluruh dunia. Sedangkan "ugly"nya orang Melayu betul-betul "ugly" – tidak baik untuk dicontohi oleh bangsa lain.

Tentang orang Melayu mudah lupa, hal ini mungkin benar, tetapi lupa orang Melayu yang paling besar ialah lupanya terhadap jati diri bangsanya. Mereka tidak membaca sejarah bangsa Melayu. Yang lebih penting, mereka tidak membaca dan tidak memahami segala makna, yang tersurat dan tersirat, segala metafora dan bambang jati diri Melayu yang diwariskan kepada kita oleh pemikir, seniman bijak bestari, dan bijaksana bangsa Melayu dahulu kala melalui karya khazanah kesusasteraan Melayu tradisional.

Di kedai buku bahasa Inggeris yang besar, yang kita lihat ialah beberapa banyak buku tentang falsafah bangsa lain, falsafah Barat, juga falsafah bangsa India dan falsafah bangsa Cina. Misalnya, dalam buku, *Great Thinkers of the West* atau *Fifty Great Philosophers/ Thinkers of the East*, tidak terdapat seorang pun *great thinker* atau *great philosopher* Melayu atau yang berasal dari dunia Melayu atau dunia berbahasa Melayu. Padahal kita mempunyai "Karya Agung Melayu". Kita berkata bahawa karya kesusasteraan Melayu tradisional seperti *Sulalat al-Salatin* atau *Hikayat Hang Tuah,* atau puisi tasawuf atau metafizik Hamzah Fansuri, atau pantun Melayu, atau peribahasa Melayu, semuanya "karya agung Melayu". Karya agung Melayu tentulah lahirnya daripada bangsa Melayu yang secara kolektifnya merupakan bangsa yang cukup kreatif, bangsa yang genius, yang bijak bestari atau bijaksana, atau yang berakal budi tinggi. Manusia itulah dan karya merekalah yang membentuk peradaban atau tamadun bangsa Melayu sepanjang zaman di rantau berbahasa Melayu ini, rantau yang kini disebut rantau MABBIM dan rantau MASTERA. Tetapi sedih, apabila orang lain (bahkan orang kita sendiri) bercakap tentang *great thinkers of the world* atau *great thinkers of the East* atau tentang *great works of the world*, pengarang *Sulalat al-Salatin*, pengarang *Hikayat Hang Tuah*, dan pengarang di Acheh abad ke-17, seperti Sheikh Nuruddin Al-Raniri dan Hamzah Fansuri, tidak termasuk dalam senarai mereka.

Mengapa? Sebab yang utama ialah ketiadaan usaha dalam kalangan sarjana kita untuk merekonstruksi dan memberikan takrif yang besar, koheren, dan sistematik tentang falsafah atau pemikiran Melayu berdasarkan korpus kesusasteraan Melayu tradisional yang sudah didokumenkan selama ini. Hal ini menimbulkan kesan bahawa bangsa Melayu tidak mempunyai sejarah pemikiran dan falsafah yang setaraf dengan bangsa lain di luar kawasan dunia Melayu. "Pengajian Melayu" masih terpecah-pecah kepada subbidang bahasa, linguistik, kesusasteraan, budaya ditambah dengan ilmu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perti antropologi dan sosiologi, n sebagainya.

Kita telah menerbitkan beberapa nyak teks kesusasteraan Melayu disional yang diselenggarakan ara ilmiah (ini pun tradisi yang warisi daripada pengkaji filologi rat). Tetapi semua ini terbit agai teks yang berasingan. Akal di Melayu, falsafah atau andangan hidup bangsa Melayu, stem nilainya, konsep ilmunya, onsep Melayu-Islam tentang adilan, hak manusia, kelakuan oral, budaya dan sosial manusia, an sebagainya, tidak hanya terpandangan hidup bangsa Melayu dengan membaca kumpulan pantun atau peribahasa Melayu yang ditafsirkan maknanya oleh pengumpul karya itu. Namun, cara ini tidak dapat memberikan suatu gambaran yang lengkap, yang sistematik, yakni yang dihimpunkan dalam satu skema yang besar.

"Falsafah Melayu" menggambarkan seluruh sistem pemikiran atau pandangan hidup Melayu yang terbentuk secara kolektif melalui pengamalan dan renungan orang Melayu dalam proses interaksi mereka dengan alam sekitar



dapat dalam peribahasa, pepatah, dan pantun Melayu, tetapi dalam seluruh korpus dan genre kesusasteraan Melayu tradisional, termasuk karya ilmu Melayu tradisional.

Yang penting, pengkaji tamadun Melayu melakukan suatu usaha rekonstruksi dan sintesis yang sistematik dan komprehensif tentang sistem pemikiran atau sejarah pemikiran, atau falsafah atau pandangan hidup dan sistem nilai bangsa Melayu berdasarkan teks atau korpus kesusasteraan Melayu tradisional. Karya ecerannya mungkin sudah banyak. Orang boleh nemetik beberapa nilai dan aspek –alam kosmos dan alam renik, atau alam peribadi, alam sosial, dan alam flora dan fauna mereka. Yang tidak kurang penting sebagai sumber falsafah mereka, ialah pengalaman orang Melayu bertembung dan berinteraksi dengan pembawa unsur daripada tamadun lain di luar kawasan dunia mereka. Daripada pengalaman, renungan, pertembungan dan interaksi itu, lahirlah pantun Melayu, peribahasa Melayu, karya lipur lara Melayu, hikayat Melayu, dan karya metafizik Melayu yang memperlihatkan keupayaan akal dan budaya Melayu untuk mentakrifkan diri mereka atau jati diri mereka sebagai "bangsa Melayu".

Asal usul animisme Melayu dan kemudiannya kosmologi panteistik terhapus secara prinsipnya setelah Islam memperkenalkan peraturan, nilai, dan pandangan hidup baru berdasarkan ketauhidan yang benar, dan "ajaran" baru ini mudah diterima oleh orang Melayu melalui fitrahnya atau minda intuitifnya. Wadah inilah yang memungkinkan wujudnya beberapa banyak genius Melayu dalam bidang pemikiran yang kreatif kerana orang Melayu atau seniman sastera Melayu dahulu kala, terutama pencipta pantun dan peribahasa, menggunakan akal dan budi atau akal dan mindanya serentak. Kebanyakan pengarang dahulu kala berfikir secara figuratif atau metaforik.

Kesimpulannya, jati diri bangsa Melayu tidak terletak pada ciri fizikalnya tetapi pada ciri tamadunnya, pada nilai pemikiran atau akal budinya, pandangan hidupnya, konsepnya terhadap keadilan politik, sosial, moral dan budaya, dan nilai seninya, yang dibentuk bukan melalui paksaan atau melalui proses saduran yang pasif, tetapi melalui pengalaman kreatif dan inovatif bangsa itu sejak ratusan tahun lamanya dalam menghadapi dunia sekitarnya dan tamadun luar. Hal yang penting ialah tamadun ini bukan tamadun etnik Melayu yang bersifat lokal, tetapi ialah tamadun "bangsa Melayu" yang merentas batas daerah dan kepelbagaian etnik dan budaya setempat atau etnik. Tamadun ini dibentuk sejak abad ke-9 atau lebih jelas sejak abad ke-13 oleh dua faktor *cultural production* yang dominan di rantau ini, iaitu bahasa Melayu dan agama Islam. Proses ketamadunan ini dibentuk atau dirakamkan dalam sekian banyak korpus kesusasteraan Melayu tradisional. Inilah korpus yang perlu kita "rekonstruksi" untuk membina suatu sistem besar dan tuntas tentang akal budi Melayu sejarah falsafah atau pemikiran bangsa Melayu.

pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Membina Jati Diri dan Negara Bangsa Melayu Melalui Sastera

OLEH HARON DAUD

SIKAP bangsa Melayu yang tidak membaca dan mengerti sejarah bangsa menjadikannya bangsa yang daif, lemah, dan senang ditipu. Bagaimanakah keadaan nasib bangsa ini apabila berhadapan dengan kepesatan kemajuan sains dan teknologi, khususnya teknologi maklumat yang akan mengheret negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia, ke dalam arus pensejagatan pada abad ke-21? Negara maju, seperti Amerika Syarikat dan Jepun, akan berfungsi sebagai pemegang teraju dalam menentukan hala tuju negara membangun dan miskin, sekali gus kedaulatan dan keunggulan sesebuah bangsa dan negara akan tercabar atau goyah, kecuali negara itu mempunyai jati diri yang unggul dan negara bangsanya dibina dengan mantap. Namun, pemikiran berhubung dengan pengunggulan jati diri dan pembinaan negara bangsa Melayu, menurut Hassan Ahmad, sudah dibina oleh pemikir, seniman bijak bestari, dan bijaksana bangsa Melayu dahulu kala melalui khazanah kesusasteraan Melayu tradisional, seperti *Sulalatus Salatin (SS)* dan *Hikayat Hang Tuah (HHT)*.

HHT, yang merupakan satu-satunya karya epik Melayu, menonjolkan wira bangsa yang perlu dicontohi oleh setiap orang Melayu, khasnya, dan bangsa lain, amnya. Masalahnya, dalam hikayat tersebut, ada dua watak penting, iaitu Hang Tuah dan Hang Jebat. Siapakah antara mereka yang menjadi wira bangsa? Pada masa ini, penerimaan masyarakat terhadap Tuah sebagai wira bangsa Melayu semakin luntur, sebaliknya Jebat dianggap wira. Dalam hal ini, sarjana harus berfikir secara bijak dan matang apabila memilih dan menentukan wira yang satu itu. Pemilihan sudah pasti berdasarkan *HHT* versi Dewan Bahasa dan Pustaka yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad) dan *SS* diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad) kerana teks lain yang menonjolkan imej Tuah-Jebat, terutama berbentuk drama, tidak lagi "murni", sebaliknya lebih merupakan luahan fikiran dan kemahuan pengarang untuk disesuaikan dengan kehendak dan fahaman mereka.

Imej Jebat dalam pemikiran dan penerimaan orang Melayu berubah-ubah mengikut zaman dan kehendak masyarakat. Pada zaman tradisional, Jebat dianggap penderhaka yang dibenci oleh masyarakat. Namun, pada tahun 1960-an dan tahun 1970-an, tanpa disangsi lagi, Jebatlah yang menjadi wira bangsa Melayu. Soalnya, adakah imej Jebat atau tanggapan khalayak yang berubah? Jawapannya ada pada *HHT* dan teks lain yang memacarkan imej Jebat serta tulisan sarjana.

JEBAT merupakan sahabat Tuah yang paling rapat. Menurut watak Patih Kerma Wijaya dalam teks *HHT* (hlm. 322), kebolehan Jebat sama dengan Tuah berdasarkan pengakuannya, iaitu "barang yang tiada pada Laksamana tiadalah kepadanya Si Jebat itu". Dalam keadaan hubungan persahabatan mereka yang erat, ternampak adanya rasa kurang senang hati Jebat apabila Tuah mendapat anugerah daripada raja. Seboleh mungkin, dia mahu mendapatkan apa-apa yang diperoleh oleh Tuah.

Ketika Tuah menyusun strategi untuk membunuh Megat Panji Alam di Inderapura, Jebat membantah dengan alasan supaya Tuah tidak dituduh oleh masyarakat, "Lihatlah Laksamana itu hendak berbuat kebaktian seorang Kebawah Duli Yang Dipertuan." Tuah akur dengan pandangan itu. Katanya, "Benarlah seperti bicara Tun Jebat itu, pada bicara hamba pun demikian" (hlm. 234). Jebat melaksanakan tugas itu sebagai pahlawan yang tidak beretika kerana dia dan Kasturi bersembunyi di balik pintu untuk menikam curi rusuk kanan Megat Panji Alam yang sedang membasuh kaki di anak tangga rumah Bendahara (hlm. 237 – 8). Yang diingini oleh Jebat tercapai kerana apabila dia dan sahabatnya yang berjaya mengalahkan Megat Panji Alam dan pengikutnya dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

engganu, mereka diberi penganugerahan oleh raja Melaka:

> "Maka raja pun menanggalkan segala pakaiannya daripada tubuh daripada dianugerahkan pada Laksamana dan memberi anugerah akan Hang Jebat, Hang Kasturi dan keris panjang Megat Terengganu dianugerahkan pada Hang Jebat, keris pandak itu pada Hang Kasturi; lembing bersampak emas itu diambil raja."
>
> (Hlm. 241).

Sikap Jebat yang mencuba menyaingi atau mendapatkan sesuatu yang melebihi Tuah tergambar dengan jelasnya dalam soal jawatan/gelaran. Jawatan Bentara Kiri bergelar Laksamana yang disandang oleh Tuah nampaknya "dicemburui" oleh Jebat kerana dia sungguh gembira apabila raja Melaka memberinya Keris Taming Sari yang dirampas daripada Tuah untuk dipakai. Serentak dengan itu, hatinya berkata, "Aku pula rupanya menjadi Laksamana" (hlm. 311). Sejak itu, Jebat "mengambil alih" tugas Tuah sebagai Laksamana, termasuk melawan perajurit Majapahit, seperti pengakuannya, "Masakan Laksamana seorang hulubalang? Gerangan tiada. Si Jebatlah akan ganti Laksamana, jika ada musuh dan seteru Duli Yang Dipertuan" (hlm. 318). Lebih ketara lagi, dalam hal gelaran Paduka Raja. Sebelum Tuah "dibunuh" kali kedua oleh Bendahara Paduka Raja, dia berpesan kepada Jebat:

> "Adapun pada firasat hamba dan penglihatan hamba, sepeninggalan hamba ini, saudaraku, jangan saudaraku menanggung nama Paduka Raja kerana Paduka Raja itu nama Bendahara; barang siapa menjadi Bendahara maka sahut bernama Paduka Raja itu."

Pesanan Tuah itu bukan sahaja tidak diikuti oleh Jebat, malah dia mendesak raja Melaka supaya mempercepat pemberian gelaran itu tanpa menunggu kehadiran Bendahara dan Temenggung (hlm. 318). Dengan memakai gelaran Paduka Raja, Jebat bermegah dengan kedudukannya bertaraf Bendahara yang jauh lebih tinggi berbanding dengan Tuah yang bertaraf Laksamana.

Jebat bukan penentang sistem pemerintahan beraja atau kezaliman raja. Semasa menduduki istana, dia tidak pernah menghalau raja dan mengisytiharkan dirinya raja. Raja meninggalkan istana dan menetap di rumah Bendahara kerana nasihat isterinya, Tun Teja. Jebat begitu gembira dengan tindakan raja itu kerana tindakan itu membolehkannya berlagak sebagai raja:

> "Maka hari pun sianglah. Maka dilihat oleh Hang Jebat raja anak-beranak sudah undur dari istana. Maka ia pun terlalu sukacita lalu ia duduk di atas peterana yang keemasan tempat raja duduk itu. Maka biduan empat itu pun bernyanyilah, terlalu ramai makan minum dengan segala bunyi-bunyian. Maka Hang Jebat pun mandi berlangir pada pasu emas tempat raja mandi. Maka ia memakai bau-bauan; maka ia pun menyuruh mengambil peti pakaian raja itu. Maka diambilnya pakaian raja yang berpakankan emas itu dipakainya dan baju raja daripada rambuti itu pun dipakainya. Maka dastar daripada emas yang berpermata itu dipakainya. Setelah sudah maka Si Jebat pun duduk di atas peterana yang keemasan. Maka nasi pun diangkat oranglah. Maka Hang Jebat pun makanlah seperti kelakuan raja santap; demikianlah kelakuannya. Setelah sudah makan maka Hang Jebat pun tidurlah pada tempat raja tidur itu."
>
> (Hlm. 320).

Kalau raja mempunyai isteri lebih daripada satu, memiliki gundik dan dayang, Jebat bermukah dengan dayang, biduanda, dan gundik yang dikasihi oleh raja. Alasan yang mengatakan Jebat melakukan zina sebagai membalas dendam kononnya Tuah yang tidak melakukan perbuatan sumbang dengan perempuan istana, tetapi dihukum bunuh, sukar diterima kerana Jebat memang kaki perempuan dan penzina. Lama sebelum Tuah dihukum bunuh dan Jebat menduduki istana, dia sudah pun berzina sehingga perempuan itu mengandung anak luar nikah. Hal ini diakui oleh Jebat sewaktu dia hampir mati, "Adapun diperhamba bermukah dengan Dang Baru, dayang-dayang Datuk Bendahara; maka sekarang ia bunting tujuh bulan ..." (hlm. 351). Jangka waktu antara Tuah "dibunuh" dengan kemunculannya semula cuma empat bulan, sedangkan kendak Jebat sudah hamil tujuh bulan. Malah, Jebat bertindak lebih kejam apabila dia membunuh 700 orang perempuan istana ketika Tuah datang untuk membunuhnya (hlm. 339), ditambah pula oleh amukannya dengan membunuh sesiapa sahaja orang yang ditemuinya setelah dia ditikam oleh Tuah, sedangkan Patih Kerma Wijaya dan konconya yang bertanggungjawab membuat fitnah sehingga membawa "kematian" Tuah langsung tidak disentuh.

Jebat bukan pembela sahabat, sebaliknya bertanggungjawab mempercepat "kematian" Tuah. Sikap dan tindakan Jebat, jika dipadankan dengan yang tersirat dalam *HHT*, seolah-olah suka kalau Tuah dibunuh kerana menyedari bahawa Tuah sahaja yang boleh membunuhnya dengan menggunakan Keris Taming Sari. Jebat mengakui hal itu ketika Kasturi menemuinya untuk mengambil keris pusaka Bukit Siguntang kepunyaan raja yang ditinggalkan di istana.

> Maka kata Hang Jebat, "Tahulah aku akan keris ini diambilnya, bahawa keris ini tidak sekali-kali membunuh Si Jebat, *kerana kematianku ini pada tangan Laksamana tersurat pada kerisnya. Sekarang Laksamana sudah mati,*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tambahan pula kerisnya ini beroleh ke tanganku; siapatah dapat membunuh aku? Hulubalang mana dapat membubuh aku dan dapat menentang mataku?

(Hlm. 335).

"Kematian" Tuah membolehkan Jebat melakukan apa-a sahaja. Tanggapan ini dibuat oleh banyak pihak dalam ks berkenaan. Kata pegawai yang dihalang oleh Jebat ntuk memasuki istana, "Oleh Laksamana tiada itulah maka erani Hang Jebat melakukan yang demikian barang ehendaknya di istana raja ini. (hlm. 315). Di tempat lain, un Teja melahirkan pendapatnya kepada raja Melaka, "Jika da Laksamana itu, masakan Si Jebat berani berbuat emikian seperti anak raja-raja" (hlm. 318). Dalam usaha membunuh Jebat, Tun Utama dan Seri Bija Sura meminta aming Sari. Mereka begitu kesal apabila diberitahu bahawa eris tersebut telah diberikan epada Jebat. Mereka berkata, *Sayangnya keris Laksamana tu dianugerahkan pada Si ebat derhaka itu. Haruslah aka ia melakukan dirinya emikian*" (teks hlm. 319). Segala tanggapan tersebut erbukti benar apabila Jebat membuat pengakuan kepada Kasturi, "*Kuperbuat demikian inipun, kerana Laksamana tiada dalam dunia ini*" (hlm. 335 - 6).

Mungkin masih ada anggapan bahawa Jebat melakukan penderhakaan itu kerana membela kematian Tuah, terutama berdasarkan kata Jebat kepada Tuah sebelum bertikam, "Pada bicaraku, engkau tiada dalam dunia ini lagi. Jika aku tahu engkau ada hidup; demi Allah dan rasul-Nya, tiada aku berbuat pekerjaan yang demikian ini" (hlm. 339). Tetapi, kata ersebut boleh juga membawa maksud bahawa Jebat tidak kan berbuat demikian sekiranya dia tahu bahawa Tuah masih hidup kerana Tuah pasti membunuhnya. Lagipun, ekiranya Jebat melakukan penderhakaan itu kerana membela Tuah, sumpahnya harus berbunyi "Demi Allah lan rasul-Nya, aku melakukan ini kerana membela matian engkau" yang senada dengan sumpahnya ketika idak mahu bertikam dengan Kasturi, "Demi Allah dan asul-Nya, bahawa aku tidak mahu bertikam dengan audaraku" (hlm. 323).

Alasan lain bahawa Jebat tidak membela kematian Tuah alah Jebat ketakutan apabila mendengar suara dan elihat Tuah datang untuk bertikam,

Maka Laksamana pun berseru pula, katanya, "Hei Si Jebat derhaka! Sungguh kau berani tidak berlawan! Marilah engkau turun dari istana ini bertikam sama seorang." Maka suara itu pun terdengar kepada Hang Jebat, dikenalnya suara Laksamana, maka dibukanya peranginan itu, maka dilihatnya Laksamana terdiri di tengah halaman itu. Maka *Hang Jebat pun berdebar-debar hatinya.*

(Hlm. 339).

Ketakutan itu menghantui Jebat kerana dia menderhaka, dan bertanggungjawab mempercepat "hukuman bunuh" Tuah. Semasa raja Melaka memerintahkan Bendahara Paduka Raja membuang (membunuh) Tuah, Tuah bersama-sama keluarga berada di Hulu Melaka. Jebat bersama-sama Kasturi pergi ke situ "mengheret leher" Tuah dan menyerahkannya kepada raja (hlm. 309). Sekiranya Jebat baik atau pembela, sanggupkah dia berbuat begitu terhadap Tuah, dan wajarkah dia membela orang yang dihukum mati, sedangkan dia sendiri yang menyerahkan orang itu untuk dihukum?

Ketakutan itu menghantui Jebat kerana dia menderhaka, dan bertanggungjawab mempercepat "hukuman bunuh" Tuah.

Imej Jebat yang "dimurnikan"

Sesebuah karya sastera hanyalah ibarat bangunan yang sepi. Pembacalah yang memberikan erti kepada karya tersebut dan karya akan hidup setelah pembaca berjaya memberinya interpretasi (Abdul Rahman Napiah, 1994: 21). Maka, lahirnya berbagai-bagai tafsiran terhadap *HHT,* terutama dalam meletakkan wira bangsa – Tuah atau Jebat. Tafsiran baharu ini dijelmakan dalam dua bentuk utama, iaitu skrip drama dan tulisan ilmiah.

ALI Aziz memutar jarum jam Jebat sebanyak 90 darjah yang dijelmakan dalam karyanya *Hang Jebat Menderhaka*. Jebat diletakkan sebagai wira bangsa yang memperjuangkan keadilan dan membela sahabat yang dizalimi. Watak isteri Tuah dijadikan alat untuk menunjukkan kebenaran perjuangan Jebat sehingga terjelma sifat "kurang ajarnya" kerana menentang suami.

ISTERI

Hang Jebat itu *menderhaka semata-mata untuk membela kau.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HANG TUAH

Aku tidak mengerti.

ISTERI

Apabila engkau dibunuh dengan kejam sebagai penderhaka oleh sultan yang telah memasang telinganya kepada bisikan pembesar-pembesar yang cemburu itu, dia sajalah yang taat setia kepada kau. *Bila sahabat-sahabat kau yang lain sudah berpaling tadah, dia dan dia seorang sahaja yang telah menziarahi anak kita dan aku*, anak yatim dan seorang balu penderhaka, begitulah gelaran mereka akan kami.

HANG TUAH

Ya, ya. Aku tahu semua itu

ISTERI

Dan engkau hendak pergi membunuhnya! Tahukah engkau bahawa dia sangat amarah akan tiap-tiap orang yang bertanggungjawab di atas hukuman kepada kau yang kejam itu, pembesar-pembesar yang cemburu, *bendahara yang kejam* dan *sultan yang zalim itu*? Apabila seteru-seteru kau telah makin lama makin megah sombong di atas perbuatan mereka menjatuhkan engkau itu, kemarahannya dan kebenciannya tidak dapat ditahan-tahan lagi. Dia telah mengamuk seorang diri di istana sultan pagi semalam. Dia berjuang dengan kekuatan yang diperoleh daripada rasa benci dan marah yang meluap-luap. Sultan dan permaisuri telah melarikan diri ke rumah Bendahara.

(Ali Aziz, 1986: 15 – 16).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Episod dan dialog tersebut memang menarik kerana manusia (wira) seperti itulah yang dikehendaki. Dia memperjuangkan keadilan, membela sahabat dan keluarga yang teraniaya. Malangnya, yang terungkap dalam episod itu merupakan penodaan terhadap *HHT* dan watak Tuah-Jebat. Yang boleh dipersoalkan juga ialah adakah Bendahara Paduka Raja kejam? *HHT* dengan jelas menunjukkan bahawa dia baik, penyelamat Tuah kerana dia tahu bahawa Tuah tidak bersalah. Benarkah Jebat sahaja yang mengambil berat tentang anak isteri Tuah apabila Tuah "dibunuh"? Hal ini sekali lagi bercanggah dengan gambaran dalam *HHT*. Dalam teks itu, tidak pernah disebut Jebat pergi ke rumah anak isteri Tuah atau mengambil berat tentang mereka. Orang yang mengambil berat ialah Bendahara Paduka Raja. Sikap baik Bendahara itu menimbulkan rasa curiga Jebat. Katanya kepada Kasturi, "Adapun Laksamana itu sebagaimana maka Bendahara tiada kasih akan dia, kerana anaknya diangkat anak oleh Bendahara.... Sebab itulah maka Bendahara tidak mahu membunuh Laksamana. *Dalam pada itu pun, entah hidup, kerana Datuk Bendahara itu terlalu kasih akan dia* (hlm. 317).

Usman Awang pun "memutar" watak Jebat untuk disesuaikan dengan perjuangan kemanusiaan sejagatnya. Dia membina watak Jebat sebagai pejuang kebenaran dan penentang kezaliman. Namun, dikhuatiri Usman tidak memahami sejarah bangsa kerana dia ternyata amat keliru oleh nama Bendahara Melaka yang terlibat dalam dramanya, *Matinya Seorang Pahlawan - Jebat*. Katanya,

Bendahara Seri Maharaja: gedung akal laut bicara
Menerima titah dari dada murka Raja Melaka:
"Hai mamak Bendahara, laksanakan titah kita
segera buangkan Si Tuah derhaka
kita tahu akan matinya jua!"

(Usman Awang, 1992: 18).

Mengapakah Usman dikatakan keliru? Bendahara Seri Maharaja memanglah Bendahara Melaka, tetapi dia tidak pernah dilibatkan dalam soal fitnah-hukuman terhadap Tuah dan wujudnya dalam *SS*. Dalam teks itu, pembesar yang diperintahkan oleh Sultan Mansur Syah untuk membunuh Tuah ialah Seri Nara Diraja Tun Tahir, saudara Temenggung Seri Maharaja Tun Mutahir. Waktu itu, jawatan Bendahara disandang oleh Paduka Raja Tun Perak. Jika Usman merujuk kepada *HHT*, Bendaharanya ialah Paduka Raja (bukannya Seri Maharaja). Kekeliruan ini membawa konotasi yang kurang baik kerana kedua-dua orang Bendahara itu mempunyai perwatakan yang berbeza.

Usman mencuba menarik perhatian khalayak, khasnya, dan masyarakat umum, amnya, dengan membakar semangat mereka supaya menyokong dan membenarkan perjuangan Jebat. Katanya:

Kerajaan Melaka berdetik dalam arus sejarah
Diam-diam laksana harimau menghendap mangsa,
Jebat bersumpah;
Raja adil raja disembah
Raja tak adil raja disanggah!

(Usman Awang, 1992: 19).

Kita gembira dengan slogan perjuangan Jebat itu. Manusia yang suka akan keamanan dan keadilan pastinya menyokong Jebat kerana kebenaran perlu ditegakkan. Malangnya, slogan itu dicipta semata-mata untuk disesuaikan dengan watak Jebat yang "dimurnikannya" kerana slogan tersebut sedikit pun tidak terdapat dalam *HHT* dan dilafazkan oleh Jebat. Bagi mengunggulkan jati diri Jebat yang "dimurnikan" itu, Usman menutup dramanya dengan kata Jebat yang sedang berdarah kerana ditikam Hang Tuah,

Hang Jebat: Hai orang-orang Melaka,
aku telah menentang kezaliman dengan darah,
darahku sendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buat baik berpada-pada, kalau jahat, jahat sekali.
Darah ini mengalir, darahku bercucuran
hanya atas keyakinanku membela keadilan
dan untuk keadilan itulah pula darah ini kuberikan

(Usman Awang, 1992: 42 – 43).

SARJANA terkenal yang melihat Jebat dalam pendekatan baharu (moden) ialah Kassim Ahmad yang pernah bergiat dalam politik sosialis. Sesuai engan fahaman sosialisnya, Kassim mencuba melihat entingnya ada pertentangan kelas atau perlu wujudnya enentangan masyarakat bawahan (rakyat) terhadap olongan atasan yang bersifat feudal demi melahirkan asyarakat yang adil tanpa penindasan. Mengikut haman ini, semua pihak yang bekerjasama atau enyokong golongan aristrokrat tidak boleh diberi mpat sebagaimana yang dilakukan oleh Tuah. Wira bagi haman Sosialis-Marxis hendaklah datang daripada olongan bawahan yang menentang golongan atasan dan enang dalam penentangan itu. Dalam *HHT*, hanya Jebat ang "mencabar" raja dan menjadi penderhaka. Kelainan ndakan Jebat itu ditafsirkan oleh Kassim bahawa Jebat ukanlah wira dalam zaman tradisional, atau hero yang endahului zaman kerana yang dilakukannya banyak empunyai unsur kepahlawanan, walaupun gagal dalam erjuangan menegakkan kebenaran. Kassim menyifatkan egagalan Jebat itu ditentukan oleh zaman. Dia hendak emperhambakan diri terhadap dua cita-cita pada satu asa; iaitu taat kepada tuan dan setia kepada sahabat. Dia memilih yang kedua untuk berdiri teguh di sisi sahabat ingga akhir dan dianggap sebagai pemberontak,

> "Jebat seorang pemberontak. Dia memberontak melawan susunan masyarakat feudal. Dia adalah pembawa zaman yang baru, suatu zaman yang berlainan sekali keadaannya. Ia adalah satu zaman, yang kalau dibandingkan dengan yang lalu itu, merupakan satu langkah ke hadapan ke tingkat demokrasi dari zaman kuasa mutlak raja-raja ... *Jadi dia adalah seorang pemberontak kebangsaan dalam cara pemikirannya*. Oleh sebab itu *kita dapat menamakan dia sebagai seorang* nabi *dan* pahlawan kebangsaan Melayu."
>
> (Kassim Ahmad, 1973: 41 – 42).

Alasan yang digunakan oleh Kassim sehingga dapat entafsirkan Jebat sebagai pembela sahabat dan diberikan mej wira sedemikian sukar dikesan dalam *HHT*. Namun, andangannya itu diterima ramai sejak tahun 1970-an ingga kini, terutama oleh generasi baharu.

Solehah Ishak pula memberikan sifat Jebat secara murni" dan mengetengahkan prinsip dan falsafah hidup atak itu. Menurutnya:

> "Kalau Hang Tuah mengabdikan prinsip-prinsip ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada seorang individu (raja), Jebat pula menggarapi prinsip-prinsip yang berbeza. Pertama dia akan hanya taat kepada raja jikalau raja itu baik dan cerdik. Dia tidak akan berlaku taat setia dengan membuta tuli sahaja. Jebat sekali-kali tidak akan patuh kepada hukuman dan norma-norma feudal. Falsafah hidup Jebat ialah: kebenaran dan kejujuran. Pada Jebat seorang pahlawan jati, seorang wira jati ialah orang yang percaya kepada kebenaran, tidak kira di mana sahaja dan tidak kira apa yang terlibat."
>
> (Lihat "Pengenalan", *Matinya Seorang Pahlawan-Jebat*)

Abdul Rahman Napiah (1994:12) turut meletakkan Jebat sebagai pahlawan Melayu yang berani menentang raja semata-mata kerana persahabatan. Dia menyifatkan Jebat sebagai manusia yang sanggup berdepan dengan raja dan memecahkan tradisi feudalisme, iaitu "pantang Melayu menderhaka", kerana Jebat percaya bahawa yang dilakukannya itu benar dan hak. Kewiraan Jebat pun dicanang oleh Muhammad Haji Salleh (1999: 214-218). Katanya, Jebat memiliki peribadi yang utuh dengan kesungguhan dalam segala reaksinya. Jebat memberontak menentang raja dan kezaliman. Jebat meninjau hal ini dari kaca mata orang yang berfikir.

Pandangan, penafsiran, dan ideologi yang "memurnikan" Jebat menampakkan bahawa perlu wujud wira bangsa yang begitu ideal. Wira seperti itu dirasakan dapat mengunggulkan jati diri bangsa Melayu. Masalahnya, sifat yang baik dan unggul itu itu tidak terdapat dengan nyata pada Jebat dalam *HHT*. Jadinya Jebat yang manakah yang diketengahkan oleh pengarang dan penulis berkenaan?

PERUBAHAN pandangan masyarakat terhadap Jebat yang mengangkatnya sebagai wira sekali gus mengetepikan Tuah. Tuah bukan sahaja tidak lagi disanjung sebagai wira, malah dicap sebagai "pengkhianat" persahabatan, tidak ada sikap bertimbang rasa, tidak menegakkan keadilan, dan tidak waras dalam bertindak kerana setia kepada raja secara membabi buta. Melontarkan idea dan pandangan sebegini memang mudah. Soalnya, sumber manakah yang digunakan kerana sifat negatif Tuah sukar dikesan dalam *HHT*.

Seluruh teks itu mencuba memperlihatkan ketokohan wira bangsa Melayu bernama Tuah yang bertanggungjawab menjaga dan mengagungkan raja serta Melaka. Abdul Rahman, yang pernah meletakkan Jebat sebagai wira bangsa, memberikan sifat baik kepada Tuah yang mengatasi Jebat. Menurutnya, Tuah bijak, pintar, tajam fikiran, jauh pandangan, dan banyak mempunyai muslihat. Kenyataan itu selaras dengan gambaran dalam *HHT*. Secara ringkas, dapat digalurkan bahawa Tuah berilmu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itar, perkasa, berani, cekap, tidak mementingkan diri, ıı setia.

Sifat itu berdasarkan gambaran dalam *HHT*. Bagi emahami sifat berkenaan, kita harus mengetahui tujuan ekayat itu dikarang. Kemunculan Melaka sebagai negara ota pada kurun ke-15 merupakan fakta sejarah yang enarik. Kejatuhan Melaka ke tangan Feringgi pada tahun 511 menyebabkan perlunya dikarang *SS* untuk mencatat-an "peri persetua dan peri pertuturan raja-raja Melayu engan istiadatnya sekali" (A. Samad Ahmad, 1979:3). Dalam pada itu, kerajaan Melayu, termasuk Melaka di Johor, Kedah, dan Acheh, berusaha menawan semula Melaka, tetapi yang berjaya ialah Belanda pada tahun 1641. Kejatuhan Melaka ke tangan Belanda menjadi titik noktah lenyapnya Melaka. Namun, semangat dan rasa sayang akan Melaka masih ada, sekurang-kurangnya pada jiwa pengarang *HHT*.

Pengarang hikayat itu mencuba membina semula negara kota berdasarkan sejarah bangun jatuhnya kerajaan Melayu Melaka. Raja Melaka, daripada Iskandar Syah hingga Mahmud Syah, disatukan dalam diri Sang Maniaka. Pembesar dan hulubalang yang baik-baik disatukan dalam watak Tuah dan yang tidak baik digabungkan dalam watak Jebat. Nama yang tidak lazim terdapat di Melaka digunakan. Besar kemungkinan nama tersebut nama rekaan.

Kalau tanggapan itu boleh diterima pakai, tentunya pengarang *HHT* mempunyai tujuannya sendiri. Mengikut sejarah, Melaka mencapai kegemilangan pada masa pemerintahan Sultan Mansur dan Sultan Alauddin. Pengarang *HHT* mengambil gelaran yang dipakai model raja dalam karyanya bernama Sang Maniaka. Semua sifat baik pembesar dan hulubalang, terutama Tun Perak, diambil oleh pengarang dan dimasukkan ke dalam satu watak bernama Tuah. Sebab itulah Tuah dalam *HHT* berbeza daripada Tuah dalam *SS*. Tuah dalam *HHT* diberi sifat yang lebih baik yang merupakan lambang wira bangsa Melayu. Manakala segala sifat tamak, dengki, dan angkuh, seperti yang ada pada Bendahara Tun Mutahir, Raja Mendaliar, dan Kitol, dimasukkan ke dalam watak Jebat. Kerana itu, pembinaan negara bangsa Melayu yang baik hendaklah mengikut model *HHT*.

Sang Maniaka, raja yang baik, tidak kejam, tidak zalim, tidak mementingkan nafsu seperti Sultan Mahmud. Raja itu tidak lagi dikaitkan dengan darah keturunan Keling seperti Raja Suran, atau paling jelas keturunan Mani Purindam. Sebaliknya, Sang Maniaka dikaitkan dengan Sang Sapurba, anak Sang Perta Dewa dari kayangan. Bendahara Paduka Raja tentunya bukan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, anak Tun Ali atau cucu Mani Purindam, berasal dari benua Keling. Pengarang *HHT* tidak memasukkan sifat Tun Mutahir dalam diri watak Bendahara Paduka Raja kerana Tun Mutahir mempunyai sifat tamak, mementingkan diri, angkuh, tidak setia kepada raja, menerima rasuah, yang menyebabkan jatuhnya Melaka. Kejatuhan itu antara lain berpunca daripada timbulnya perpecahan dan persengketaan dalam kalangan pembesar. Kehadiran Tun Ali pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah menyebabkan orang Melayu berpecah dua, satu memihak kepada Tun Ali dan satu lagi Melayu jati memihak kepada Tun Perak. Persengketaan yang ketara apabila Nina Sura Dewa bertelagah dengan Raja Mendaliar seterusnya melibatkan Tun Mutahir, Temenggung Khoja Hassan dan Sultan Mahmud. Bagi pengarang *HHT* perbuatan atau tindakan yang tidak baik harus ditangani dengan bijak dan saksama, sebagaimana Tuah menangani penderhakaan Jebat.

Pada hari ini, adakah penilaian dan pentafsiran jati diri Melayu itu berdasarkan Jebat itu dijadikan panduan hidup oleh semua golongan masyarakat generasi baharu?

ORANG Melayu memang sudah mempunyai jati diri dan negara kota sejak zaman silam. Sejak zaman penjajah hingga kini, orang Melayu dikatakan malas, lemah, ketinggalan zaman dan lupa diri. Pada hari ini, adakah penilaian dan pentafsiran jati diri Melayu itu berdasarkan Jebat itu dijadikan panduan hidup oleh semua golongan masyarakat generasi baharu? Dalam hal ini, disarankan agar orang Melayu menggali sejarah bangsanya. Mereka harus mengungguli jati diri yang benar-benar murni seperti yang dilakukan oleh Tuah. Manakala negara bangsa yang dibangunkan hendaklah berteraskan kebangsaan yang berlandaskan Islam. Dalam pada itu, orang Melayu jangan leka dengan slogan "takkan Melayu hilang di dunia" yang kononnya dilaungkan oleh Tuah, sedangkan Tuah dalam *HHT* tidak pernah menyebutnya. *DS*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SISTEM PENDIDIKAN SEMPITKAN SASTERA

Oleh **SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN**

BARU-baru ini heboh dalam media massa tentang bidang pengajian "sastera", yang umumnya merujuk kepada "bidang bukan sains". Yang tergolong dalam kategori "sastera" ialah bidang pengajian sains sosial, kemanusiaan, undang-undang, pengajian Islam, dan pendidikan.

Perbincangan timbul ekoran bilangan penganggur siswazah sastera yang melebihi bilangan penganggur siswazah sains. Maka beberapa pihak memberikan satu rumusan segera"-ala-Mee Maggie bahawa keadaan ini berlaku kerana bidang sastera tidak relevan di pasaran.

Terlalu mudah dan simplistik untuk dirumuskan bahawa "sastera" tidak relevan di pasaran. Hanya kerana sastera tidak relevan di pasaran, maka banyak lulusan bidang ini yang menganggur. Tetapi statistik semata-mata tidak memadai untuk menyokong benar-sakahnya sesuatu keadaan, kerana statistik boleh diputar belit dan digunakan untuk memberi justifikasi terhadap sesuatu hal yang tidak benar atau tidak sahih. Cuba kita renungkan contoh berikut.

Setiap tahun sangat besar bilangan pelajar yang lulus SPM atau STPM yang tidak dapat masuk universiti. Dalam setiap 100 yang memohon mungkin 10 sahaja yang berjaya. Apa terjadi kepada yang 90 lagi? Berapa ramaikah antara 90 orang itu yang menganggur? Mungkin kita tidak ada data penuh tentang kelompok yang 90 orang ini. Mungkin juga kita tidak berminat tentang masa hadapan mereka.

Yang pasti bilangan penganggur daripada golongan tidak dapat masuk universiti jauh lebih banyak daripada bilangan siswazah yang menganggur. Yang tidak pasti, secara statistik, berapa banyak siswazah aliran sastera dan siswazah aliran sains yang menganggur. Mungkin kita hanya berminat siswazah yang menganggur.

Kita boleh hipotesiskan bahawa mungkin lebih banyak lulusan aliran sains yang menganggur daripada lulusan aliran sastera kerana lulusan sastera di peringkat SPM dan STPM lebih mudah mendapat kerja, misalnya, permintaan untuk guru sementara untuk mata pelajaran aliran sastera sangat tinggi. Namun, kebiasaannya lulusan SPM dan STPM dari aliran sastera pun didapati mengajar mata pelajaran sains tulen untuk murid PMR dan SPM.

Tetapi pandangan dan rumusan umum seperti ini tidak boleh diterima sebagai kenyataan, apatah lagi sebagai satu "kebenaran". Namun, pihak media massa cenderung menyiarkan berita bukan dimotivasikan untuk mencari atau mendedahkan kebenaran, sebaliknya mencari yang sensasi. Maka, fenomena siswazah menganggur menjadi modal sensasi politik murah dan perbualan popular warung. Hal ini telah menimbulkan banyak salah faham dan kekeliruan tentang bidang sastera itu sendiri.

Bidang "sastera" yang dibelasah sebagai tidak relevan di pasaran merupakan bidang yang disempitkan makna dan gunanya. Sastera yang disempitkan sastera yang ditawarkan di sekolah dan universiti tempatan. Yang menyusun semula dan menyempitkan bidang ini, disebabkan alasan birokrasi, adalah pihak kerajaan sendiri. Mungkin alasan boleh difikirkan semula kerana hal ini mungkin rasional suatu ketika dahulu tetapi belum tentu rasional sekarang.

> Oleh yang demikian, sistem pendidikan kita tidak akan dapat melahirkan lulusan muzik berijazah.

Kita ambil satu contoh untuk mengimbas persoalan ini. Pelajaran muzik tergolong dalam bidang sastera dalam pendidikan rasmi. Pelajaran ini memang diajarkan. Berbanding dengan mata pelajaran geografi, sejarah dan sastera Melayu, mata pelajaran muzik diperuntukkan waktu yang sangat sedikit dalam kurikulum. Oleh yang demikian, sistem pendidikan kita tidak akan dapat melahirkan lulusan muzik berijazah.

Malah tidak ada satu pun Jabatan Muzik penuh yang ditubuhkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), seperti adanya Jabatan Sains Politik, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Jabatan Fiziks, Jabatan Kimia dan sepertinya. Oleh itu, kita tidak berpeluang langsung untuk melahirkan sejumlah pemuzik yang berilmu dan mahir serta berkelulusan, sama ada di peringkat SPM, STPM, atau IPTA.

Namun, pasaran muzik di Malaysia memerlukan pemuzik yang banyak. Sektor hiburan di Malaysia telah berkembang pesat seiring dengan perkembangan ekonomi serta peningkatan pendapatan penduduk. Muzik bukan hanya diperlukan dalam sektor pelancongan malah dalam sektor kesenian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Orkestra Filharmonik Malaysia yang dibiayai oleh PETRONAS dianggotai hampir 90 peratus oleh "pemuzik migran". Kelab malam penuh dengan pemuzik dari Indonesia dan Filipina.

Oleh sebab sektor hiburan kita dibanjiri oleh "pemuzik migran", Jabatan Imigresen mengenakan syarat supaya setiap tuan punya kelab malam atau orkestra nasional misalnya diminta mengutamakan pemuzik tempatan. Kalau tidak ada pemuzik tempatan, barulah diizinkan pengambilan pemuzik migran untuk mengisi keperluan cita rasa golongan kelas menengah dan borjuis kita yang dahagakan hiburan sebagai keperluan santai atau untuk menghibur klien masing-masing sebagai satu strategi pemasaran.

Keadaan ini jelas mendedahkan kontradiksi besar kenyataan tentang siswazah sastera banyak yang menganggur kerana mereka tidak relevan di pasaran. Subbidang muzik dalam bidang sastera dan para lulusannya sangat relevan untuk pasaran. Tetapi sistem pendidikan kita telah menyempitkan bidang sastera itu sendiri sehingga meminggirkan mata pelajaran muzik yang boleh melahirkan pemuzik tempatan yang boleh mengisi keperluan pasaran.

Boleh kita buat satu rumusan awal bahawa bukan bidang sastera itu yang tidak relevan, bidang itu sudah dibina semacam rupa secara sistematik sehingga menjadi begitu sempit oleh sistem pendidikan nasional kita lalu menjadi tidak relevan. Memandangkan sektor pelancongan merupakan satu sektor yang dari segi kewangan telah menyumbang cukup besar terhadap ekonomi dan pendapatan negara, kita pun hairan mengapa hal ini tidak mendapat perhatian daripada pihak perancang pendidikan negara.

Mungkinkah, dari segi birokrasi pendidikan kita, si tangan kiri tidak tahu apa si tangan kanan buat? Boleh jadi!

Kalau kita teliti kandungan kursus yang perlu diambil dan diikuti oleh setiap pelajar di IPTA, khususnya, dalam bidang sains tulen, setiap pelajar diwajibkan mengikuti kursus bernilai 100 ke 120 unit sepanjang tiga atau empat tahun di IPTA. Unit ini dibahagikan kepada dua komponen: Pertama, 60 peratus kursus asas dalam bidang sains tulen dan 40 peratus kursus dari luar bidang sains tulen tersebut.

> Kalau mereka tahu pasti mereka tidak akan memomok atau mencemuh bidang sastera atau siswazah lulusan bidang sastera.

Misalnya, setiap pelajar yang mengambil ijazah kejuruteraan di IPTA perlu mengambil kursus asas dalam bidang kejuruteraan sebanyak 60 peratus daripada 100–120 unit. Yang 40 peratus lagi kursus bukan dalam bidang kejuruteraan tetapi daripada bidang lain, termasuk bahasa, pengajian umum dan kursus kokurikulum yang hampir kesemuanya bersifat sastera.

Tujuan program pengajian ini diatur sedemikian rupa kerana diharapkan setiap jurutera yang lulus nanti bukan hanya tahu bidang pengkhususan masing-masing (mekanikal, kimia, sivil, komputer), tetapi mereka juga tahu dan prihatin akan konteks sosial dan ekonomi yang kemahiran mengenainya akan digunakan dengan memperoleh manfaat seoptimum mungkin.

Dalam kata lain, pengisian komponen ilmu bercorak sastera dalam bidang sains tulen amat kritikal dan relevan. Tidak seorang pun siswazah sains lulusan IPTA di Malaysia, sama ada dalam fakulti yang bersifat sains tulen (fizik, kimia, biologi) atau sains gunaan (kejuruteraan, perubatan, IT), yang tidak diisi dengan pengetahuan tentang pelbagai aspek dalam bidang sastera.

Maknanya, siswazah daripada bidang sains tulen pun memerlukan input daripada bidang sastera untuk memastikan kelulusan mereka itu kukuh dan berguna di pasaran. Secara tidak langsung boleh dikatakan bahawa ilmu sains dan ilmu dalam bidang sastera tidak boleh tidak telah digaur harmonis sehingga kita tidak nampak sumbangan dan kekuatan yang dibawakan oleh bidang sastera kepada setiap lulusan siswazah sains tulen.

Kerelevanan siswazah sains tulen di pasaran sebahagiannya bergantung pada sumbangan bidang sastera kerana memang dituntut oleh konteks sosioekonomi masyarakat negara dan khususnya pasaran.

Mungkin ramai pihak, termasuk pemimpin kita, yang tidak tahu akan hal ini. Kalau mereka tahu pasti mereka tidak akan memomok atau mencemuh bidang sastera atau siswazah lulusan bidang sastera.

Ternyata bahawa bidang sastera relevan kepada pasaran. Tetapi oleh sebab bidang ini disempitkan oleh sistem pendidikan kita maka bahagian yang relevan telah dipinggirkan, seperti kesnya dalam mata pelajaran muzik.

Dalam bidang sains tulen pula komponen sastera telah terbukti merupakan satu komponen kritikal yang telah "memasyarakatkan" setiap siswazah lulusan bidang tersebut, yang menjadikan mereka relevan untuk pasaran. Justeru bidang sastera sangat relevan kepada sains sekali gus pasaran.

Sebenarnya, kerisauan yang kita hadapi kini tentang masa hadapan siswazah lulusan bidang sastera berasaskan pengetahuan yang tidak lengkap, cetek atau prejudis. Keadaan ini tidak sihat dan merugikan kita. Kita besar-besarkan slogan "perkongsian pintar". Dalam menangani isu dan masalah ini, kita sebenarnya tidak pintar. Kita sebenarnya berputar-putar, *pi mai pi mai tang tu aje!*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Senario dan Hala Tuju Pendidikan Kesusasteraan Kebangsaan

Oleh ABDUL JALIL OTHMAN



ABDUL JALIL OTHMAN ialah pensyarah Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Beliau banyak menghasilkan buku akademik dan rujukan. Tiga buah bukunya menjadi buku teks sekolah. Selain aktivis seni, beliau banyak menghasilkan siri bacaan kanak-kanak di samping rencana tentang bahasa dan kesusasteraan.

Bidang pengkhususan beliau ialah pendidikan bacaan dan penulisan serta pendidikan kesusasteraan dan pedagogi mengajar. Bidang kajian yang beliau minati termasuklah aspek pertautan ayat dan semantik. Kini beliau sedang menyiapkan tesis ijazah kedoktoran di Universiti Malaya.

PENDIDIKAN kesusasteraan di negara kita bukan sekadar manifestasi idea kepada masyarakat pelajar atau pengkaji semata-mata. Malahan kesusasteraan harus menjadi prasarana yang utuh dan berfungsi, yang dapat membina tamadun masyarakat dan sekali gus akan dapat memartabatkan etika sosial, ekonomi, kebudayaan, dan politik masyarakat sejagat.

Pendidikan kesusasteraan di negara kita telah mendukung beberapa matlamat tertentu dalam usaha untuk mempertingkat pengetahuan pelajar terhadap karya sastera. Selain mengkaji dan menganalisis secara kritis sesebuah karya kreatif, pelajar diharapkan akan dapat menjiwai nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang terdapat dalam sesebuah karya yang dikaji. Matlamat ini dilihat sebagai salah satu usaha untuk membentuk kemahiran menilai di kalangan pelajar khususnya dalam perspektif sosial dan budaya.

Untuk mencapai objektif pendidikan seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran, falsafah di sebalik pendidikan kesusasteraan lebih menekankan aspek kemahiran dalam menghayati karya-karya sastera yang terpilih agar para pelajar akan terus menghayati dan meminati bidang kesusasteraan sebagai asas perkembangan pemikiran dan pernyataan tamadun bangsa.

Hubungan pendidikan kesusasteraan dengan Falsafah Pendidikan Negara pula seharusnya dilihat sebagai asas yang kukuh untuk menuju ke arah perkembangan potensi individu secara menyeluruh melalui pendekatan bersepadu, demi mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani, dan emosi. Dalam konteks ini, falsafah pendidikan kesusasteraan itu sendiri mendukung aspirasi yang tinggi dalam memupuk nilai-nilai kesejagatan masyarakat.

Ditinjau dari segi perspektif pemilihan dan penyesuaian bahan seperti yang dinyatakan, pendidikan kesusasteraan seharusnya berupaya merintis jalan ke arah perkembangan keintelektualan diri pelajar. Hal ini sekali gus memberi pengertian bahawa kemurnian dan kesejagatan unsur nilai dan seni secara kolektifnya diukur bukan sahaja dari aspek isi kandungannya semata-mata bahkan dari segi sifat bentuk, dan ciri-cirinya yang dapat mendukung laungan idealisme dan aspirasi masyarakat dan negara yang akhirnya dapat menjadi sebuah pemikiran yang berprinsip.

Oleh hal yang demikian, pendidikan kesusasteraan di negara kita dapat menjadi *role-model* ideal dalam merombak dan membentuk suatu bentuk kehidupan sosial yang dinamik, progresif dan berketerampilan tinggi. Dalam kata yang nyata, kualiti pendidikan kesusasteraan di negara kita tidak hanya bergantung kepada persembahan sesebuah karya di mesejnya seharusnya pemangkin sebuah pemikiran yang unggul.

Skop-skop pembicaraan pendidikan kesusasteraan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kita haruslah didefinasikan dengan nyata dan jelas. Apabila skop pembicaraan dikhususkan kepada aspek apresiasi dan kritikan, maka pendidikan kesusasteraan di negara kita juga akan turut mendukung beberapa fungsi utama yang antara lainnya ialah fungsi sastera dan fungsi tugas. Fungsi sastera lebih menjurus ke arah nilai dan estetika, manakala fungsi tugas akan menjurus ke arah pembicaraan yang umum dan berlandaskan kepada pendapat dan kritikan. Kedua-dua fungsi ini seharusnya dapat dijana di kalangan pelajar agar realiti pembicaraan akan sentiasa berfokus dan dinamik.

Pendidikan kesusasteraan harus ada sempadan yang jelas jika benar kita mahu melalui anjakan paradigma. Salah satu cara yang mudah untuk ketengahkan ialah dengan cara mencabangkan pendidikan itu kepada dua cabang utama, iaitu: (1) apresiasi seni dan, (2) kritikan sastera, dalam kurikulum persekolahan.

Matlamat ini akan hanya tercapai jika penggubalan mata pelajaran kesusasteraan itu diberi pengkhususan yang jelas (dari segi cabang pengkajian, agar fokus pelajar tidak bercapah). Pelajar pada peringkat persekolahan sepatutnya diberi pilihan untuk memilih salah satu cabang kajian dan pilihan itu menjadi wajib untuk mereka lalui dalam sesuatu bentuk peperiksaan yang dijalankan.

Anjakan paradigma akan berlaku apabila masyarakat pelajar bertindak sebagai pengkaji dan penganalis, bukan sekadar pembaca. Aspek penikmatan itu akan dapat mendorong mereka bersikap terbuka dalam memperkatakan sesuatu pokok persoalan. Hal ini juga bererti, anjakan paradigma dalam pendidikan kesusasteraan akan turut berlaku secara proaktif jika wujud kesedaran secara holistik terutama apabila adanya nilai-nilai ilmu yang terpancar dan terbangun melalui penyelidikan dan penganalisisan yang mereka lalui.

Pendidikan kesusasteraan juga mestilah mampu memperlihatkan unsur-unsur futuristik jika paradigma mahu diubah. Unsur-unsur futuristik bukan sekadar membicarakan hal-hal yang akan datang, bahkan menjana idea dan pemikiran masyarakat pelajar ke arah pemikiran yang lebih relatif dengan suasana persekitaran dalam masyarakat majmuk di negara kita.

Mampukah kita membentuk generasi akan datang jika kita masih terbelenggu dengan pembicaraan hal-hal yang remeh-temeh dalam sesebuah karya? Atau berlakukah proses pendidikan jika meditasi karya yang ditonjolkan masih di takuk lama?

Pendidikan kesusasteraan juga mestilah mampu memperlihatkan unsur-unsur futuristik jika paradigma mahu diubah.

Pengenalan unsur futuristik secara holistik bukan bererti kita sudah melupai nilai-nilai norma sesebuah karya, kerana unsur ini akan tetap bersandarkan unsur naturalisme yang kuat didukungi oleh tokoh karyawan tertentu. Unsur futuristik dapat dianggap sebagai satu 'itenarari' yang semestinya mengambil kira unsur-unsur lain, khususnya unsur realisme dan naturalisme. Soal unsur tersebut dipisahkan, tidak akan timbul jikalau pertimbangan yang mendalam dapat didorongkan secara global. Untuk menjadikan pendidikan kesusasteraan yang dapat membentuk ketamadunan masyarakat sejagat di negara kita, pihak yang terbabit sebagai pihak pelaksana dan penggubal kurikulum, harus diberi pilihan di samping bersikap selektif terhadap pemilihan sesebuah karya yang hendak diperkenalkan sebagai disiplin dalam sistem persekolahan negara kita.

Untuk bersikap selektif pula, penilaian yang bersungguh-sungguh dan bersandarkan kepakaran yang ada haruslah menjadi prioriti ketika menggubal dan menetapkan sesuatu matlamat pendidikan kesusasteraan. Hal ini bererti bahawa etika dan kepakaran adalah dua perkara yang saling berkait untuk menentukan prinsip-prinsip pendidikan kesusasteraan itu dapat memenuhi aspirasi masyarakat sejagat.

Membina tamadun kesusasteraan dalam pendidikan kesusasteraan bukanlah sesuatu tugas yang mudah untuk kita lakukan. Pembinaan tamadun kesusasteraan perlu melalui kronologi pengalaman kemanusiaan dan sejauh mana pencapaian mutlak sangatlah relatif dengan unsur-unsur yang didukungi oleh karya kesusasteraan masa kini.

Kronologi pengalaman yang telah kita lalui daripada kesusasteraan feudal yang membicarakan hal-hal kesultanan dan pemerintahan kepada kesusasteraan rakyat dengan lipur lara, mitos, dan legenda, sedikit sebanyak menggambarkan arah tuju pendidikan kesusasteraan masa lalu. Kemudian, kita telah juga melalui pengalaman kesusasteraan antipenjajah pada sekitar tahun 40-an sehinggalah ke zaman kesusasteraan kritikan masyarakat, sedikit sebanyak memberi panduan kepada kita, bagaimana tamadun kesusasteraan dalam pendidikan kesusasteraan di negara kita harus dicapai. Elemen-elemen inilah yang seharusnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adikan bahan kajian yang strak dalam pendidikan kesuteraan.

Sesuatu pendekatan yang hendak perkenalkan dalam pendidikan susasteraan haruslah mengambil a pendekatan berbentuk kajian ategik. Pendekatan ini bukan sa- a dapat melatih para pelajar ngkaji malah memantau sesuatu secara ilmiah. Melalui pendean ini, saluran dan fokus pelajar an dapat dijuruskan ke arah mantapan nilai-nilai dan falsafah sebalik pemelajaran kesuteraan. Hal ini bermakna bahaseseorang pelajar yang mengkaji susasteraan bukan naja berperanan segai pengkaji bahan susasteraan malah erupakan pengkritik ng dinamik yang pat mencetuskan mikiran dan panngannya secara gik dan berteras. mikiran dan panngan melalui cara i diharapkan akan pat melahirkan in- pelajar yang sensa peka dan bersifat lektif dalam memrkatakan sesuatu pokok peralan.

Untuk mencapai hasrat ini, rikulum dalam pendidikan susasteraan harus dirombak dan gubal semula supaya jalan rintis ng ingin kita tujui benar-benar rmatlamat dan berwawasan. ara tidak langsung, potensi dan payaan pemikiran pelajar akan fungsi berlandaskan ciri-ciri nantauan kendiri. Ciri-ciri nantauan kendiri inilah yang n menjadikan masyarakat ajar lebih berketerampilan da- menghuraikan dan menceskan sesuatu pokok pembicaraan. Klasifikasi bahan yang digan dalam pendidikan kesusasteraan harus juga diteliti dengan serius. Bahan yang digunakan untuk dijadikan bahan kajian harus saling berkait dan bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan semasa. Hal ini bermakna bahawa aspek pemilihan itu harus berlandaskan kriteria yang mantap. Tidak ada gunanya kita memperkenalkan beberapa genre kesusasteraan jikalau tidak wujud pertalian dengan Falsafah Pendidikan Negara yang diamalkan di negara kita. Bahan yang sekadar tahap keterbacaannya sempit dan lemah akan hanya menyempitkan pandangan pelajar. Di sinilah usaha yang bersungguh-sungguh harus dilakukan agar pemilihan sesuatu bahan itu memenuhi tahap piawaian ciri dan fungsi kesusasteraan. Tidak adanya sikap selektif dalam memperkenalkan sesuatu bahan, secara tidak langsung akan menjejaskan mutu pendidikan kesusasteraan. Satu panel penilai harus membentangkan kepada umum mengapa bahan-bahan itu dipilih untuk diketengahkan dengan mengemukakan beberapa unsur-unsur kerasionalan yang tersendiri.



Pelajar perlu digalakkan supaya berkarya bersungguh-sungguh.

Dalam era pembangunan teknologi maklumat, pendidikan kesusasteraan seharusnya dibangunkan sejajar dengan perkembangan maklumat. Persoalan yang sudah lapuk ditelan zaman atau yang sudah terlalu banyak dibicarakan dan dikupas harus dikesampingkan. Tiba masanya unsur-unsur futuristik mengambil tempat yang wajar dalam pendidikan kesusasteraan. Amat malang jika kita masih mahu menyogokkan soal remeh-temeh untuk dikaji oleh pelajar, walhal kepesatan pembangunan di negara kita begitu mendadak. Maka itu, dasar kesusasteraan negara harus diwujudkan dan diperkenalkan secara nyata, agar kekaburannya tidak wujud dalam pendidikan kesusasteraan di negara kita.

Dengan adanya dasar kesusasteraan negara, prinsip, dan matlamat secara kolektif dalam pendidikan kesusasteraan, akan dapat digariskan dengan nyata dan tegas serta dipatuhi oleh semua pihak. Sebarang prinsip dan matlamat melalui dasar ini diharapkan akan dapat menjadi penggerak ke arah penghasilan dan penciptaan karya yang bermutu tinggi, kerana jalan rintisnya dapat diperjelaskan dengan nyata kepada karyawan negara dan sekali gus usaha untuk memartabatkan bidang pendidikan kesusasteraan akan dapat dilakukan dengan jayanya.

KITA sering memperkatakan tentang literasi bahasa tetapi amat jarang memberi tumpuan yang khusus ke arah pemantapan literasi kesusasteraan. Era perkembangan teknologi multimedia seharusnya berperanan tinggi ke arah merealisasikan wadah pendidikan kesusasteraan. Sejauh mana pelajar dibimbing ke arah pemantapan kemahiran ini sangat bergantung kepada prasarana yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disediakan. Hal ini bermakna bahawa peluang dan potensi dalam penggunaan teknologi multimedia dalam memperkembangkan pendidikan kesusasteraan itu harus diberi keutamaan oleh pihak-pihak berkenaan. Oleh hal yang demikian, pelajar tidak akan ketinggalan dalam dunia literasi kesusasteraan yang sentiasa berkembang.

Pendidikan kesusasteraan secara *on-line* adalah salah satu cara untuk mencapai kekuatan bukan sahaja dari segi pemahaman dan sebaran yang luas, malah dari segi penikmatan secara terpilih. Saluran ini dapat membimbing pelajar supaya lebih sensitif dan proaktif dalam menyelidik dan membandingkan bahan-bahan kesusasteraan sekali gus dapat membentuk tahap pemikiran yang tinggi dan berkualiti.

Dalam perspektif pengajaran, kita mempunyai pelbagai pendekatan, kaedah, teknik, dan strategi tertentu. Aspek-aspek ini sentiasa berubah-ubah bergantung kepada unsur dan bahan kajian yang hendak dikaji. Namun, aspek ini tidak harus menjadi kongkongan kepada para pendidik untuk menerapkan ilmu yang hendak diketengahkan. Sebaliknya para pendidik harus bersikap terbuka dan menganggap bahawa pendekatan, kaedah, teknik, dan strategi ini adalah saluran eksperimentasi dalam menguji daya kreativiti proses pengajaran dan pemelajaran. Hal ini bermakna bahawa keberkesanan penggunaan setiap satu daripadanya bergantung kepada pengetahuan, pengalaman, dan penghayatan selari dengan bahan dan isi kandungan yang diajar.

Pendidikan kesusasteraan juga tidak seharusnya bermotifkan matlamat untuk mempertingkatkan pengetahuan terhadap unsur-unsur sastera melalui penelitian karya sastera semata-mata. Tiba masanya, pendidikan kesusasteraan bersifat 'kalkulatif', yang dilihat berupaya memberi penekanan yang seimbang bukan sahaja dari aspek penghayatan dan penikmatan, bahkan keupayaan kognitif dan afektif. Pendidikan kesusasteraan yang bersifat demikian akhirnya dapat mempertingkatkan perkembangan mentaliti dan kreativiti pelajar dan seterusnya memupuk minat yang berterusan di kalangan mereka untuk mencipta karya-karya sastera baru. Sekali gus, persada seni sastera akan berkembang dari semasa ke semasa. Persoalan yang mungkin timbul, sejauh mana kesungguhan kita ke arah ini? Sejauh mana pula bakat dan potensi pelajar itu dapat disalurkan?

Pendidikan kesusasteraan juga tidak seharusnya bermotifkan matlamat untuk mempertingkatkan pengetahuan terhadap unsur-unsur sastera melalui penelitian karya sastera semata-mata. Tiba masanya, pendidikan kesusasteraan bersifat 'kalkulatif'.

Platform untuk mencipta atau berkarya di kalangan pelajar harus disediakan. Kita mempunyai media cetak dan media elektronik. Kita juga mempunyai forum diskusi. Namun, kita masih tidak berupaya menggalakkan penglibatan pelajar secara menyeluruh. Di sinilah terletaknya peranan yang harus dipikul oleh institusi pendidikan di negara kita. Tiba masanya pendidik atau pihak pengurusan sama-sama berganding bahu membuka laluan untuk menonjolkan tokoh-tokoh sastera pelajar di sekolah masing-masing. Usaha ini dilihat sebagai perintis yang bukan sahaja dapat menjadikan pendidikan kesusasteraan itu bernilai bahkan bermakna kepada pelajar. Ini secara tidak langsung akan berupaya memupuk minat dan rangsangan di kalangan mereka untuk terus mencintai alam kesusasteraan

JUSTIFIKASI ke arah merealisasikan potensi pelajaran sastera harus sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Umpamanya, galakan berbentuk kewangan dan material wajar diberi pertimbangan. Ganjaran ini dilihat sebagai satu proses dan usaha untuk mewujudkan semangat berlumba-lumba di kalangan pelajar. Apabila adanya semangat ini, dunia pendidikan kesusasteraan akan sentiasa hidup dan secara tidak langsung akan menceriakan persada seni sastera tanah air.

Persoalan yang dibicarakan ini akhirnya dapat memberi petunjuk akan hala tuju pendidikan kesusasteraan di negara kita tentang persoalan-persoalan seperti yang berikut:

1. Apakah fungsi sebaran pendidikan kesusasteraan kepada para pelajar?
2. Bagaimana pendidikan kesusasteraan dapat memberi manfaat kepada pelajar?
3. Apakah bentuk dan potensi yang boleh didapati atau diperkembangkan kepada pelajar?
4. Sejauh mana bahan-bahan yang diketengahkan itu berkaitan dengan kajian kesusasteraan?
5. Sejauh mana penggubalan kurikulum itu utuh dan konsisten dengan pendidikan kesusasteraan?
6. Setakat mana adanya usaha untuk memperbaiki mutu pendidikan kesusasteraan? *DS*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Oleh BORHAN MD. ZAIN



BORHAN MD. ZAIN dilahirkan di Kampung Serkam, Jasin, Melaka pada 8 April 1952. Beliau mendapat pendidikan Inggeris di kampung kelahirannya dan kemudian mengikuti pendidikan menengah di Kuala Lumpur sebelum memasuki Institut Bahasa, Kuala Lumpur. Pada tahun 1972 beliau memasuki Universiti Malaya, Kuala Lumpur mengikuti jurusan Kreatif dan Desktiptif.

Pendahuluan

BAGAIMANA kita menguji pelajar dalam aspek penikmatan, penghayatan, dan pengalaman mereka terhadap karya yang dibaca? Untuk menjawab soalan ini, sebarang ujian pencapaian dalam bidang sastera wajar berlandaskan bukan sahaja matlamat atau objektif mengikut kurikulum tetapi berlandaskan objektif tersirat dan objektif jangka panjang pemelajaran dan pengajaran sastera.

Beberapa Dapatan Konsep Pengujian dan Penilaian Sastera

Ada beberapa dapatan mengenai konsep ujian:

> *"A test is a standardized situation that provides an individual with a score. Some of the most essential ingredients of standardization are (1) all students should answer the same question; (2) instructions should be clear, and the same instructions should be given to all students; (3) no student should be given any advantage not given to all students; and (4) a predetermined system of scoring should uniformly be applied to the answer of all students."*
>
> (Nunnally, Jum C., 1972: 6-7)

Petikan di atas bukan sahaja menyatakan konsep ujian malah merangkumi prinsip menjalankan satu-satu ujian. Bagaimanapun satu skor tentang satu-satu ujian itu menjadi hasil kepada ujian tersebut. Dalam hal ini, pengujian sastera bukan sahaja untuk mendapatkan skor malah merangkum pengujian penikmatan, penghayatan dan sekali gus pengalaman. Walau bagaimanapun, kemungkinan yang ada adalah keseluruhan hasil ujian skor memberi natijah tentang penikmatan, penghayatan dan pengalaman pelajar secara umum. Kefahaman pelajar tentang bahan sastera yang dipelajari boleh dimanfaatkan untuk pengukuhan serta pemulihan, bergantung kepada objektif ujian yang dijalankan oleh guru.

Menurut J. Raymond Gerberoch (1962), pengukuran pencapaian pemelajaran kesusasteraan terdapat dalam dua cara ujian. Ujian tersebut ialah:

i) Ujian *Acquaintance*

–Mengetahui pengetahuan pelajar tentang keseluruhan isi bahan sastera yang diajarkan atau dipelajari.

ii) Ujian Apresiasi

–Kefahaman tentang isi kandungan sastera yang mungkin tidak merangkumi penghayatan oleh pelajar. Ujian ini adalah tentang penilaian pelajar terhadap sesuatu hasil sastera yang memerlukan pengetahuan yang lebih tinggi daripada sekadar memahami.

Pemelajaran sastera hasil daripada pengajaran yang ideal memberi natijah kepada pembentukan sahsiah pelajar ke arah yang baik. Isi kandungan pelajaran yang disampaikan setelah diambil kira *domain* sasaran yang dikehendaki akan membawa kepada pencapaian matlamat pengajaran itu.

Kefahaman dan penghayatan pelajar menerima pelajaran dipengaruhi oleh kaedah yang digunakan oleh guru. Dalam hal ini, kaedah struktural, berfokus, dan mengalami serta menghayati dapat memainkan peranannya. Sebagaimana yang diketahui, objektif pendidikan terbahagi kepada tiga bidang yang penting iaitu:

i) kognitif
ii) afektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) psikomotor.

Di bawah *domain* kognitif terdapat enam peringkat kemahiran iaitu:

i) pengetahuan
ii) pemahaman
iii) aplikasi
iv) analisis
v) sintesis
vi) penilaian.

Di bawah *domain* afektif pula terdapat lima peringkat iaitu:

i) penerimaan
ii) sambutan
iii) penghargaan
iv) pembentukan
v) penyebatian.

Domain yang disebutkan di atas merangkumi perihal tingkah laku sastera untuk dibentuk melalui ujian yang dijalankan. Dalam hal ini Benjamin S. Bloom menyebut:

> *"The behaviours described in literature curricula may be grouped under the headings; Knowledge, Application, Response, Expressed response and Participation. As one can see, they do not fall neatly into the taxonomical domains of the cognitive and the affective."*

(Bloom, Benjamin S., 1971: 706).

DARIPADA tingkah laku yang disebutkan itu menurut Bloom; barulah soalan-soalan dapat dibina menurut yang sesuai. Terdapat tiga jenis ujian iaitu:

> *"Literary acquaintance, literary analysis and interpretation, and attitudes toward literature and the literary response."*

(*Ibid.*, 1971: 751).

Jika melihat perbandingan dengan pemelajaran kesusasteraan di Amerika berdasarkan konsep-konsep pengujian dan penilaian yang disebutkan, pemelajaran kesusasteraan mengarah kepada empat matlamat:

i) Membaca hasil sastera Amerika dan dunia dalam bahasa Inggeris secara meluas;

ii) Memahami secara mendalam akan bahan sastera yang dibaca di dalam kelas;

iii) Menilai sastera secara berkesan;

iv) Menggunakan kemahiran mengkritik terutama kepada hasil sastera yang lain.

Menilai dan Menguji Sastera

Dalam usaha menilai dan menguji pemahaman pelajar terhadap sesebuah karya, beberapa aspek penting perlu diberi perhatian. Aspek ini perlu dikaji kerana sesebuah karya memberi pemahaman kepada pembaca tentang perbezaan yang jelas antara sebuah karya yang dikaji dengan karya yang lain.

Di dalam kelas, adalah lebih bermanfaat jika guru sastera mentadbir pengujian dan penilaian bersifat formatif untuk melihat perkembangan pencapaian individu dari semasa ke semasa.

Menurut Azman Wan Chik (1989) beberapa faktor penting digunakan dalam usaha mengubah ujian pencapaian dan keupayaan sastera.

(a) Sebarang ujian haruslah menguji:
i) Penikmatan.
ii) Penghayatan
iii) Pengalaman.

(b) Peringkat penikmatan, penghayatan, dan pengalaman pelajar berbeza mengikut umur bacaan dan kematangan (bukan umur tahun) dan aspek ini harus diambil kira dalam pemarkahan.

(c) Bentuk ujian tidak haruslah tertumpu kepada yang mudah diberi markah dan objektif dari segi pemarkahan, tetapi yang menguji daya kreatif pelajar.

(d) Ujian sastera tidak hanya merupakan ujian dan penilaian pencapaian, malah penilaian keupayaan.

Menurut Khatijah Ab. Hamid (1989) terdapat beberapa jenis pengujian dalam pendidikan seperti pengujian formatif dan dianostik yang tercakup dalam penilaian rujukan kriteria (*criterion-referenced*) dan pengujian penempatan (*placement*) serta pengujian sumatif yang tercakup dalam penilaian rujukan norma (*norm-referenced*). Apabila guru menguji dan menilai pendidikan sastera di kalangan pelajar dengan memberi latihan dan ujian bulanan untuk melihat perkembangan individu, maka pengujian dan penilaian demikian bersifat formatif. Cara demikian jika diperluas dengan mengesan daerah kelemahan dan kesukaran pelajar, maka pengujian dan penilaian tersebut bersifat dianostik.

Di dalam kelas, adalah lebih bermanfaat jika guru sastera mentadbir pengujian dan penilaian bersifat formatif untuk melihat perkembangan pencapaian individu dari semasa ke semasa.

Penilaian Bersifat Subjektif

Pengajaran sastera melibatkan pemikiran yang mendalam dan luas dan terdapat banyak unsur dalaman yang terlalu subjektif jika dilihat dari segi penilaian. Brendan J. Carool dan Patrik J. Hall menyatakan bahawa dengan menggunakan markah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gred sahaja dalam penilaian yang bersifat subjektif tidaklah dapat dinilai secara bermakna, kerana mereka berpendapat bahawa menggunakan nombor untuk menentukan peringkat pelakuan manusia mempunyai risiko yang amat tinggi. Mereka mencadangkan agar sistem 9-jalur (*9-band system*) digunakan untuk penilaian yang bersifat subjektif, yang meliputi tiga unsur utama penjalurkan, iaitu peringkat, aktiviti, dan huraian.

Membina Soalan

SOALAN sastera yang bersifat subjektif boleh dibina mengikut peringkat kebolehan pelajar. Satu daripada caranya adalah dengan menggunakan model Bloom iaitu "Taxonomy of Education" yang membahagikan objektif pendidikan kepada tiga bidang besar seperti yang berikut:

a) Kognitif
b) Afektif
c) Psikomotor.

Di bawah naungan kognitif, terdapat enam peringkat kemahiran yang perlu ditanamkan dalam diri pelajar, iaitu:

a) Pengetahuan
b) Pemahaman
c) Aplikasi
d) Analisis
e) Sintesis
f) Penilaian.

Di bawah naungan afektif terdapat lima peringkat:

a) Penerimaan
b) Sambutan
c) Penghargaan
d) Pembentukan
e) Penyebatian.

Masalah dalam Pengujian dan Penilaian

Terdapat segolongan guru yang tidak menjalankan ujian sastera kerana membina soalan bagi latihan, pengujian, dan peperiksaan sastera secara sendiri kerana masalah-masalah yang berikut:

i) Unsur sastera yang hampir sama.
ii) Masa yang suntuk.
iii) Perbezaan kebolehan kalangan pelajar.
iv) Ketiadaan panduan tentang cara memeriksa jawapan yang subjektif.
v) Tiada pengalaman atau tidak diberi pendedahan khusus dalam pengajaran sastera.

b) Kesukaran melaksanakan pengujian sastera.

Brendan J. Carool dan Patrik J. Hall menyatakan bahawa dengan menggunakan markah dan gred sahaja dalam penilaian yang bersifat subjektif tidaklah dapat dinilai secara bermakna, kerana mereka berpendapat bahawa menggunakan nombor untuk menentukan peringkat pelakuan manusia mempunyai risiko yang amat tinggi.

i) Kesuntukan masa pengajaran dan pemelajaran sastera (banyak genre perlu dijalankan).

ii) Tiada soalan yang disediakan oleh pihak sekolah. Di sebuah sekolah hanya terdapat seorang dua guru sastera. Oleh itu sukar bagi guru menyediakan soalan dan pengujian dengan beban tugas lain yang lebih berat.

Kesimpulan

Kita mungkin mampu menguji penikmatan pelajar terhadap sesebuah karya melalui ujian peringkat pemahaman analisis yang kritis, di samping melalui pemahaman struktur dan bentuk karya. Kita dapat juga menilai keupayaan pelajar menghayati sebuah karya melalui peringkat pemahaman sintesis. Tetapi untuk menguji penghayatan pengalaman pelajar, kita memerlukan lebih daripada itu. Kita mahu pelajar mampu menghasilkan kembali pengalamannya berdasarkan penghayatannya. Peringkat ini boleh diuji, tetapi memerlukan pemberi markah yang peka, kreatif, dan berupaya. *DS*

Bibliografi

Abd. Rashid Johar, *Prinsip-prinsip Asas Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Penerbit Moden Akademik, 1980.

Azman Wan Chik, *Prinsip dan Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publications & Distributors, 1981.

Benjamin S. Bloom, J. Thomas Mastings & George F. Madaus, *Handbook On Formative and Summative Evaluation of Student Learning*, New York: McGraw-Hill Book Company, 1971.

Falsafah Pendidikan Negara, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Malaysia, 1988.

Gerberich, J. Raymond, *Measurement and Evaluation in The Modern School*, New York: David Mckay Inc., 1962.

Jan Van Luxemberg, Mieke Bal & Willem G. Weststeijn, *Pengantar Ilmu Sastera*, Jakarta: Penerbit Gramedia, 1984.

Khatijah Abdul Hamid & Aminah Haji Harun, *Pengujian dan Penilaian*, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 1989.

Mohd. Taib Osman, (Prof.), *Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977.

Nunnally, Jum C., *Educational Measurement and Evaluation*, New York: McGraw-Hill Book Company, 1972.

Sukatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kesusasteraan Melayu untuk tingkatan IV dan V, 1984.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sastera Mampu Membuka Cakerawala Ilmu

OLEH NAAPIE MAT

KESUSASTERAAN Melayu yang dikelompokkan sebagai mata pelajaran elektif yang tercorot untuk ditawarkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima menjadikan kesusasteraan semakin diketepikan. Kekurangan minat pelajar untuk mengambil mata pelajaran kesusasteraan semakin ketara. Tanggapan mereka, mata pelajaran ini tidak ada nilai "komersial". Dan disebabkan subjek ini tidak memberi jaminan sebagai aset untuk merebut jawatan tinggi, telah mengelabui mata ibu bapa dan juga para pelajar agar tidak memandang mata pelajaran ini.

Melalui tinjauan di beberapa buah sekolah yang terletak di kawasan bandar di Selangor, Wilayah Persekutuan, Pahang dan Perak, pelajar aliran sastera lebih selesa untuk memilih mata pelajaran Perdagangan dan Ekonomi Asas sebagai elektif. Lantaran itu beberapa buah sekolah dengan rasa yang cukup berat terpaksa menutup kelas sastera kerana tidak ada pelanggan. Kalau ada pelanggan sekalipun, bilangannya tidak mencukupi untuk melayakkan sekolah itu membuka walaupun sebuah kelas. Pihak sekolah terpaksa akur dengan kehendak dan pilihan pelajar.

Fenomena persekitaran telah mengubah paradigma para pelajar untuk menjauhkan diri dengan pendidikan sastera. Mata pelajaran yang berada di *ranking* tercorot ini hanya diambil oleh pelajar yang dianggap "hampas", iaitu kumpulan pelajar yang kurang baik prestasi akademiknya dan, masih lagi menghadapi masalah menguasai kemahiran bahasa, iaitu lisan, membaca dan menulis. Kalau membaca dan menulis menimbulkan masalah pembelajaran, bagaimana mereka dapat menghayati teks novel, cerpen, puisi dan karya tradisional.

Fenomena seterusnya pendidikan sastera telah dianggap subjek *low class*. Pelajar zaman siber ini telah mampu menilai keperluan-keperluan untuk kerjayanya. Dalam konteks ini, apakah sumbangan kesusasteraan mendorong generasi baru berada dalam kancah pengangguran. Dengan keadaan perkembangan dunia yang lebih berpihak kepada dunia teknologi siber, mereka juga terdorong untuk mengejar ilmu yang boleh ditimbang.

Inti pati kandungan dalam Falsafah Pendidikan Negara, iaitu pendidikan kesusasteraan telah dijadikan salah satu wahana dengan matlamat untuk membolehkan pelajar menjiwai unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan, menanam rasa bangga dan cinta akan tanah air dalam satu wawasan budaya kebangsaan yang dihasratkan, serta mengimbangkan perlakuan dan sahsiah diri mereka secara harmonis untuk memainkan peranan yang berkesan sebagai anggota masyarakat. Pendidikan Kesusasteraan Melayu juga bertujuan membimbing pelajar untuk menghayati, menghargai mencintai dan membanggakan bahasa dan kesusasteraan dengan berfikir secara analitis, kritis dan kreatif melalui pembinaan cita rasa sastera.


Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu telah lama diperkenalkan secara formal dalam sistem persekolahan negara. Mata pelajaran ini mulai diperkenalkan kepada pelajar tingkatan empat, lima dan enam di sekolah-sekolah menengah Inggeris untuk peperiksaan Federation of Malaya Certificate (FMC) dan peperiksaan Higher School Certificate (HSC) pada tahun 1957. Pelajar yang mengambil mata pelajaran Sastera boleh menjawab dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Kemudian martabat dan apabila status mata pelajaran ini dikekalkan calon kedua-dua peperiksaan tersebut wajib menjawab soalan peperiksaan Kesusasteraan Melayu dalam bahasa Melayu. Sijil Pelajaran Malaysia pula diperkenalkan pada tahun 1962. Maka subjek Kesusasteraan Melayu telah menjadi subjek pilihan bagi pelajar beraliran sastera di sekolah menengah yang berpengantarkan bahasa Melayu dan Inggeris. Sehingga tahun 1984, pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Melayu bagi tingkatan empat dan lima didasarkan pada sukatan pelajaran peperiksaan.

Memandangkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu semakin mendapat sambutan, serta kesedaran bahawa betapa perlunya ilmu sastera diterapkan untuk membina insan serta memanusiakan pelajar mengikut acuan yang sebenar, maka pada tahun 1985, Kementerian Pendidikan telah mengguna pakai draf sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu (1984) bagi tingkatan empat kerana ia memenuhi kehendak pendidikan sastera yang dihasratkan. Bagi pelajar-pelajar tingkatan satu, dua dan tiga pula, pendidikan Kesusasteraan Melayu digabungkan sebagai unsur sastera dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu.



Falsafah dan keperluan wawasan negara serta sejarah perkembangan pendidikan Kesusasteraan Melayu itu menunjukkan bahawa pelajar-pelajar pada abad ini perlu diisi dengan ilmu sastera untuk memanusiakannya bagi menghadapi gelodak dan ranjau kehidupan. Justeru pakej dan struktur sistem pendidikan kini sebagai suatu reformasi pendidikan. Kesedaran bahawa input-input yang terdapat dalam ilmu pendidikan sastera secara eksplisitnya terjurus kepada pembentukan dan perkembangan tiga domain pelajar, iaitu afektif, kognitif dan psikomotor.


Domain afektif dan kognitif memberi tumpuan hanya pada tiga tahap yang terendah iaitu penerimaan, bertindak balas dan menghargai karya sastera. Dalam konteks ini, kita seharusnya memperkembang semua tahap domain, iaitu peringkat mengorganisasi dan membentuk perwatakan berdasarkan ciri-ciri yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Secara eksplisit, domain ini sebagai persediaan melahirkan masyarakat yang demokratis, bermoral, beragama, berkeperibadian luhur, bersikap liberal dan toleran serta berbudi dan berbudaya penyayang.

Domain psikomotor ada kalanya diabaikan. Ilmu sastera mampu untuk membentuk masyarakat yang tangkas untuk menghadapi sebarang rintangan, serta membentuk masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang yang ditunjukkan melalui tingkah laku yang terkawal, maka pendidikan sastera mampu memperkembang domain ini khususnya bagi kemahiran pengubahsuaian tingkah laku yang kompleks dan pergerakan yang lebih bermakna.

Sebelum ini, pelajar sastera di tingakatan empat dan lima dibebankan dengan bilangan buku teks yang banyak. Hampir sepuluh tahun, mereka terpaksa menelaah lima teks wajib, iaitu *Lukisan Zaman* (puisi), *Kelapa Nan Sebatang* (cerpen), *Mereka yang Tertewas* (novel), *Keris Laksamana Bentan* (drama) dan *Rampaisari Prosa Warisan* (prosa tradisional). Menyedari fenomena betapa subjek sastera semakin "sakit", pihak Pusat Perkembangan Kurikulum telah menilai semula kedudukan subjek ini. Maka mulai tahun 2001, teks-teks baru telah diperkenalkan kepada pelajar tingkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Akar umbi pendidikan sastera ialah di sekolah

empat. Dari lima teks telah berkurang kepada tiga teks. Teks-teks tersebut ialah *Bacalah dalam Bahasamu* (cerpen, puisi dan drama), *Restu* (novel) dan *Hati Terkenang Mulut Menyebut* (puisi dan prosa tradisional).

Dalam masa yang hampir sama juga, pihak Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah memperkenalkan Komponen Kesusasteraan dalam Pengajaran Bahasa Melayu (Komsas). Pengumuman pelaksanaannya yang dibuat pada 22 Jun 1999, sesungguhnya telah menyelamatkan maruah sastera untuk diletakkan pada tempat yang sewajarnya.

Maka bermula tahun 2000, pelajar-pelajar yang berada tingkatan satu dan tingkatan empat mulai menggunakan teks-teks novel, puisi, cerpen, drama, dan puisi-prosa tradisional. Kemudian, pelaksanaan Komsas telah menyeluruh kepada pelajar-pelajar yang berada di tingkatan lima. Kefahaman mereka telah pun diuji melalui kertas Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2001, manakala Penilaian Menengah Rendah (PMR) mulai tahun 2002.

Sastera mampu membuka tabir cakerawala ilmu. Walaupun ilmunya bersifat serpihan iaitu tidak menuntut pada pembuktian, hukum, pengujian dan pengesahan, tetapi penjanaan ilmu yang diperoleh melalui pemikiran pengarang sastera cuba mengaplikasikan segala bentuk ilmu yang terdapat di dalam kehidupan masyarakat. Ilmunya merentasi sempadan disiplin yang mungkin terdapatnya penyerapan ilmu psikologi, politik, ekonomi, agama, sosiologi, teknologi maklumat. Penyerapan ilmu sebegini tidak terdapat pada disiplin ilmu lain. Maka, pendidikan sastera lebih merupakan "ensiklopedia bangsa" kerana banyaknya ilmu pengetahuan yang boleh ditimba. Mungkin kerdip cakerawala ilmu ini terdapat dalam acuan pemetaan silibus untuk Kesusasteraan Melayu tingkatan enam. Perkara-perkara yang berkaitan dengan struktural tidak lagi menjadi asas penting kepada pelajar, tetapi minda mereka telah diajak untuk mengkaji unsur ekstrinsik dan instrinsik.

Akar umbi pendidikan sastera ialah di sekolah. Pendidikan sastera bukan untuk melahirkan penulis. Sekarang ini pun, sudah ramai yang muncul menghasilkan karya sastera bukan daripada golongan mempunyai latar belakang sastera. Sudah ada golongan ahli sains, pentadbir, jurutera, pakar komputer, doktor dan sebagai sudah mampu menghasilkan karya yang bermutu. Tetapi yang penting ialah pendidikan sastera sebagai suatu wadah ilmu untuk pembangunan insan kerana kesusasteraan mendukung nilai-nilai yang menyerlahkan psikologi dan pemikiran masyarakat. Malah ia berupaya sebagai wahana untuk memperteguh dan meningkatkan keterampilan berbahasa, meningkatkan daya intelek dan meningkatkan ketajaman sensitiviti, kreativiti, persepsi dan imaginasi, menyediakan horizon yang lebih luas serta meninggalkan impak-impak positif, kesan katarsis dan berakhir dengan kebijaksanaan. *DS*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran Kritikan Sastera di Peringkat Sekolah

OLEH OTHMAN PUTEH

PENGAJARAN dan pemelajaran (P & P) kritikan sastera merupakan elemen baharu dan mula diperkenalkan secara formal pada tahun 1997 kepada pelajar tingkatan enam rendah yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (Elektif) di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 1998. Sewaktu mula diperkenalkan elemen baharu dalam mata pelajaran ini, kertas Kesusasteraan Melayu STPM terdiri daripada tiga bahagian yang dipelajari untuk selama dua tahun. Kertas itu dikenali sebagai:

Kertas 922/1: Sejarah dan Kritikan Sastera
Kertas 922/2: Penghayatan Kesusasteraan Melayu Tradisional
Kertas 922/3: Penghayatan Kesusasteraan Melayu Moden

Kandungan sukatan pelajaran Kritikan Sastera bagi Kertas 992/1 ini terdiri daripada tiga judul utama dengan huraian, agihan waktu, dan catatan seperti jadual yang berikut:

Bil.	Judul	Huraian	Waktu	Catatan
1	Pengenalan Kritikan	• Definisi: Tanggapan awal dan kini • Fungsi: – Proses berkarya – Penghayatan karya • Ciri: – Sanjungan – Teguran – Saraan – Pendekatan – Penganalisisan – Penilaian	6	• Mengenal definisi. fungsi dan ciri kritikan secara umum • Tanggapan awal bermaksud tahun 1930-an
2	Sejarah Ringkas	• Tahap: – Bermula pada tahun 1994 (Aminuddin Baki) – Sebelum perang dan ASAS 50 – Selepas perang • Tokoh: – Asraf – Hamzah – Yahya Ismail – Kassim Ahmad – Hashim Awang – Sahlan Mohd. Saman – Shahnon Ahmad – Abdul Rahman Hanafiah – Ramli Isin – Mohd. Yusuf Hasan	14	• Tahap: Kritikan Sastera secara formal bermula padatahun 1949 Tokoh: Penekanan terhadap latar, sumbangan dan kepentingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		• Isu: – Konsep pertentangan fungsi seni – Idealisme formalistik – Kaitan sastera dengan masyarakat – Konsep sastera Islam/murni – Penggunaan pendekatan Barat dan pendekatan Melayu		
3	Pendekatan	• Formalistik: – Ciri formal dalam karya sastera – Hal tersurat dan tersirat – Keharmonian unsur dalam karya	4	• Mengenal asas semua pendekatan
		• Agama/moral: – Nilai keagamaan – Nilai murni/moral dalam karya	4	
		• Kemasyarakatan (sosiologi): – Kaitan karya dengan masyarakat tempat karya itu dilahirkan – Karya sebagai cerminan masyarakat – Karya sebagai dokumen sosial	6	
		• Kemanusiaan (psikologi) – Hubungan sastera dengan kejiwaan manusia – Hubungan watak karya dengan realiti masyarakat – Pengajaran yang ditinggalkan – Kejiwaan dan pemikiran pengarang		
		• Keindahan (estetik/bahasa): – Kesan keindahan pengalaman, emosi, imaginasi dan wawasan – Memahami dan menghayati keindahan penggunaan bahasa dalam karya sastera – Keindahan dan keistimewaan dalam pengolahan karya	6	
		Jumlah Waktu	46	

Pada keseluruhannya Kertas 922/1 ini sebenarnya memiliki cakupan saiz yang relatif besar – luas, berjumlah enam kesemuanya, dengan lima tajuk lain seperti yang berikut:

- Pengenalan Kesusasteraan bagi memungkinkan pelajar mengenal definisi, fungsi, dan ciri sastera secara umum.
- Pengenalan Kesusasteraan Melayu Tradisional (prosa dan puisi) daripada aspek bentuk naratif dan non-naratif.
- Pengenalan Kesusasteraan Melayu Moden (multigenre dan aliran).
- Sejarah Kesusasteraan Melayu Tradisional, dikaji daripada aspek tahap (era dan kategori), tokoh, persoalan dan latar masyarakat.
- Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden, dikaji daripada aspek zaman, tokoh pilihan, persoalan dan realiti masyarakat (isu), dan institusi.

Pemetaan dan/atau sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) bagi Kertas 922/1 ini sedemikian rupa lalu diberikan peruntukan waktu P&P sebanyak 120 waktu dan segmen atau elemen Kritikan Sastera memperoleh 46 waktu daripada keseluruhan agihan itu. Hal ini harus berlangsung dalam tempoh dua tahun ketika pelajar berada di tingkatan enam rendah dan tingkatan enam atas.

Yang menarik ialah terdapat nota dalam senarai rujukan untuk Bahagian Sejarah dan Kritikan Sastera yang menyatakan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tiada teks Kajian untuk Bahagian atau Kertas 922/1 ini. Calon cuma disarankan merujuk Senarai Rujukan yang disediakan. Terdapat lapan buah buku rujukan disediakan dan cirinya umum amat.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan P & P, penilaian atau peperiksaan mata pelajaran KM(922) yang mengandung tiga kertas mendapat reaksi yang pelbagai daripada pelajar, guru, ibu bapa/penjaga, peneliti sastera, sarjana, pengkritik, dan peminat sastera melalui media cetak, seminar, bengkel, ceramah dan simposium, berkaitan dengan muatan sukatan pelajaran yang sarat dengan hambatan waktu.

Komentar daripada warga sastera yang komited dan prihatin ini mendorong Majlis Peperiksaan Malaysia untuk mengkaji dan memperkemas sukatan pelajaran, lalu sekali gus melaksanakan perubahan. Maka, mulai tahun 2002, semua calon STPM yang mengambil peperiksaan mata pelajaran KM (Kertas 922) dikehendaki menjawab atau berhadapan dengan dua kertas, iaitu:

Kertas 922/1: Kesusasteraan Melayu Tradisional
Kertas 922/2: Kesusasteraan Melayu Moden

Sesungguhnya perubahan ini mengurangkan beban pelajar baik dari sisi waktu peperiksaan (daripada sembilan jam kepada enam jam), saiz, dan kertas soalan dengan pilihan soalan yang semakin munasabah. Begitupun, pengisian sukatan pelajaran dan agihan/pemetaan waktu P&P tetap tidak berubah sama sekali, masih mengekalkan yang lama, malah tetap tidak menyediakan teks kajian yang khusus, terancang dan mudah diperoleh. Sukatannya masih bertaburan dan bahan P & P-nya boleh ditelusuri dalam enam buah buku yang disaransediakan.

Situasi ini menimbulkan beberapa hambatan dalam kalangan pendidik dan calon KM/STPM dalam melaksanakan P&P kritikan sastera secara berkesan dan lancar kerana:

- Bahan rujukan yang disaransenaraikan sukar ditemukan dan/atau tiada dalam pasaran terbuka, apatah lagi bagi pendidik dan calon yang berada di lokasi yang jaraknya berantara, seperti Sabah, Sarawak, dan beberapa buah daerah di Semenanjung.
- Dua buah buku dalam senarai rujukan bagi Pengenalan Kesusasteraan dan Kritikan Sastera bagi peperiksaan tahun 2002 ternyata kurang relevan dan boleh digugurkan. Sebagai gantinya, wajar disenaraikan buku *Kritikan Sastera Melayu: Pendekatan dan Pemikiran* (DBP, 1988 & 1992) karya Rahman Shaari. Buku ini dapat memenuhi sebahagian besar daripada keperluan sukatan pelajaran segmen kritikan sastera. Sementara buku rujukan selenggaraan Baharuddin Zainal, *Mendekati Kesusasteraan* (DBP, 1986), yang telah digugurkan itu wajar diangkat kembali dan dicetak ulang dan untuk keperluan P & P.
- Tajuk "Sejarah Ringkas" Kritikan Sastera yang berkaitan dengan tokoh (disenaraikan 10 orang kritikawan) masih boleh dibincang/dihujah beberapa orang tokoh itu, di samping terlupa menyenaraikan dua orang tokoh penting dalam jagat kritikan, iaitu Baha Zain dan Mohd. Affandi Hassan.
- Perbincangan tentang "Tahap Kritikan Sastera" (iii) Selepas Perang (seperti dalam Sukatan Pelajaran) bertindih dengan "Tahap Kritikan Sastera ASAS 50". Hal ini kiranya lebih relevan diklasifikasikan sebagai "Selepas Merdeka" atau:

  i. Selepas Merdeka hingga tahun 1979
  ii. Mutakhir

Sekadar makluman perbandingan, yang berikut diperturunkan jumlah saiz calon STPM yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu dari tahun 1992 hingga tahun 1999.

	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Bahasa Melayu	38 179	39 917	39 699	43 294	40 230	31 545	27 920	26 670
Kesusasteraan Melayu	18 574	21 522	21 724	23 221	21 272	16 596	13 023	1 957

*Sumber: Laporan Tahun Majlis Peperiksaan Malaysia.

Sesuatu yang harus difikirkan, sebelum terlambat, adalah tentang status mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat STPM. Penelitian dan kajian yang dilaksanakan perlu mengambil kira banyak aspek saking Kesusasteraan Melayu, termasuk Kritikan Sastera, bukannya bahan jenaka pada alaf baru, dengan catatan:

- Bahasa Melayu (termasuk Kesusasteraan Melayu berstatus prinsipal akhir pada tahun 1991.
- Bahasa Melayu berpisah daripada Kesusasteraan Melayu berstatus prinsipal bermula tahun 1991 dan peperiksaannya pada tahun 1992.
- Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM mula memperkenalkan elemen "Kritikan Sastera" pada tahun 1997, peperiksaan pada tahun 1998. *DS*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi